

**DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KESEBELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 26**

**Rabu**

**21 Disember 2005**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 2)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2005 (Halaman 31)

Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 (Halaman 83)

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu, 21 Disember 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat-Yang Berhormat, rupa-rupanya dalam hidup ini boleh atau tidak boleh pun ada darjah juga. Ada perkara yang boleh sebagai lumrah, ada perkara yang boleh sebagai pengecualian. *There are things which can be done as a matter of course and there are things which can be done as an exception.* Bacalah undang-undang, ayat al-Quran ataupun Peraturan Mesyuarat mengikut kefahaman tersebut. *There are things which can be allowed as a matter of course and there are things which are allowed as an exception.* Ada perkara yang dibolehkan secara lumrah, ada perkara yang dibolehkan sebagai pengecualian. Maka, silakan Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad.

1. **Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan statistik kolej swasta yang mendapat pengiktirafan Lembaga Akreditasi Negara (LAN) dan nyatakan juga berapakah daripada jumlah tersebut dimiliki oleh bumiputera.

**Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Fu Ah Kiow]:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyatakan statistik yang diminta, sukacita saya menjelaskan bahawa pihak LAN memberi perakuan akreditasi berdasarkan kepada kursus pengajian, bukan berdasarkan kepada institusi. Perakuan akreditasi adalah secara sukarela dan dilakukan sekiranya IPTS memohon, kecuali kursus pengajian yang diwajibkan oleh kementerian iaitu:

- (i) kursus-kursus IPTS bertaraf universiti dan kolej universiti; dan
- (ii) kursus-kursus berkembar dalam bentuk 3 + 0 dengan IPT luar negara dan IPTA.

Sehingga 13 Disember 2005, sebanyak 765 kursus pengajian daripada 162 IPTS masih dalam tempoh sah laku perakuan akreditasi LAN. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 491 kursus pengajian dikendalikan oleh 101 IPTS bumiputera di mana ia mempunyai ekuiti melebihi 70% dimiliki oleh bumiputera.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa menggalakkan IPTS bumiputera atau bukan bumiputera untuk memohon perakuan akreditasi kerana perakuan tersebut memberi nilai tambah yang amat berguna kepada kursus pengajian yang ditawarkan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad, kemudian Dato' Dr. Chin Fook Weng dan kemudian Tuan Lee Sing Chooi.

**Datuk Dr. Haji Mohd. Fuad bin Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Dewan yang mulia ini difahamkan oleh Kementerian Sumber Manusia bahawa antara punca utama kadar pengangguran di kalangan graduan sekarang adalah kerana masalah ketidaksepadanan ataupun *mismatch*, dengan izin, antara kelayakan graduan dengan permintaan pasaran. Soalan saya, apakah langkah-langkah khusus yang dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengurangkan tahap ketidaksepadanan ini, bukan sahaja untuk dua, tiga tahun akan datang tetapi untuk lima, sepuluh tahun dari sekarang. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang begitu tepat.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa mengadakan perbincangan dengan pihak industri dan swasta untuk memastikan kursus-kursus kurikulum yang ditawarkan adalah menepati keperluan tenaga manusia di pasaran. Selain daripada itu, daripada maklum balas yang diterima oleh pihak swasta, salah satu sebab utama graduan menghadapi masalah mendapat pekerjaan ialah kelemahan dalam *soft skill*, dengan izin, dan juga penguasaan bahasa Inggeris.

Jadi, kementerian pun telah mengambil langkah memastikan pengajaran *soft skill* itu dipertingkatkan. Ini termasuk kebolehan untuk berkomunikasi dan juga penguasaan bahasa. Kementerian juga sentiasa mengadakan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar-pelajar supaya mereka tahu bagaimana menghadapi sesi temu duga dengan pihak majikan dan sebagainya. Jadi, ini adalah langkah-langkah untuk kita mempertingkatkan kebolehan dan penerimaan graduan kita dengan lebih giat. Terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan kolej swasta yang ditingkatkan tarafnya kepada kolej universiti atau *university college*. Dalam tinjauan Lembaga Akreditasi Negara itu, adakah mereka mendapati bahawa ijazah-ijazah yang ditawarkan itu setanding dengan apa yang ada di universiti-universiti terkemuka? Ini adalah penting dari segi menarik pelajar ke institusi ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan itu juga adalah satu komponen akreditasi.

**Dato' Fu Ah Kiow:** Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menilai sesuatu permohonan untuk mendapatkan perakuan akreditasi, kita telah ambil kira aspek-aspek yang penting iaitu termasuk kesesuaian objektif dan hasil pembelajaran satu-satu kursus pengajian, kemantapan kurikulum dan keberkesanan strategi pengajaran dan pembelajaran iaitu *learning outcome*, dengan izin, kesesuaian kelayakan dan kecukupan bilangan staf akademik, kesesuaian dan kecukupan kemudahan, kemantapan dan keberkesanan sistem pengurusan akademik dan bukan akademik. Ini adalah di tanda aras dengan amalan antarabangsa yang terbaik. Terima kasih.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Malaysia berhasrat untuk menjadi pusat kecemerlangan pendidikan serantau, maka kursus-kursus yang dikendalikan oleh IPTA dan IPTS itu mesti dikawal dan juga kawalan itu salah satu badan ialah LAN. Saya hendak tanya macam mana LAN mengawal kualiti-kualiti kursus di IPTS supaya ia ada kualiti yang tinggi dan juga dapat menarik pelajar-pelajar asing dan juga pelajar-pelajar tempatan. Dan, apakah *qualification* atau kelulusan minimum untuk pelajar-pelajar asing memasuki IPTS di Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas dapat akreditasi, macam mana kekalkan akreditasi?

**Dato' Fu Ah Kiow:** Saya ingin mengambil kesempatan ini menjelaskan prosedur LAN mengawal kualiti kursus pengajian tinggi iaitu ada tiga peringkat sebenarnya:

- (i) kelulusan sesuatu kursus iaitu tiap-tiap IPTS yang ingin menawarkan sesuatu kursus, mereka perlu memohon kelulusan daripada kementerian. Kementerian biasanya beri keputusan berdasarkan kepada penyemakan dan juga kelulusan akademi yang dijalankan oleh LAN. Bermakna, LAN perlu buat cadangan untuk menukar sesuatu kursus berdasarkan penilaian akademi

barulah kementerian meluluskan sesuatu kursus dijalankan dan ditawarkan oleh IPTS. Itu peringkat pertama.

- (ii) untuk kursus-kursus yang tidak diwajibkan mendapat akuan akreditasi, maka semua IPTS perlu mendapatkan minimum standard sebelum cohort pertama penggraduan atau sebelum penganugerahan sijil kepada pelajar IPTS perlu dapat minimum standard dan minimum standard itu perlu juga diperbaharui setelah tempoh sah tamat; dan
- (iii) untuk kursus yang saya kata tadi, yang wajib dapatkan akreditasi, mereka juga perlu mendapatkan perakuan akreditasi sebelum cohort pertama penggraduan atau sebelum penganugerahan sijil kepada mereka. Pihak swasta boleh semak dalam *web* kursus-kursus yang telah dapat akreditasi.

Dengan cara ini, maka kita dapat memantau kualiti yang ditawarkan oleh IPTS dan setiap akreditasi perlu diperbaharui setiap lima tahun. Bermakna, proses penilaian kali kedua dimestikan apa yang dicadangkan pada peringkat permohonan kelulusan kursus dilaksanakan secara benar dalam *website* institusi. Jadi, dengan cara itu bukan sahaja kita menyemak dari segi kertas kerja sahaja tetapi juga kita semak dan menilai dengan lawatan ke institusi yang berkaitan. Ini adalah peringkat-peringkat kita menghalusi kualiti yang ditawarkan oleh kolej swasta. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Dengan pendekatan yang begitu efisien pun kita sudah mengambil masa 9 minit untuk membereskan satu pertanyaan. Jadi, saya minta Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Fuad, Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi tidak usah bangunlah selepas ini buat beberapa soalan. *[Ketawa]*

2. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan bilangan unit bazar MARA yang ada di seluruh negara mengikut negeri dan apakah kementerian bercadang untuk menggantikan bazar berkenaan dengan bangunan baru memandangkan ada di antaranya yang sangat daif dan tidak lagi sesuai dengan keadaan hari ini. Adakah kementerian sedar bahawa kebanyakan peniaga yang berniaga di bazar atau arked MARA selalunya gulung tikar. Apakah sebab perkara ini berlaku dan adakah kementerian telah mencari punca kerugian peniaga.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Dewan sekalian, sehingga 30

Oktober 2005, MARA telah menyediakan sebanyak 114 buah bazar di seluruh negara yang mengandungi 825 lot ruang niaga. Daripada jumlah tersebut, 775 lot telah diisi dan 50 lot lagi masih kosong. Saya ada menyimpan 14 buah negeri yang bilangan lotnya masih kosong. Oleh sebab untuk menjimatkan masa, saya rasa saya hanya memberi jawapan spesifik kepada Johor. Johor mempunyai 6 bazar, 63 telah diisi dan masih kosong sebanyak dua lot lagi.

Kementerian sedar bahawa terdapat beberapa bazar MARA yang sudah tidak sesuai lagi dengan keadaan dan persekitaran perniagaan. Bagi mengatasi masalah ini, MARA telah memperuntukkan RM50 juta untuk kerja-kerja pembangunan semula serta peningkatan imej bagi menceriakan keadaan bazar-bazar tersebut. Kerja-kerja tersebut termasuklah merobohkan bazar yang sedia ada dan seterusnya membina bangunan baru di samping membaik pulih, mengecat semula dan mengubah suai bangunan sedia ada dengan penampilan imej yang baru dan menarik.

Kementerian juga sedar bahawa terdapat beberapa peniaga di bazar MARA telah menutup perniagaan mereka. Di antara punca yang telah dikenal pasti yang menyebabkan berlakunya keadaan ini adalah seperti berikut:

- (i) sikap peniaga yang tidak mahu mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh MARA seperti waktu buka dan tutup kedai, kebersihan kedai serta menjadikan kedai sebagai tempat tinggal;
- (ii) kesan pembangunan bandar yang menjadikan lokasi bazar tidak lagi strategik seperti dulu;
- (iii) keadaan bazar yang telah uzur dan tidak lagi menjadi daya tarikan pengunjung;
- (iv) produk jualan tradisional yang tidak bersifat kompetitif seperti kedai runcit, kedai kopi, kedai pakaian Melayu, kedai buku agama dan peralatan solat serta kedai andaman pengantin tidak dapat menarik minat pengunjung bukan Melayu;
- (v) menawar harga yang lebih tinggi berbanding dengan harga yang ditawarkan oleh peniaga di luar bazar;
- (vi) berlaku persaingan harga sesama peniaga di bazar itu sendiri;
- (vii) kelemahan serta.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tidak mahu benarkan pertanyaan tambahan supaya menunjukkan bahawa Yang Berhormat rela *accountable* dalam perkara ini walau apa pun pertanyaan.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Okey, itu di antara soalan yang bahagian kedua menyoalkan sama ada kita sedar atau tidak peniaga di bazar itu sudah tidak berdaya maju. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kajian yang dijalankan menunjukkan sebanyak 716 peniaga tersebut telah menutup perniagaan mereka semenjak tahun 1982 sehingga sekarang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Puan Hajah Samsiah kemudian Yang Berhormat Datuk Hajah Dayang Mahani. Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah tidak bangun tadi?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** *[Menunjukkan reaksi tidak]*

**Puan Hajah Samsiah binti Shamsuddin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah berapa lamakah seseorang peniaga itu dibenarkan berniaga di bazar MARA dan adakah dibenarkan penyewa membuat penambahan sendiri atau pengubahsuaian?

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Kita tidak menetapkan jangka masa tetapi kepada peniaga yang telah berniaga maju, yang ada pembesaran dari segi perniagaan, kita galakkan dia keluar dari bazar untuk membuka perniagaan yang lebih besar. Peniaga-peniaga yang tidak berdaya maju, kita bantu lagi supaya dia dapat maju sehinggalah tempoh masa yang sesuai dan kita minta supaya kedai yang diberi kepada mereka disewakan kepada orang lain.

Dengan sebab itulah MARA mengambil beberapa langkah yang baik untuk mengatasi supaya peniaga-peniaga ini berdaya maju dan berupaya untuk menjadi usahawan yang baik. Sebab itu kita adakan kursus-kursus motivasi, ICT, perakaunan, *window dressing* dan sebagainya supaya mereka juga, bazar-bazar yang mereka miliki dapat bersaing seperti peniaga-peniaga lain. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Begitu terserlah jawapan 'extempore' lebih hebat daripada jawapan yang dibaca. *[Ketawa]*. Datuk Dayang Mahani.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae:** Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi kita mendengar jawapan di antara sebab-sebab kegagalan ataupun berlakunya kerugian di kalangan bumiputera. Dalam perniagaan ada tiga *prerequisite*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan bagi syarahan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

**Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun pengiran Haji Ahmad Raffae:** Tidak. Tidak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan. Kita tahu dalam peniaga ada itu.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae:** *Very important, relation dia.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Konteks dia, Yang Berhormat.

**Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae:** Kita mementingkan kepada lokasi. Saya ingin bertanya, apakah tindakan atau strategi kerajaan untuk memastikan bahawasanya lokasi yang dipilih itu di kawasan yang padat dan keduanya untuk mempertingkatkan lagi keadaan supaya ia tidak jauh berbeza dengan keadaan persekitaran.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah binti Yeop:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat, MARA telah pun wujud hampir 40 tahun. Rancangan membina bazar semenjak tahun 1982, pada masa itu sudah tentulah bazar yang kita pilih adalah tempat yang bersesuaian. Tetapi di atas kerancangan penstrukturan sendiri berlaku, ia telah berubah keadaan. Oleh sebab itu tindakan sekarang, MARA cuba mengambil tindakan untuk membina beberapa kompleks arked dan rumah kedai serta bengkel dengan segera. Contohnya sebanyak 31 buah kompleks yang menempatkan 1,259 lot ruang niaga telah didirikan setakat ini.

**Arked** - sehingga April 2005, kita telah membina 79 buah Arked MARA yang memuatkan 2,004 lot ruang niaga telah didirikan.

**Rumah kedai** - 90 buah rumah kedai yang memuatkan 860 lot ruang telah didirikan.

**Bengkel** - 19 buah bengkel telah kita dirikan.

**Gerai** - 4 buah premis MARA berbentuk gerai iaitu 2 di Pulau Pinang, 1 di Sarawak, 1 di Wilayah Persekutuan dan keempat-empat buah gerai boleh memuatkan 31 lot.

Gerai-gerai ataupun bazar-bazar MARA yang didapati telah uzur dan tidak berdaya maju dan tidak mendapat sambutan orang ramai dirobuhkan untuk dibina di tempat baru. Ini terpulanglah kepada kerajaan negeri dan kerajaan tempatan, kadang-kadang kita tidak mendapat tanah yang strategi untuk kita mendirikan bazar dan arked. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Lepas ini Yang Berhormat Puan Hajah Shamsiah dengan Datuk Dayang Mahani jangan bangun, nanti saya tidak nampak nanti.

*[Soalan No. 3 – Tuan Hii Tiong Kuoh tidak hadir]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya betul-betul minta maaf bagi pihak Dewan Negara kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran di atas ketidakhadiran Yang Berhormat yang membuatkan jawapan Yang Berhormat sediakan itu begitu sia-sia sekali. Walau bagaimanapun, boleh dikemukakan secara bertulis.

4. **Tuan Chiam Yong Tee** minta Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah peruntukan yang dibekalkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan untuk pembinaan rumah-rumah kos rendah. Nyatakan juga bilangan unit rumah kos rendah yang akan dibina dalam tempoh 5 tahun yang akan datang mengikut daerah di negeri Perak.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan Perumahan Negara telah merancang pembinaan perumahan kos rendah melalui program perumahan rakyat di seluruh negara termasuklah di negeri Perak.

Tetapi pada masa ini peruntukan bagi keseluruhan RMK9 yang dipohon oleh KPT bagi melaksanakan PPR masih belum diluluskan. Walau bagaimanapun, untuk bajet tahun 2006, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1 bilion bagi melaksanakan PPR di seluruh negara.

Sasaran pelaksanaan PPR secara spesifik mengikut daerah dan lokasi projek masih belum diperincikan dan ia adalah tertakluk kepada permohonan kerajaan negeri sendiri berdasarkan keperluan masing-masing serta peruntukan yang disediakan oleh kerajaan masing-masing. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Chiam, lepas itu Puan Wan Ubaidah.

**Tuan Chiam Yong Tee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, ada kala semasa agihan rumah kos rendah ini diturunkan kepada pihak pemaju ataupun kepada pihak yang lain yang mengambil kesempatan ini untuk mengenakan bayaran *under counter* ataupun pembelinya dipaksa membayar kos atas alasan renovasi

tambahan yang tinggi. Adakah kementerian sedar tentang gejala sebegini dan apakah tindakan yang diambil untuk memperketatkan undang-undang atau peraturan yang sedia ada sekarang.

**Dr. S. Subramaniam:** Terima kasih Yang Berhormat. Semasa pengagihan rumah kos rendah yang di bawah kerajaan negeri dan terpulanglah keadaan kerajaan negeri siapakah yang akan mengagihkannya, adakah kerajaan negeri buat sendiri atau kuasa ini dipanjangkan kepada pemaju-pemaju.

Di bawah Akta Pemaju Perumahan, memang jelas bahawa segala pemberian *under counter* atau bayaran tambahan tidak dibenarkan kerana segala pemberian ini mesti ditetapkan di dalam *Sales and Purchase Agreement* dan apa-apa bayaran yang dibuat di luar daripada *Sales and Purchase Agreement* adalah suatu kesalahan yang boleh didakwa di bawah undang-undang yang sudah tersedia. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya ingin tahu kenapakah negeri Kelantan tidak mendapat peruntukan pembiayaan rumah kos rendah daripada Kerajaan Pusat. Terima kasih.

**Seorang Ahli:** [Menyampuk]

**Tuan Yang di-Pertua:** Siapa kata tukar kerajaan tadi, tetapi tidak ada orang bangun.

**Dr. S. Subramaniam:** Pengagihan pemberian bantuan kerajaan negeri bergantung kepada permohonan daripada kerajaan negeri itu. Saya tidak mempunyai maklumat berkenaan apa-apa permohonan yang telah dibuat oleh Kerajaan Kelantan; dan kalau permohonan dibuat melalui saluran-saluran tertentu dan selepas kajian dan memastikan keperluannya, kerajaan akan membuat keputusan ke atas permohonan itu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tetapi Berhormat Puan Hajah Shamsiah dengan Puan Wan Ubaidah jangan bangun, saya tidak nampak.

**5. Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan kadar pengangguran di kalangan siswazah pada masa kini dan adakah langkah-langkah yang diambil oleh kementerian berjaya dalam menangani masalah ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Abdul Rahman bin Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab bersekali dengan soalan No. 11 dan 35 kerana ia berkaitan.

**Tuan Yang di-Pertua:** No. 11 ialah soalan dari Datuk Kalakau?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Ya, Datuk Kalakau Untol.

**Tuan Yang di-Pertua:** No. 25?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** No. 35.

**Tuan Yang di-Pertua:** No. 35.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Oleh Tuan Wan Nordin bin Che Murat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya akan berikan keutamaan kepada mereka dalam pertanyaan tambahan. Silakan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, menurut rekod pendaftaran pencari kerja yang dikendalikan secara *online* melalui sistem *Electronic Labour Exchange* (ELX), Kementerian Sumber Manusia bagi tempoh Januari sehingga Oktober 2005, seramai 59,002 orang pencari kerja siswazah yang berkelulusan Diploma dan Ijazah.

Daripada jumlah tersebut, seramai 23,414 orang telah memperolehi pekerjaan. Oleh hal yang demikian, baki seramai 35,588 orang atau 60.3% masih menganggur pada akhir bulan Oktober 2005.

Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Sumber Manusia untuk menangani masalah pengangguran siswazah termasuklah menyediakan latihan siswazah, skim latihan graduan, menyediakan perkhidmatan pekerjaan seperti kemudahan pendaftaran pencari kerja dan kekosongan jawatan secara *online* melalui ELX, mengadakan program karnival pekerjaan ataupun *Sure Kerja* ataupun *Job Fest* serta menyediakan perkhidmatan kaunseling dan bimbingan kerjaya kepada para pencari kerja atau penganggur-penganggur.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang sudah cukup baik kalau Yang Berhormat seolah-olah menjemput pertanyaan tambahan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Sila.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Datuk Yaakob, kemudian Datuk Rahman Sulaiman, kemudian Puan Siw Chun selepas dari itu.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang begitu adil sekali. Pertanyaan tambahan saya, semalam kita dinyatakan jumlah kekosongan jawatan dalam perkhidmatan awam berjumlah 211,000. Daripada angka yang kita perolehi pada pagi ini ternyata terdapat 35,000 yang masih lagi mencari kerja.

Bagaimanakah pihak kementerian boleh selaraskan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam agar kekosongan yang ada 211,000 itu memang wujud ataupun tidak atau bagaimana kekosongan ini dapat diisi dengan penganggur-penganggur yang berkelulusan Diploma dan Ijazah. Terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Antara langkah yang telah, sedang dan akan diambil iaitu memberikan senarai-senarai yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja Manusia untuk diagih dan diberikan, bukan sahaja kepada Jabatan Perkhidmatan Awam tetapi juga kepada syarikat-syarikat dan juga pihak-pihak lain yang ingin atau memerlukan pekerjaan dan ini sentiasa kita buat. Terima kasih.

**Dato' Abdul Rahman bin Suliman:** Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa dari segi pendaftaran siswazah menganggur ini dibuat oleh pelbagai pihak. Adakah kementerian sedar bahawa pendaftaran ini mungkin bertindih di antara satu sama lain dan adakah mereka perlu mendapat kebenaran daripada kementerian, yang pertama.

Keduanya, adakah kaedah yang dipakai oleh kementerian dari segi jumlah. Berapakah jumlah bumiputera yang menganggur ataupun bukan bumiputera yang menganggur setelah mereka mendapat pekerjaan.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Memang benar bahawa pelbagai pihak mendaftar - penganggur, termasuk siswazah dan bukan siswazah. Buat masa ini, pihak-pihak yang mendaftar adalah seperti berikut:

- (i) Kementerian Sumber Manusia;
- (ii) Pembangunan Sumber Manusia Berhad; dan
- (iii) Majlis Tindakan Ekonomi Negara.

Ketiga-tiga pihak ini membuat pendaftaran sama ada melalui secara manual ataupun *online*. Melalui *online*, Kementerian Sumber Manusia boleh dirujuk kepada [www.mohr.gov.my](http://www.mohr.gov.my), [www.hrdnet.com.my](http://www.hrdnet.com.my), melalui MTEN iaitu boleh dibuat secara *online* dan ia telah pun didaftarkan melalui pejabat-pejabat daerah, negeri, ibu pejabat di Putrajaya ataupun melalui Jabatan Pendidikan daerah, negeri ataupun ibu pejabat di Putrajaya.

Buat masa ini mereka yang mendaftar melalui Kementerian Sumber Manusia, sejumlah 34,424 orang sehingga tarikh 21 Oktober 2005. Melalui Perbadanan Sumber Manusia Berhad mereka yang mendaftar ialah seramai 9,819 orang dan melalui MTEN juga sehingga 21 Disember seramai 53,180 orang. Mengenai dengan jumlah ataupun nisbah yang banyak mendaftar adalah seperti berikut iaitu ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjangkah senarai itu?

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Kalau begitu saya ringkaskan sahajalah. Majoritinya Melayu iaitu lebih kurang 68 peratus diikuti oleh Cina dan diikuti oleh India...

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu barulah jawapan macam Timbalan Menteri!

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** ...dan majoritinya - kebanyakannya perempuan 60 peratus lebih. Itu ringkasnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah pihak mempunyai perancangan bagi mewujudkan kembali Skim Latihan Eksekutif yang pernah dilaksanakan pada tahun 2001 dan 2003 di mana ia dikendalikan oleh pihak swasta dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) di mana hampir semua siswazah yang mengikuti program ini mendapat kerja sama ada diserapkan terus oleh syarikat yang menaja mereka ataupun syarikat lain.

**Datuk Abdul Rahman bin Bakar:** Terima kasih kepada soalan itu. Memang kementerian memasukkan latihan pengurusan eksekutif sebagai salah satu daripada 13 kursus yang ditawarkan. Daripada rekod kita yang terdahulu, kebanyakan mereka yang mengikuti kesemua latihan kita sebanyak 9 untuk 2003, 85 peratus dalam tempoh 6 bulan memperoleh pekerjaan. Cadangan dan hasrat kita iaitu kesemua 13 skim mencapai lebih daripada 90 peratus apabila skim-skim itu ditamatkan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya patut diberi bintang kerana bagi *confident* kepada semua barisan kerajaan.

6. **Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah kementerian mempunyai rancangan untuk mewujudkan Sekolah Sukan di semua negeri bagi mencungkil bakat ahli-ahli sukan yang berpotensi di peringkat sekolah lagi supaya dapat meningkatkan mutu sukan negara keseluruhannya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini negara mempunyai dua sekolah sukan iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar. Pengurusan dan pentadbiran kedua-dua buah sekolah tersebut adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pelajaran. Buat masa ini Kementerian Belia dan Sukan tiada perancangan untuk menubuhkan sekolah sukan kerana bukan di bawah bidang kuasa kementerian ini.

Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan sedang membuat kajian kemungkinan penubuhan akademi sukan di setiap negeri. Akademi sukan akan ditubuhkan bertujuan untuk melatih atlet dalam sukan lapan teras.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengadakan program-program untuk mencungkil bakat-bakat muda dari kalangan belia. Program-program yang dijalankan oleh kementerian adalah mengenal pasti bakat atlet-atlet sejak tahun 1989 lagi. Bakat-bakat yang dipilih ini ditempatkan di pusat atau sekolah untuk diberi latihan yang sistematik oleh jurulatih-jurulatih yang berkelayakan. Di samping itu, atlet-atlet berbakat ini juga ditempatkan di kedua-dua buah sekolah sukan Malaysia iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil dan Sekolah Sukan Bandar Penawar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada tahun 2005, kementerian telah memulakan satu program yang bernama "*Mencari Champion*" telah dimulakan untuk memilih atlet di bawah umur 15 tahun dengan penglibatan ibu bapa bagi tujuan untuk menyemarakkan semangat budaya bersukan di samping membentuk rakyat yang sihat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Datuk Syed Ali, kemudian Puan Hajah Sharifah Azizah, Puan Wan Ubaidah tadi saya tidak nampak, sekarang nampak dah.

**Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, sukan air bermotor seperti *Formula Future* sedang berkembang dan diminati oleh ramai pelajar sekolah. Dua tahun berturut-turut Malaysia telah menjadi juara. Adakah pihak kementerian bercadang untuk menjadikan sukan tersebut sebagai sukan teras. Terima kasih.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat. Buat masa ini tiada perancangan untuk menambah sukan lapan teras termasuk sukan bot air, tetapi pandangan Yang Berhormat akan dibawa kepada pertimbangan menteri. Terima kasih.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya memulakan dengan tahniah kepada Yang Berhormat Datuk Azalina di atas kejayaan cemerlang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa pertanyaan, Yang Berhormat, bukan masa tahniah.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Menteri wanita, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kerana membawa pulang 61 emas yang lalu.

Pertanyaan saya, sudahkan kementerian kenal pasti apakah punca kepincangan dan kegagalan ahli sukan negara selama ini. Terima kasih.

**Tuan Sa. Vigneswaran:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Institut Penyelidikan Negara di bawah Kementerian Belia dan Sukan, telah membuat beberapa kajian iaitu mengenai mengapa persatuan belia tidak aktif dan satu lagi mengenai perkembangan ataupun satu kajian mengapa atlet-atlet negara ini menemui kegagalan dalam bidang-bidang sukan tertentu dan hasil dari kajian ini, kementerian sedang mengkaji bagaimanakah dapat mengatasi masalah ini dengan kerjasama MSN.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberikan maklumat yang terperinci kerana maklumat yang saya ada ini adalah berkenaan dengan atlet-atlet yang di bawah umur 15 tahun.

7. **Puan Hajah Samsiah binti Samsudin** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) adakah kerajaan bercadang untuk mempelbagaikan lagi hasil produk buah-buahan selain daripada jem dan jeruk memandangkan hasil buah-buahan ini bertambah dan terbuang begitu sahaja semasa musim buah; dan
- (b) adakah MARDI mempunyai kajian yang tersendiri dalam perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini Yang Berhormat berhak bertanya pertanyaan tambahan terlebih dahulu.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melalui MARDI telah banyak melakukan penyelidikan bagi mengatasi masalah lambakan buah-buahan ini serta untuk mempelbagaikan hasil keluaran tempatan melalui penghasilan produk-produk nilai tambah yang mempunyai jangka hayat yang lebih panjang daripada buah-buahan segar dan bukan terhad kepada jem dan jeruk sahaja.

Hasil daripada penyelidikan yang berterusan, MARDI telah menghasilkan teknologi-teknologi pemprosesan buah-buahan seperti teknologi pembangunan produk durian, teknologi pembangunan produk dukung, teknologi pembangunan produk rambutan, teknologi pembangunan produk cempedak dan lain-lain tanaman. Pada masa ini penyelidikan MARDI di Pusat Penyelidikan Teknologi Makanan juga tidak terhad kepada komoditi dan teknologi yang telah dibangunkan sahaja, malahan

diteruskan apabila terdapat perkembangan baru dari segi teknologi *variety* baru, permintaan industri dan pengguna bagi menerokai peluang-peluang baru bagi industri makanan di Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Puan Hajah Samsiah.

**Puan Hajah Samsiah binti Samsudin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah usaha-usaha kementerian bagi menggalakkan pekebun ataupun petani meneruskan usaha menanam buah-buahan walaupun pendapatan kurang lumayan. Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, walaupun ada terkeluar sedikit tapi ingin saya memaklumkan bahawa kementerian ini selain daripada kita menjalankan pelbagai teknologi, penyelidikan, baka dan sebagainya, kita sekarang ini menggunakan satu teknologi atau satu galakan kepada petani untuk menggunakan *cluster* dan juga menggunakan zon, supaya jangan berlakunya lambakan atau pengeluaran pada satu masa sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih, Yang Berhormat. Dato' Hajah Saripah Aminah.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengetahui produk yang telah dikeluarkan oleh MARDI, berapa banyakkah yang telah difrancaiskan kepada bumiputera? Terima kasih.

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** Terima kasih Yang Berhormat ada bermacam-macam produk yang telah dibuat kajian dan diuji kaji, dan sekarang ini dinamakan *showcase* MARDI. Jadi, produk-produk ini ada dipamerkan di MARDI iaitu terbuka kepada semua pengusaha yang ingin menceburi dan menjalankan secara komersial. Jadi, sebagai contoh Yang Berhormat kita ada durian, ya durian, sekarang ini durian, pengeluaran durian dia bukan sahaja dari segi jam seperti dikatakan. Tetapi, sekarang ini ada satu teknologi termasuk tempoyak ya, boleh dikeluarkan dalam bentuk tablet, sebab susah nak bawa tempoyak. Selepas itu kita menggunakan satu teknologi dinamakan *cryogenic* dan *blast freezing*, di mana permintaan untuk durian ini di luar negara dan mereka *prefer*, dengan izin durian secara segar, jadi boleh kita usahakan di mana biji durian tu boleh tahan tiga bulan tetapi yang berkulit sebab ada yang orang *prefer* dengan kulit-kulit sekali durian boleh tahan tiga minggu dan banyak lagi seperti sos, pulpa, halwa, nata, maka ada bermacam-macam. Jadi, ini semua ada di *showcase* di MARDI dan saya ingin mempelawakan Yang Berhormat-Yang Berhormat atau pengusaha-pengusaha yang berminat sila datang ke MARDI sebab terlampau.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa jawab pertanyaan bukan masa, buat jemputan.  
[Ketawa]

**Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim:** .... termasuklah Tuan Yang di-Pertua. Sebab senarainya panjang atau bolehlah saya ceritakan sebab dia memang bermacam-macam dan terpulung, dan ini juga termasuklah latihan Tuan Yang di-Pertua, latihan dan juga kita boleh memperakukan mesin-mesin yang digunakan sekali termasuk untuk meningkatkan *shelve life*. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Tuan Lee Sing Chooi. Lepas ini berhak mengemukakan soalan tambahan.

8. **Tuan Lee Sing Chooi** minta Menteri Pelancongan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil dan dipergiatkan untuk menjaga kebersihan di tempat-tempat pelancongan dan di pulau-pulau peranginan dan berapa banyak tempat pelancongan yang dianggap sebagai tempat kotor oleh pelancong.

**Timbalan Menteri Pelancongan [Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelancongan sememangnya memandang serius terhadap kebersihan di kawasan-kawasan pelancongan. Kementerian Pelancongan melalui Majlis Tindakan Pelancongan Negeri di seluruh negara sentiasa bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dalam memantau dan memastikan persekitaran di kawasan-kawasan pelancongan sentiasa berada dalam keadaan bersih, ceria dan menarik.

Ini termasuklah melalui penyediaan tong-tong sampah yang mencukupi, pembelian mesin-mesin pembersih pantai serta memastikan kutipan sampah saraf dilakukan sekurang-kurangnya sekali dalam sehari dan kutipan ini akan dipertingkatkan pada hujung minggu dan cuti umum.

Jawatankuasa kebersihan negeri juga telah ditubuhkan bagi merangka program-program kesedaran serta memantau tahap kebersihan di tempat-tempat pelancongan di kawasan dan di negeri masing-masing. Selain dari itu Kementerian Pelancongan juga telah mengakan kempen dan kursus *think tourism*, dengan izin, bagi mendidik rakyat negara ini agar lebih bertanggungjawab terhadap persekitaran serta lebih menghargai keindahan terutamanya alam semula jadi yang merupakan aset penting bagi industri pelancongan di negara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Lee Sing Chooi. Kemudian Tuan Tay Puay Chuan kemudian Tuan Tajul Urus. Tuan Tan Bon You bukan Tay Puay Chuan.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan soalan saya yang tempat-tempat kotor itu adakah pemantauan itu dibuat, kalau tak ada data-data itu adakah pemantauan itu tidak dibuat? Saya nak tahu contoh-contoh berjaya di mana tempat yang kotor-kotor itu kerana ada pemantauan ia dijadikan bersih. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, pemantauan dibuat oleh (PBT) Pihak Berkuasa Tempatan. Tetapi kita harus mengambil contoh di sebuah negara jiran di atas, saya tak mahu sebut dan sebuah negara jiran di belakang, belakang lagi. Tidak ada pihak (PBT) yang menjaga kebersihan sebaliknya pengusaha pelancongan itu sendiri, apabila tiba waktunya loceng dibunyikan mereka beramai-ramai membersihkan pantai. Kita semua mengharapkan kerajaan, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. *[Ketawa]* Itu jawapan Timbalan Menteri. Yang Berhormat Tuan Tan Bon You.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Hanya kali ini Kementerian Pelancongan ini kali yang pertama dalam sesi ini yang ada soalan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Dulu dia hadir, bukan hadir kali pertama.

**Tuan Tan Bon You:** ...apakah yang dianggap sebagai tarikan yang paling berkesan dalam mempromosikan sektor pelancongan negara kita selain daripada kestabilan politik dan keunikan kepelbagaian budaya. Bolehkah bintang-bintang dan idola-idola....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat paling ke sini, suara Yang Berhormat tak dapat didengar...

**Tuan Tan Bon You:** Okey.

**Tuan Yang di-Pertua:** .....maka mungkin soalnya tak jelas.

**Tuan Tan Bon You:** Saya, saya ulangi. Apakah yang dianggap sebagai tarikan yang paling berkesan dalam mempromosikan sektor pelancongan negara kita selain daripada kestabilan politik dan keunikan kepelbagaian budaya. Bolehkah bintang-bintang dan idola dikemukakan seperti Siti Nurhaliza, Mawi, Michelle Yeoh dan Lee Sing Chee dan lain-lain lagi dapat memainkan peranan untuk membantu dan menjelmakan Malaysia kepada dunia. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu tidak langsung ada kaitan dengan soalan asal, tetapi sebagai sahabat yang tidak pernah tengok di Dewan ini, saya ingin menjawab. *[Ketawa]* Ada empat 'S', Tuan Yang

di-Pertua di dalam mana-mana negara untuk menarik pelancongan 'sea, sand, shopping.... dengan izin,...

**Tuan Yang di-Pertua:** Jangan sebut yang keempat tu, saya.....[Ketawa]

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tetapi kita ada hanya tiga elemen Tuan Yang di-Pertua, 'sea, sand, shopping', yang tanpa izin saya tidak sebutkan atas arahan. Tuan Yang di-Pertua, soalan tarikan-tarikan yang berkesan yang lain ialah *tropical climate* dengan izin, iklim tropika dan juga produk-produk yang sedia di sini memang telah dianugerahkan oleh Allah S.W.T. sunnahtullah telah menentukan bahawa produk-produk ini tidak ada di negara lain tetapi ada di negara kita. Ini sebenarnya Yang Berhormat boleh menarik selain daripada promosi secara agresif pengiklanan *above the line, below the line* dengan izin, dan tentu sekali Yang Berhormat ingin juga membantu Kementerian Pelancongan dalam usaha promosi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Tajul Urus.

**Tuan Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri perkara yang keempat tu, yang tidak sebut tulah perkara yang penting sekali untuk tarik pelancong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah Yang Berhormat nak menyatakan itu faktor yang terpenting, faktor utama untuk menjayakan sektor pelancongan?

**Tuan Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tidak, terpulang kepada Timbalan Menteri [Ketawa] Yang Berhormat Timbalan Menteri, kerajaan telah membelanjakan peruntukan yang banyak untuk menjadikan Pulau Langkawi sebagai pusat pelancongan bertaraf antarabangsa.

Persoalan saya, Jeti Kuah dilabelkan sebagai antara Jeti yang tidak bersih dan berceramuk khasnya ketika musim cuti sekolah. Tidakkah Kementerian Pelancongan ingin membantu pihak-pihak tertentu untuk meletakkan Jeti Kuah bertaraf antarabangsa seperti mana Jeti di Hong Kong ataupun di Macau. Terima kasih.

**Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi:** Tuan Yang di-Pertua, jeti Kuah di bawah pentadbiran LADA dan satu lagi jeti itu telah diswastakan dan yang diswastakan itu nampak lebih baik daripada jeti yang ditadbirkan oleh pihak awam. Apa yang telah kita lakukan, kita telah bekerja sama dengan LADA dan juga pihak Majlis Daerah Kuah untuk memastikan di sebarang musim, sama ada musim cuti atau musim bukan cuti, kemudahan dan juga kebersihan di jeti Kuah itu harus mencapai tahap dan piawaian yang tertentu mengikut piawaian yang telah ditentukan oleh WTO (*World Tourism Organisation*) dengan izin di tempatkan di tahap yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain tadi memang jelas baik dan kami ambil perhatian dan insya-Allah kerjasama semua pihak akan kita cari supaya piawaian yang telah ditentukan itu dapat diikuti dengan sebaiknya.

9. **Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani** minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan adakah kementerian membuat kajian mengenai kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan teksi dan lain-lain lagi ke kawasan perumahan yang baru dibuka dan adakah kementerian menentukan keluasan sesebuah kawasan perumahan baru tersebut bagi menyediakan kemudahan pengangkutan awam.

**Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Khamsiyah binti Yeop]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat tanggungjawab untuk menjalankan kajian dan keperluan pengangkutan awam adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan. Perkara ini telah dibawa ke Mesyuarat Menteri Besar, Ketua Menteri ke 97 pada 26 Julai 2005 dan telah dimaklumkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 11 November 2005.

Kajian tersebut adalah bertujuan untuk mengenal pasti keperluan perkhidmatan pengangkutan awam, di kawasan masing-masing termasuk kawasan-kawasan perumahan baru berdasarkan antara lainnya ialah kepada taraf sosial ekonomi penduduk, keluasan kawasan yang terlibat, kesesuaian jalan raya dan kemudahan asas yang sedia ada. Selaras dengan kajian PBT tersebut, kementerian ini melalui Lembaga Pelesenan Kenderaan dan Perdagangan (LPKP) telah menetapkan dasar, bahawa setiap permohonan baru bagi lesen pengangkutan awam perlu dirujuk, diperaku terlebih dahulu oleh pihak berkuasa tempatan untuk mendapat ulasan sebelum kita dipertimbangkan oleh LPKP. Walau bagaimanapun, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan bagi menyelaras perancangan dengan PBT, MECD telah mencadangkan satu kajian dibuat terhadap keperluan teksi dan kereta sewa di sesebuah kawasan.

**Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, tidakkah ada wujud koordinasi secara automatik antara Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di mana PBT ini boleh melaporkan apabila diluluskan kawasan-kawasan perumahan yang agak lebih daripada beberapa ekar termasuklah lokasi-lokasi komersial dari segi *shopping complex* dengan izin dan mungkin juga mengandungi bazar-bazar MARA tadi. Terima kasih.

**Dato' Khamsiyah Binti Yeop:** Terima kasih Yang Berhormat. Itulah sebenarnya yang kita bawa kepada Mesyuarat Menteri Besar. Kita hendak supaya kita ada koordinasi antara kita LPKP pengeluar lesen dengan PBT yang menjaga kawasan atau pun taman di sesuatu daerah. Apabila dia ada pengusaha yang ingin menjalankan perusahaan bas untuk tujuan pengangkutan. Setelah diperaku oleh PBT baru kita keluarkan lesen. Begitu juga dengan FELDA. Pihak FELDA keluar mengarah atau pun membuat tinjauan atau perakuan barulah kita mengeluarkan lesen. Termasuklah di kampung-kampung, jika keperluan itu memerlukan perkhidmatan seperti itu, pihak JKK kampung atau penghulu ataupun pejabat daerah juga perlu membuat perakuan untuk membolehkan kita mengeluarkan lesen. Itu juga terpulang kepada pengusaha-pengusaha bas kerana setakat ini bas-bas kita kerana kita adalah *social obligation* atau pun tanggungjawab kita adalah untuk memberi perkhidmatan kepada awam.

Jadi, buat masa ini MECD sememangnya menanggung kerugian terutamanya bas-bas MARA, yang kita beri laluan sama ada di kampung atau pun di laluan di luar bandar sebanyak, 2060 sememangnya kita menanggung kerugian. Kita lebih kepada *social obligation* ataupun tanggungjawab sosial kepada awam. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Insya-Allah kalau jawab macam ini Menteri Besar beri perhatian. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

10. **Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan kejayaan yang telah dicapai dalam usaha mempercepatkan penukaran kad pengenalan lama kepada MyKad dengan memberikan hadiah-hadiah.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri [Datuk Tan Chai Ho]:** Tuan Yang di-Pertua, Program 'Jom Tukar dan Menang' yang dilancarkan oleh pihak kerajaan untuk memberikan rangsangan kepada pemegang kad pengenalan supaya menukar kepada MyKad. Secara keseluruhannya program ini telah berjaya menarik pemegang-pemegang kad pengenalan memohon menukar kepada MyKad.

Sebagai perbandingannya, sejak program ini mula dilancarkan pada bulan September 2005, sebanyak 300,574 permohonan MyKad telah diterima. Diikuti pula pada bulan Oktober, sebanyak 289,458 permohonan dan bulan November sebanyak 335,420 permohonan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah lepas itu Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, rasa saya tidak perlulah untuk menarik orang untuk menukar kad pengenalan lama kepada MyKad dengan memberikan hadiah. Tidak adakah kaedah lain, rangsangan atau inisiatif selain daripada memberi hadiah untuk menggalakkan atau pun menambahkan lebih banyak lagi berlakunya penukaran Mykad ini.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya program Jom Tukar dan Menang dilancarkan atas tujuan memberi galakan kepada pemilik kad pengenalan menukar kepada Mykad. Walaupun kita telah memberi banyak kali nasihat kepada pemilik-pemilik kad pengenalan, tapi nampaknya mereka yang datang untuk menukar kepada Mykad adalah lambat.

Oleh itu, kita telah mengadakan program ini, jadi sesiapa yang belum mohon MyKad sebelum 31 Disember 2005, mereka akan dikenakan bayaran pada tahun depan. Jadi dengan cara-cara yang saya sebut tadi, saya berharap orang ramai tidak akan buat kompelin atau merasa tidak puas hati terhadap kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi insentif untuk buat pun ada insentif untuk tidak buat pun ada. Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adakah kerajaan membuat pemantau terhadap pengeluaran kad pengenalan sebab kita dapati ada kes dalam pilihan raya seorang yang ada tiga kad pengenalan dan mengaku telah mengundi tiga kali. Jadi adakah penyalahgunaan kuasa berlaku dalam kes ini dan apakah pemantauan yang dibuat oleh pihak kerajaan.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu soalan yang spesifik. Jadi saya tidak dapat apa-apa maklumat mengenai....

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan Yang Berhormat menyentuh satu kes kononnya ada seorang yang ada tiga kad....

**Datuk Tan Chai Ho:** Kes ini....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak mahukah kementerian buat *statement* mengenai perkara ini apa-apa.

**Datuk Tan Chai Ho:** sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, MyKad tidak boleh diubahsuai oleh sesiapa kerana maklumat dalam cip MyKad itu tidak boleh diklon atau tidak boleh diubah. Hanya muka hadapan MyKad....

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka tidak mungkinlah seorang mempunyai tiga keping MyKad.

**Datuk Tan Chai Ho:** Kepada saya, saya berpendapat tidak ada. Saya hendak tegaskan bahawa kalau ada orang memang dia tanggalkan maklumat di muka depan MyKad ini bermakna gambar ini boleh tukar. Maklumat, alamat dan nama boleh tukar. Tetapi cip yang dalam *MyKad* itu tidak boleh ditukar atau diklon.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu siapa yang .....

**Datuk Tan Chai Ho:** Sesiapa yang dikatakan ada mempunyai tiga keping kad berkenaan, saya tidak percayalah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih atas penjelasan. Datuk Kalakau.....

**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin:** Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya sudah benar. Saya masih ada. Sebab orang baru, saya layanlah. Datuk Armani binti Haji Mahiruddin.

**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berapa banyakkah.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini, bukan ada layanan istimewa. Selepas ini layanan seperti biasa.

**Datuk Armani binti Haji Mahiruddin:** Terima kasih. *[Ketawa]* Berapa banyakkah fungsi *MyKad* yang boleh digunakan sekarang dan fungsi-fungsi yang belum boleh digunakan? Berapakah fungsi akan mula dapat digunakan? Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, *MyKad* mempunyai sembilan aplikasi dan di *Klang Valley*, terdapat beberapa aplikasi yang boleh diguna pakai. Hanya pada tahun depan, dengan sistem *raw up national wise*, penduduk-penduduk di seluruh negara akan boleh menggunakan kesemua iaitu sembilan aplikasi yang diadakan dalam *MyKad*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya minta maaf kepada wakil dari Kementerian Sumber Manusia kerana Yang Berhormat Datuk Kalakau tidak hadir. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan.

12. **Tuan Tay Puay Chuan** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan berapakah peratus pantai dan kuala sungai di negara kita yang menghadapi ancaman hakis yang perlu diatasi segera dan apakah langkah-langkah kementerian bagi menghadapi masalah tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan perangkaan terkini, sepanjang

288.4 kilometer pantai iaitu lebih kurang 6% dari keseluruhan panjang pantai di negara kita mengalami hakisan yang kritikal. Usaha-usaha untuk mengatasi masalah hakisan pantai di seluruh negara dilakukan melalui langkah jangka pendek dan juga jangka panjang. Bagi jangka pendek, projek-projek pengawalan hakisan pantai ini dilaksanakan di kawasan yang kritikal dan sehingga kini sepanjang 199 kilometer pantai iaitu 69% dari kawasan yang mengalami hakisan kritikal tersebut telah pun dilaksanakan dan bakinya akan dijalankan pada Rancangan Malaysia Kesembilan.

Bagi kawasan hakisan pantai yang lain, kerja-kerja pemantauan dijalankan dari masa ke semasa untuk menentukan supaya keadaan hakisan tidak bertambah buruk. Bagi jangka panjang pula, ianya melibatkan perancangan dan pengurusan pembangunan di kawasan pantai secara bersepadu dan penyediaan pelan pembangunan bagi kawasan pantai-pantai ini berada di dalam peringkat perancangan. Tindakan juga sedang diambil untuk mempertimbangkan keperluan mengadakan satu rang undang-undang pantai yang akan mengawal pembangunan di kawasan pantai.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kuala sungai, masalah yang dihadapi adalah pemendapan di kawasan muara dan bukannya masalah hakisan. Ianya berlaku akibat daripada aktiviti pembangunan serta pembalakan seperti yang berlaku di negeri Kelantan yang telah menyukarkan laluan-laluan bot nelayan serta mengancam keselamatan akibat kejadian tersebut. Bagi mengatasi masalah ini, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah melaksanakan kerja-kerja pengorekan untuk mendalamkan laluan bot di kawasan muara serta membina struktur-struktur seperti pemecah ombak dan sebagainya.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM211 juta telah dipohon untuk projek pengorekan dan pembaikan muara-muara sungai tersebut di seluruh negara yang merangkumi sebanyak 15 muara sungai. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan, selepas itu Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sejauh manakah hakisan-hakisan tersebut telah mendatangkan kesan yang negatif ke atas sistem ekologi? Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, hakisan pantai ini termasuk di dalam keadaan fenomena semula jadi, di mana ianya berubah dari masa ke semasa dan ianya berlaku di sesuatu tempat dan sebaliknya berlaku di tempat yang lain, di mana terdapat penambahan tanah. Ini di

serata dunia ia memang berlaku. Ianya adalah apabila secara semula jadi, akibat daripada hakisan tersebut sememangnya akan memberi kesan kepada sistem ekologi dan ini juga dirasakan sebagai suatu yang semula jadi juga. Terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan saya ialah, dalam tindakan jangka pendek yang diambil oleh pihak kementerian. Contohnya berlaku lambakan pasir dan mempertahankan hakisan ini telah pun dimulakan baru-baru ini dan telah dibelanjakan berpuluh-puluh juta ringgit. Tetapi dalam masa begitu singkat, dalam masa satu bulan ataupun dua bulan, kita lihat setengah daripada lambakan pasir ini telah pun terhakis masuk ke dalam. Persoalannya ialah, tidakkah ini merupakan satu pembaziran, berpuluh hampir RM100 juta dibelanjakan dalam masa yang begitu singkat tetapi matlamatnya tidak mencapai kepada penahan hakisan ini. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita mengakui bahawasanya apa yang kita buat selama ini iaitu menerusi langkah jangka pendek menelan belanja yang agak besar. Tetapi kita terpaksa buat juga sebab kalau kita tidak buat, kehidupan nelayan dan sebagainya yang melalui muara-muara sungai tersebut tidak dapat dijalankan. Oleh itu, sebelum pendekatan secara jangka panjang dibuat, jangka pendek pun kita kena buat juga. Inilah yang berlaku di kebanyakan muara-muara sungai, termasuklah muara sungai Kuala Terengganu. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan itu.

13. **Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta Menteri Kerja Raya menyatakan berapa banyakkah penglibatan syarikat bumiputera dalam tender-tender yang melibatkan negara luar. Apakah kriteria yang diperlukan untuk memasuki tender tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Dato' Yong Khoon Seng]:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kontraktor-kontraktor Malaysia yang melibatkan diri dalam tender luar negara tidak perlu melaporkan kepada pihak Kementerian Kerja Raya ataupun CIDB. Oleh kerana itu, pihak kementerian dan juga CIDB tidak mempunyai sebarang maklumat ataupun rekod mengenai penglibatan kontraktor Malaysia pada peringkat tender di luar negara. Walau bagaimanapun, kebanyakan kontraktor Malaysia akan memaklumkan kepada pihak CIDB apabila mereka berjaya memperolehi projek tersebut. Berdasarkan

kepada ini, pengumpulan maklumat projek luar negara lebih tertumpu kepada kontraktor-kontraktor Malaysia yang telah berjaya mendapatkan projek.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan maklumat yang dikumpulkan oleh CIDB, sehingga Disember 2005, sebanyak sembilan syarikat bumiputera telah berjaya menembusi dan mendapat tawaran kontrak pembinaan di luar negara. Jumlah ini adalah sebanyak 12% dari jumlah keseluruhan syarikat pembinaan Malaysia iaitu sebanyak 76 buah syarikat yang melibatkan diri dalam projek luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kriteria bagi memasuki tender-tender luar negara adalah berdasarkan kepada peraturan dan keperluan *client-client* luar negara yang mengeluarkan tender tersebut. Pihak kementerian dan CIDB tidak menetapkan sebarang kriteria tertentu terhadap syarikat pembinaan yang ingin mengambil bahagian dalam tender luar negara. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Yang Berhormat, dalam banyak-banyak projek yang dikendalikan oleh syarikat-syarikat.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau memang sudah tidak ada pertanyaan tambahan, tidak usah tanyalah.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Hendak tanya. Dalam pengalaman kementerian, berhubung dengan syarikat-syarikat Malaysia yang mengendalikan projek di luar negara, ada ataupun tidak kes-kes projek yang tidak siap, yang boleh memalukan imej negara dan ada ataupun tidak kes-kes kontraktor Malaysia ditipu dan tidak dibayar walaupun projek siap dengan sempurna. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam ingatan saya, mungkin sebahagian daripada pertanyaan itu telah dijawab di dalam minggu ini. Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Yong Khoon Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya semalam saya sudah jawab, soalan begitu juga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka Yang Berhormat tidak bercadang hendak mengulangilah? *[Ketawa]*

**Dato' Yong Khoon Seng:** Tidak ada. Saya hendak ulang di sini, saya tidak ada maklumat kepada projek yang telah gagal atau tidak dibayar. Sebenarnya semua urusan ini telah pun di jalan dengan baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Datuk Ratnam a/l Muthiah kah, 'Mothiah' kah?

**Datuk M. Ratnam:** Muthiah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Muthiah. Datuk Ratnam a/l Muthiah.

14. Datuk M. Ratnam minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah tindakan yang sedang dan akan diambil supaya hampir 200 pelajar perubatan di Ireland yang telah menghabiskan pelajarannya dapat kembali ke negara kita untuk memulakan tugas mereka; dan
- (b) apakah tindakan kementerian bagi menjamin untuk mendapatkan balik pinjaman kerajaan tersebut.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini kalau sebut 'Muthiah' nanti itu botak. Itu mahu jaga sikit ini. *[Ketawa]* Muthiah is lain, 'Mothiah' is lain. Nanti dia marah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat pun bahasanya sama?

**Datuk M. Kayveas:** Saya faham sikit-sikit.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Yang Berhormat datuk, nenek datang daripada pantai barat atau pantai timur? *[Ketawa]* Saya Maori Yang Berhormat..... Saya faham bahawa di antara Tamil Naidu dengan Kerala, bahasanya lain.

**Datuk M. Kayveas:** Ya, ia bahasa lain. Tetapi kita fahamlah. Ini bahasa boleh faham sikitlah ini. *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

JPA telah pun mengambil langkah-langkah tertentu dalam memastikan graduan-graduan perubatan yang dibiayai oleh kerajaan akan kembali untuk berkhidmat di Malaysia. Antara langkah yang telah diambil ialah dengan meminda jumlah ganti rugi yang sedang berkuat kuasa iaitu sebanyak RM190,000 kepada jumlah perbelanjaan sebenar mulai tahun 2003.

Pada pandangan JPA, pelajar-pelajar lebih berminat untuk bekerja di negara-negara seperti Ireland, United Kingdom, Australia dan New Zealand kerana jumlah pendapatan yang diperolehi adalah lebih tinggi daripada jumlah ganti rugi yang ditetapkan oleh Jemaah Menteri sejak tahun 1991 lagi. Dengan meminda jumlah ganti rugi kepada jumlah perbelanjaan sebenar iaitu lebih kurang sebanyak RM1 juta untuk pengajian di United Kingdom dan Ireland, diharap akan mengelakkan pelajar daripada tidak mematuhi perjanjian biasiswa yang telah ditandatangani.

Soalan yang kedua, bagi penjamin pulangkan balik pinjaman kerajaan, JPA telah mengeluarkan surat-surat peringatan kepada pelajar-pelajar yang gagal membuat

bayaran walaupun surat tuntutan telah lama dikeluarkan dan mengambil tindakan undang-undang terhadap pelajar-pelajar yang gagal membuat bayaran walaupun telah diberikan peringatan yang terakhir. Bagi tempoh mulai bulan Mac 2003 hingga 2005, sebanyak 1,289 kes telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara untuk tindakan lanjut. Sekian, terima kasih.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Kerajaan telah membelanjakan lebih kurang wang sejumlah RM1 juta untuk tiap-tiap murid untuk melanjutkan pelajaran perubatan di Ireland. Wang rakyat telah di belanja supaya mereka mahir dan balik ke tanah air untuk memberi perkhidmatan yang negara kita.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pertanyaan, Yang Berhormat.

**Datuk M. Ratnam:** ..... amat perlukan pada masa sekarang. Soalan saya, manakah patriotisme ataupun kesetiaan mereka selepas menikmati segala bantuan yang telah diberi oleh kerajaan kita dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk menyemai kesetiaan dan patriotisme terhadap negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau diizinkan saya, bahagian pertama pertanyaan itu ialah pertanyaan retorik. *It is a rhetorical question.* Pertanyaan kedua itu yang mirip kepada jawapan. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya setuju dengan Tuan Yang di-Pertua bahawa pertanyaan peringkat pertama itu retorik dan juga saya ingin tambah sikit di sana iaitu terpulang kepada individu-individu *comes to patriotic*, dengan izin. *It is an individual quality of patriotism*, dengan izin.

Tindakan-tindakan yang kita boleh untuk meningkatkan patriotisme itu, ini juga adalah satu perkara yang sukar sangat kerana walaupun kita ada banyak peraturan ataupun *awareness*, dengan izin, yang kita *create* tetapi masih lagi kalau patriotisme ini berkaitan atau berbanding dengan berapa banyak duit seorang pakar, yang selepas dia belajar dari luar negara dia dapat apabila mereka membandingkan dengan pendapatan, *the economical status*, mereka masih lagi ingin bekerja di luar negara sehingga mereka dapat duit yang cukup sebelum mereka balik.

Di sini saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat dengan izin, *all is not lost* kerana kita dapati yang mereka ini tinggal di luar negara untuk kerja selepas 5 tahun, 10 tahun, 15 tahun, *they do come back*, masih dia orang *come back*. Apabila mereka balik

ke negara kita, dia orang jadi lebih pakar, dia *expertise* dan apabila mereka kerja di sini, kita di sini pun dapatlah kemahiran mereka di negara kita ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Hassan bin Haji Shukri. Esok ialah hari terakhir ya? Macam sedih sahaja.

15. **Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri** minta Menteri Sumber Asli dan alam sekitar menyatakan apakah usaha serantau yang dibuat oleh kerajaan untuk menangani masalah jerebu yang sering melanda negara ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua dia sedih sebab ada yang kalah baru-baru ini kot. Tuan Yang di-Pertua, keadaan jerebu yang sering melanda negara terutama pada bulan Ogos 2005 baru-baru ini terjadi akibat daripada pencemaran merentasi sempadan yang berpunca daripada kebakaran hutan dan tanah yang berlaku di negara jiran dan ianya juga turut diburukkan lagi dengan berlakunya keadaan pembakaran terbuka dan kebakaran hutan di dalam negara kita sendiri.

Antara langkah yang telah diambil bagi menangani masalah jerebu tersebut di peringkat serantau ialah melaksanakan Pelan Tindakan Jerebu Serantau atau dengan izin, *Regional Haze Action Plan*. Perjanjian *ASEAN Agreement on Transboundary Haze Pollution*, dengan izin, yang ditandatangani oleh menteri-menteri alam sekitar ASEAN pada 10 Jun 2002 adalah juga satu langkah positif dalam usaha negara-negara ASEAN mencegah serta mengawal kebakaran dan jerebu tersebut. Pegawai-pegawai kanan alam sekitar ASEAN juga telah bermesyuarat pada Ogos tahun ini juga telah menubuhkan *ASEAN Expert Panel on Haze Assessment and Coordination* untuk menjalankan penilaian serta mengesyorkan bagi kawasan yang berlaku kebakaran apabila jerebu dijangka bermula.

Di samping itu kerajaan akan terus bekerjasama dengan negara-negara ASEAN termasuklah Indonesia di dalam mempertingkatkan penggunaan kaedah mesra alam sektor pertanian iaitu pembersihan tanah tanpa pembakaran terutamanya bagi pekebun-pekebun kecil dan bagi pembersihan ladang-ladang, kerajaan akan terus memberi bantuan dan latihan kemahiran teknikal mengenai kaedah pembakaran sifar yang diamalkan oleh sektor perladangan kita di Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan terakhir, Tuan Tan Bon You.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tan Bon You atau Tan Bon 'Yoo'?

**Tuan Tan Bon You:** You.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tan Bon You.

**Tuan Tan Bon You:** *English. [Ketawa]* Soalan saya nombor 16.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada juga sebutan *Chinese* lain, *English* lain.

**Tuan Tan Bou You:** Sama jugalah. *[Ketawa]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat.

**16. Tuan Tan Bon You** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah statistik jumlah kes penyalahgunaan kuasa oleh anggota polis sejak tahun 2000 mengikut pangkat, negeri dan tindakan tatatertib yang telah diambil terhadap mereka.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Keselamatan Dalam Negeri [Datuk Wira Abu Seman Yusop]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Tuan Tan Bon You, penglibatan kes yang dikategorikan sebagai penyalahgunaan kuasa di kalangan pegawai dan anggota polis yang dijatuhkan hukuman termasuklah buang kerja, turun pangkat, turun gaji, henti pergerakan gaji, lucut hak emolumen, denda, amaran, celaan adalah seperti berikut.

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Pegawai Polis Yang Dijatuhkan Hukuman</b>	<b>Bilangan Anggota Polis Yang Dijatuhkan Hukuman</b>
2000	63	354
2001	51	221
2002	11	35
2003	5	26
2004	1	20

Tindakan tatatertib ke atas pegawai dan anggota polis adalah meliputi kesemua peringkat dan pangkat. Urusan tindakan tatatertib tetap diteruskan walaupun seseorang pegawai atau anggota polis berkenaan telah bertukar tempat kerja ke mana-mana negeri atau daerah. Perangkaan urusan tindakan tatatertib terhadap pegawai dan anggota polis secara keseluruhannya mengikut tahun adalah seperti berikut.

<b>Tahun</b>	<b>Bilangan Anggota Polis Yang Diambil Tindakan</b>
2000	1,381
2001	577

2002	754
2003	1,134
2004	1,164

Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Maka *statementnya* ialah maka jangan anggap polis sendiri tidak ambil tindakan terhadap salah guna kuasa.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Betul Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman, pertanyaan terakhir. Saya sedar bahawa dia dapat peluang dua kali, mungkin didakwa saya tidak adil tetapi apa hendak buat kerana soalan terakhir.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu bahawa tindakan akan terus diambil walaupun anggota-anggota polis ditukarkan ke tempat-tempat lain, itu yang ditukar. Saya ingin tahu adakah tindakan akan diteruskan juga kepada anggota-anggota yang berhenti dan yang pencen.

**Datuk Wira Abu Seman Yusop:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau dari segi undang-undang, aktiviti salah guna kuasa dilakukan semasa mereka dalam perkhidmatan. Oleh sebab itu mereka tetap terus diambil tindakan kalau ianya merupakan satu kes jenayah di mana boleh dikemukakan kepada mahkamah tetapi kalau mengambil tindakan tatatertib umpamanya bahawa mereka telah pun bersara, kalau kes yang dilakukan mungkin ringan, mungkin tidak akan diambil tindakan tetapi kalau ianya merupakan satu kes yang begitu berat yang mana boleh menghadapkannya ke mahkamah juga, maka mereka akan diambil tindakan.

**Tuan Yang di-Pertua :** Terima kasih Yang Berhormat, masa cukup.

**[Masa Untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]**

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERLEMBAGAAN  
(PINDAAN) (NO. 2) 2005****Bacaan Kali Yang Kedua Dan Ketiga****11.23 pagi.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas] :** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu bahawa Rang Undang-undang bernama "suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang".

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Fasal 2 Rang Undang-undang memperkatakan pindaan kepada Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan iaitu untuk menambah bilangan kerusi Dewan Rakyat daripada 219 kepada 222. Penambahan ini adalah berikutan dengan satu urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya negeri Sarawak yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Tuan Yang di-Pertua, kali terakhir urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak telah diadakan pada tahun 1996. Mengikut Fasal (2) Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan, satu urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya boleh dijalankan setelah genap lapan tahun dari urusan terdahulu. Dengan ini pada 17 Januari tahun ini, SPR telah memulakan urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya bagi negeri Sarawak dan urusan ini telah pun diselesaikan pada 10 Jun tahun ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, laporan persempadanan oleh SPR tersebut telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 4 Julai 2005 dan laporan tersebut telah pun diluluskan pada hari yang sama. Perintah Perlembagaan Persekutuan Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Negeri Sarawak 2005 telah diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong pada 13 Julai 2005 dan mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2005.

Berikutan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya di negeri Sarawak itu, sebanyak tiga kerusi Parlimen dan sembilan kerusi Dewan Undangan Negeri telah ditambah untuk negeri Sarawak. Pada 20 Jun 2005, Dewan Undangan Negeri Sarawak juga telah meluluskan pindaan kepada Fasal (2) Perkara 14,

Perlembagaan Negeri Sarawak. Pindaan ini memperlihatkan pertambahan sembilan kerusi Dewan Undangan Negeri di Negeri Sarawak. Pindaan itu juga telah berkuat kuasa pada 1 Ogos 2005.

Tuan Yang di-Pertua, jika cadangan pindaan kepada Perkara 46 yang saya bantangkan ini diluluskan oleh Dewan ini, maka jumlah kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sarawak akan bertambah daripada 28 kepada 31 dan keseluruhan kerusi Dewan Rakyat di Malaysia akan bertambah daripada 219 kepada 222. Dengan berkuat kuasanya pindaan kepada Fasal (2) Perkara 14, Perlembagaan Negeri Sarawak, jumlah kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak telah bertambah daripada 62 kepada 71 dan keseluruhan kerusi Dewan Undangan Negeri di Malaysia ialah 576.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Fasal 2 Rang Undang-undang ini dicadangkan kepada Fasal (1) Perkara 46, Perlembagaan Persekutuan dengan menggantikan perkataan "219" dengan perkataan "222". Pindaan juga dicadangkan dalam Fasal (2) Perenggan (a), Perkara 46 dengan menggantikan perkataan "206" dengan perkataan "209". Manakala pindaan kepada sub perenggan (11) dalam Fasal (2) perkara yang sama ialah dengan menggantikan perkataan "28" dengan perkataan "31".

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ini adalah selari dengan Perintah Perlembagaan Persekutuan Persempadanan Bahagian-bahagian Pilihan Raya Negeri Sarawak 2005 yang telah ditawarkan pada 1 Ogos 2005 melalui PU(A) 278 dan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2005 mengenai pertambahan tiga kerusi Dewan Rakyat dan sembilan kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 3 Rang Undang-undang memperkatakan pindaan kepada Perkara 121, Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan Yang di-Pertuan Agong menetapkan tempat bagi pejabat pendaftaran utama bagi Mahkamah Tinggi di Malaya, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Buat masa sekarang pejabat pendaftaran yang utama bagi Mahkamah Tinggi Malaya, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan ialah di Kuala Lumpur seperti yang diperuntukkan masing-masing dalam perenggan (a) Fasal (1), Fasal (1B) dan Fasal (2) Perkara 121, Perlembagaan Persekutuan.

Sebagaimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan telah berpindah ke Putrajaya pada 10 Oktober 2003. Oleh yang demikian, Perkara 121, Perlembagaan Persekutuan perlulah dipinda untuk menukar tempat pejabat pendaftaran yang utama bagi mahkamah-mahkamah itu dan pindaan juga dicadangkan bagi Mahkamah Tinggi di Malaya.

Pendekatan yang dicadangkan diambil ialah kaedah penetapan pejabat pendaftaran yang utama bagi Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan (b) Fasal (1), Perkara 121, Perlembagaan Persekutuan. Bagi maksud itu adalah dicadangkan supaya dipinda perenggan (a) Fasal 1, Perkara 121, Perlembagaan Persekutuan dan menggantikan perkataan "Kuala Lumpur" dengan perkataan "mana-mana tempat di negeri-negeri Tanah Melayu yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong" dan juga dalam Fasal (1B) dan (2) perkara yang sama dengan menggantikan perkataan "Kuala Lumpur" di mana jua terdapat dengan perkataan "mana-mana tempat" yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong."

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perpindahan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan ke Putrajaya pada 10 Oktober 2003, maka dicadangkan perenggan 3(b) Rang Undang-undang ini diberikan kuat kuasa ke belakang iaitu mulai 10 Oktober 2003 dengan izin, *retrospective*. Penetapan tarikh kuat kuasa kebelakangan ini tidak melibatkan implikasi undang-undang kerana ia hanya bersifat pentadbiran atau *administrative*, dengan izin, *this is only an administrative amendment*.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal 4 Rang Undang-Undang memperkatakan pindaan kepada perkara 124 Perlembagaan Persekutuan bagi mengadakan satu peruntukan berasingan dan khusus tentang tatacara mengangkat sumpah bagi Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Mahkamah Rayuan yang baru dilantik. Pindaan yang dicadangkan kepada perkara 124 ialah dengan mengadakan fasal baru (2A) dan (4A) dan dengan meminda fasal (4) dan fasal (5). Melalui peruntukan fasal baru (2A) yang dicadangkan:

(2A) - "*Seseorang yang dilantik menjadi Presiden Mahkamah Rayuan akan mengangkat sumpah di hadapan hakim kanan yang ada bagi Mahkamah Rayuan*".

Manakala fasal baru (4A) memperuntukkan bahawa "*Seseorang yang dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rayuan akan mengangkat sumpah di hadapan Presiden Mahkamah Rayuan atau jika Presiden Mahkamah Rayuan tidak ada, di hadapan hakim yang kanan selepasnya yang ada bagi Mahkamah Rayuan*."

Tuan Yang di-Pertua, fasal (5) Rang Undang-Undang memperkatakan pindaan kepada perkara 125 Perlembagaan Persekutuan yang pada asasnya bertujuan untuk membolehkan Ketua Hakim Negara merujuk seseorang hakim yang melanggar mana-mana peruntukan kod etika sebagaimana yang ditetapkan oleh Yang di-Pertuan Agong kepada suatu badan yang ditubuhkan di bawah undang-undang persekutuan.

Untuk memperuntukkan bahawa kod etika yang ditetapkan hendaklah juga mengandungi peruntukan mengenai tatacara yang hendaklah dipatuhi dan sangsi yang boleh dikenakan selain pemecatan seseorang hakim daripada jawatannya.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ir. Wong Foon Meng] **mempengerusikan Mesyuarat**]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila teruskan Yang Berhormat.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua izinkan saya untuk membaca kepada Dewan yang mulia ini peruntukan Fasal (3) perkara 125 Yang Berhormat sedia ada yang berbunyi seperti yang berikut;

*“(3) Jika Perdana Menteri atau Ketua Hakim Negara selepas berunding dengan Perdana Menteri membuat representasi kepada Yang di-Pertuan Agong dengan menyatakan bahawa seseorang Hakim Mahkamah Persekutuan patut dipecat atas alasan apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan kod etika yang ditetapkan di bawah Fasal (3A) atau atas alasan tidak berdaya oleh sebab kelemahan tubuh atau akal atau apa-apa sebabnya untuk menunaikan fungsi jawatannya dengan sepatutnya maka Yang di-Pertuan Agong hendaklah melantik suatu tribunal mengikut fasal (4) dan merujukkan representasi itu kepadanya dan boleh di atas syor tribunal itu memecat hakim itu daripada jawatan.”*

Seperti yang saya sebutkan tadi, satu-satunya sangsi yang boleh dikenakan bagi pelanggaran kod etika adalah pemecatan hakim yang berkenaan. Sangsi sedemikian adalah dirasakan terlalu berat sekiranya pelanggaran kod etika yang dikatakan telah dilakukan oleh hakim yang berkenaan adalah seperti lewat ke pejabat. Adalah kurang wajar jika bagi pelanggaran yang tidak begitu berat satu tribunal perlu dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong untuk membuat siasatan dan laporan terhadap hakim yang melakukan pelanggaran tersebut. Oleh yang demikian dicadangkan supaya diadakan peruntukan seperti yang terkandung di dalam Fasal (3A) yang baru perkara 125 Perlembagaan Persekutuan bagi membolehkan Ketua Hakim Negara merujukkan hakim tersebut kepada satu badan yang ditubuhkan di bawah undang-undang persekutuan untuk mengendalikan pelanggaran seumpama itu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kod etika yang dimaksudkan di dalam Fasal (3A) yang sedia ada dalam perkara 125 Perlembagaan Persekutuan ingin saya

maklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kod Etika Hakim 1994 telah disiarkan sebagai PU (b) 600 pada 22 Disember 1994, perenggan 2(2) Kod Etika Hakim 1994 menyebut bahawa:

*“Pelanggaran mana-mana peruntukan kod etika itu bolehlah dijadikan alasan bagi memecat seseorang hakim daripada jawatan. Dengan sedemikian peruntukannya dan sejajar dengan hasrat di sebalik penggubalan Fasal (3A) yang baru yang bertujuan untuk membolehkan Ketua Hakim Negara merujuk seseorang hakim yang melanggar mana-mana peruntukan kod etika itu kepada suatu badan yang akan ditubuhkan jika beliau berpendapat pelanggaran oleh hakim itu tidak mewajarkannya dan dirujuk kepada tribunal. Maka dicadangkan supaya penutupan kod etika oleh Yang di-Pertua Agong yang kini dicadangkan dan diperuntukkan dalam Fasal baru (3B) perkara 125 Perlembagaan Persekutuan hendaklah juga mengandungi peruntukan tentang tatacara yang hendaklah diikuti dan sangsi yang boleh dikenakan selain pemecatan seseorang hakim daripada jawatannya di bawah Fasal (3) berhubung dengan pelanggaran mana-mana peruntukan kod etika itu. Pematuhan kod etika itu juga dikenakan ke atas Pesuruhjaya Kehakiman sebagaimana yang diperuntukkan dalam Fasal baru (3C) perkara 125 Perlembagaan Persekutuan yang terkandung dalam Fasal (5) Rang Undang-Undang ini.”*

Tuan Yang di-Pertua, pindaan-pindaan yang dicadangkan kepada perkara 46 Perlembagaan Persekutuan untuk menambah bilangan ahli-ahli Dewan Rakyat kepada perkara 121 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan penetapan pejabat pendaftaran yang utama bagi Mahkamah Tinggi di Malaya, Mahkamah Rayuan serta Mahkamah Persekutuan kepada perkara 124 Perlembagaan Persekutuan berhubung dengan tatacara mengangkat sumpah yang khusus bagi Presiden Mahkamah Rayuan serta Hakim Mahkamah Rayuan dan kepada perkara 125 Perlembagaan Persekutuan berkaitan dengan kod etika hakim merupakan pindaan-pindaan yang dapat memastikan dan melaksanakan proses persempadanan semula bagi pilihan raya negeri Sarawak yang dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan bagi melicinkan pentadbiran badan kehakiman. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis apabila Rang Undang-Undang bernama satu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan dibacakan kali yang kedua sekarang dan di buka untuk di bahas. Yang Berhormat Dato' Lee Sing Chooi.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Selepas itu Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

**11.38 pg**

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kebenaran kepada saya untuk membahaskan satu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Saya hendak pindaan kepada perkara 46 di mana 3 Ahli Dewan Rakyat ditambah di Sarawak di mana Suruhanjaya Pilihan Raya sudah menambah tiga kerusi Parlimen di Sarawak. Saya hendak tahu dengan penambahan tiga kerusi itu, mengapa angka tiga, tidak dua kerusi atau empat kerusi, apakah prinsip dalam penambahan kerusi itu? Apakah faktor-faktor yang diambil kira untuk menambahkan kerusi itu? Apakah bilangan-bilangan pengundi yang berada selepas penambahan kerusi itu berbanding dengan bilangan yang sebelumnya? Tuan Yang di-Pertua, ini saya harap dapat diperjelaskan.

Kedua, pindaan kepada perkara 121, di mana tempat yang dipilih, saya *quote*, dahulu ia di Kuala Lumpur, sekarang "*at such place in the states of Malaya....*", M-A-L-A-Y-A. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu negara kita sudah jadi Malaysia bukan Malaya. Malaya sudah menjadi *history* - sejarah, dan kita tidak tahu apabila kita meminda perlembagaan kita, kita masih pakai "Malaya" sepatutnya pada pandangan saya "Malaysia" patut dipakai kerana negara kita di panggil Malaysia bukan Malaya lagi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita pakai hanya "*the states of Malaya*" bermakna satu diskriminasi telah dibuat ke atas Sabah dan Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Kenapa Sabah dan Sarawak tidak diambil kira kalau kita tahu peluang untuk membuka di tempat sana adalah peluang itu tidak mungkin wujud seperti di Perlis, di Kelantan dan Terengganu mungkin serupa. Tetapi dalam pemindaan perlembagaan itu kita tidak patut mendiskriminasikan mana-mana negeri, Tuan Yang di-Pertua. Ini kalau kita sudah ada satu diskriminasi yang juga hanya meminda kepada "*the states of Malaya*", maka satu diskriminasi sudah di buat di atas Sabah atau Sarawak dan saya ingat ini adalah satu yang tidak adil kepada Sabah dan Sarawak, Tuan Yang di-Pertua. Juga negara kita adalah Malaysia sepatutnya kita mesti pakai "*the state of Malaysia*", Tuan Yang di-Pertua.

Ini berkenaan dengan perkara 121 Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin membincangkan perkara 125 di mana kod etika telah dipakai dan juga *clause* itu dipindahkan dan saya hendak tahu, dengan pemindaan itu kerana adalah kod etika-kod etika yang dilanggar oleh hakim-hakim. Saya hendak tahu, bilangan hakim-hakim yang melanggar kod etika pada 5 tahun yang lalu, apakah kod etika yang dilanggarkan oleh hakim-hakim ini kerana hakim adalah satu jawatan yang agak tinggi dan mestilah orang-orang yang berwibawa dan yang berkaliber dan saya hendak tahu kod-kod etika yang manakah yang terbanyak yang dilanggar oleh hakim-hakim itu dan bilangannya dalam tempoh 5 tahun yang lalu itu. Inilah input-input yang saya bagi untuk pindaan perlembagaan ini. Dengan ini saya juga menyokong Kerajaan Persekutuan untuk meminda Perlembagaan Persekutuan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Lee Sing Chooi ke atas tiga perkara yang telah pun dibangkitkan dalam perbahasan tadi. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**11.43 pg**

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan ini untuk membahaskan Rang Undang-Undang Akta Perlembagaan (Pindaan) (N0.2) 2005. Tuan Yang di-Pertua, bagi saya setiap kali kita meminda perlembagaan, maka ini adalah satu perkara yang istimewa dan semasa Ahli-ahli Dewan Negara mengangkat sumpah apabila dilantik sebagai Ahli Dewan Negara, maka di antara perkataan dalam akuan sumpah itu biarlah mempertahankan perlembagaan. Jadi itu bermakna kita mesti sedar tentang aspek-aspek yang patut dipinda dan sebagainya dan ini adalah suatu perkara yang begitu penting, maka ia memerlukan dua pertiga daripada ahli yang ada dalam Dewan Negara ini untuk meneruskannya sebelum ia boleh diterima.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan demikian, maka dalam empat perkara yang dipohon dalam Rang Undang-undang ini, saya dapati perkara yang pertama iaitu Perkara 46, amat sesuai dan ini akan merapatkan lagi perhubungan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak kerana kita akan tambah tiga ahli yang mewakili Sarawak dalam Dewan Rakyat. Ini amatlah perlu supaya kita di Semenanjung lebih rapat dengan rakan-rakan kita di Sabah dan di Sarawak.

Dengan pertambahan tiga perwakilan ini yang mewakili negeri Sarawak, maka dalam Dewan Rakyat nanti kita akan lihat mereka ini boleh kemukakan masalah-

masalah yang dihadapi oleh negeri Sarawak. Saya amat mengalu-alukan Perkara 46 ini.

Tentang Perkara 121, kalau tujuan pindaan ini yang menyebutkan di mana-mana tempat yang diputuskan oleh Duli Yang Maha Mulia, maka mungkin ini tak begitu tepat kerana maksudnya ialah supaya menempatkan pejabat-pejabat pendaftaran yang utama itu di Putrajaya. Dulu kita ada sebut Kuala Lumpur, Tuan Yang di-Pertua. Kali ini kenapa kita tak sebut Putrajaya? Kenapa kita mahu sebut di mana-mana tempat yang ditentukan oleh Yang di-Pertuan Agong. Kalau maksud kita ialah menempatkan di sini, Putrajaya, maka kita harus sebutkan demikian kerana di negara kita, kita sudah jadikan Putrajaya sebagai tempat utama bagi kerajaan kita. Kalau kita kata mana-mana tempat, mungkin akan salah tempat. Mungkin tempatkan di Arau, katakan. Tempatkan di Arau, ada kemungkinan boleh ditempatkan di Arau. kepada

Kalau ditempatkan di Arau, mungkin dari segi koordinasi itu sukar bagi kita jalankan koordinasi itu. Jadi kalau kita nak tukar, kenapa kita tak tukar dengan lebih tepat? Tadi kita diberitahu bahawa di Sabah dan di Sarawak, iaitu Malaysia Timur, maka kita sudah ada pejabat-pejabat lain di sana. Tetapi di Semenanjung atau di Malaya, maka ia akan ditempatkan di Putrajaya. Saya nak tahu kenapa kita tak lebih tepat dan sebutkan Putrajaya?

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Pindaan 124 itu, iaitu cara untuk angkat sumpah dan sebagainya, maka itu tidak ada masalahlah kalau difikirkan bahawa kalau tidak ada orang yang berkenaan atau hakim yang berkenaan di setiap mahkamah itu, maka hakim yang berpangkat, yang paling *senior* di dalam mahkamah itu boleh menyaksikan perlafazan sumpah itu.

Bagi pindaan kepada 125, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati ada beberapa perkara yang kita harus bertanya.

Yang pertama, kita diberitahu apakah tujuannya supaya Pindaan Perkara 125 ini dibuat dan saya memang bersetuju kalau seseorang hakim itu tidak menulis keputusannya dalam satu tempoh yang munasabah mungkin dia dianggap sebagai telah melanggar kod etika dan peruntukan yang sedia ada itu memerlukan dia dirujuk kepada satu tribunal dengan tujuan supaya dipecat dalam jawatan. Ini mungkin tidak begitu munasabah. Itu dianggap sebagai kesalahan yang tidak begitu serius dan tidak memerlukan tindakan yang begitu ketara sehingga seseorang itu kehilangan pekerjaan.

Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, kod etika yang disebutkan dalam 3B itu telah kita diberitahu, telah disiarkan dalam PU dan sebagainya dan itu diketahui

umum. Tetapi satu perkara yang belum diputuskan di sini, ialah tentang Badan, tentang Badan iaitu rujukan kepada suatu Badan yang ditubuhkan di bawah Undang-undang Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam penubuhan tribunal itu maka sudah sebutkan keanggotaan, keanggotaan tribunal yang lebih jelas. Tetapi apabila sebut tentang badan ini, maka tidak ada, tidak ada *detail* tentang Badan ini dan saya dapati ini adalah penting kepada satu Badan yang ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan untuk mengendalikan pelanggaran ini. Maka kalau kita tidak tahu bagaimana badan ini akan ditubuhkan, mungkin ini menjadi satu pertanyaan yang penting.

Pada pendapat saya, adalah lebih baik kalau kita bagi sedikit maklumat tentang apakah Badan ini supaya Dewan ini boleh memberi pendapat tentang keanggotaan Badan ini, siapa boleh duduk dalam Badan ini dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, pada lazimnya, kawan-kawan selalu tidak suka mengambil tindakan terhadap kawan lain. Itu pada lazimnya. Kalau Badan ini dianggotai oleh hakim dari mahkamah kita sendiri, mungkin mereka enggan mengambil keputusan tentang rakan mereka yang telah dirujuk kepada Badan ini. Ini adalah satu kelaziman.

Saya ingat banyak kali kita sudah rujuk kes-kes yang melibatkan orang profesional yang tidak menjalankan tugas mereka dengan baik. Kepada Badan Tatatertib yang ditubuhkan tetapi dianggotai oleh mereka yang juga seprofesion dengan mereka ini. Kami dapati bahawa biasanya mereka tak mahu bertindak kerana dia kata kalau saya bertindak, lain hari saya mungkin dirujuk. Jadi itu menimbulkan masalah yang besar.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kira kawan tak mahu makan kawanlah!

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Ya, mungkin kawan tak mahu makan kawanlah. Atau kawan tak mahu lawan kawan. Itu yang menjadi masalah kerana mungkin 20 tahun saya sudah jumpa kawan saya, Dato' Yaakob. Dan Dato' Yaakob ada satu masalah tatatertib, kerana dia datang lewat kerja. Dan dirujuk kepada satu tribunal atau satu Badan di mana saya duduk sebagai anggota. Mungkin saya kata, haiya, ini amat kecillah. Jangan rujuk kepada ..Tidak ada, tak ada apalah, ya. Tidak ada apa, dan itu lepaskan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu perkara yang penting. Kerana banyak daripada hakim itu mungkin bersama. nanti kerana naik pangkat dan sebagainya, ada sudah jadi hakim, Hakim Persekutuan. Tetapi mungkin kawan itu dia tak begitu baik dengan orang-orang tertentu, jadi dia masih kekal sebagai Hakim Mahkamah Tinggi

sahaja. Tapi, rakannya yang masuk sama, atau mungkin lebih *junior* sekarang sudah jadi Hakim Mahkamah Persekutuan. Bila Badan ini ditubuhkan, untuk buat keputusan, adalah elemen-elemen yang mungkin kurang menyenangkan pihak-pihak tertentu. Oleh kerana itu, siapa? Siapa yang akan dilantik, Badan ini ya. Dulu disebut tribunal.

Bila kita tubuhkan satu tribunal untuk mengkaji kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh bekas Ketua Hakim Negara dengan beberapa Hakim Persekutuan, kita ada satu tribunal yang dilantik luar daripada Malaysia. Orang datang dari India, datang dari negara-negara lain, hakim-hakim yang tidak ada kaitan dan hubungan dengan hakim berkenaan. Itu menjadi anggota dalam tribunal yang telah ditubuhkan itu. Sekarang tidak ada sebut Badan. Hanya ada sebut badan, tetapi sayapun tidak tahu siapa akan mewakili badan ini? Siapa akan dilantik, apakah kelayakan dan sebagainya? Dan ini adalah satu perkara yang harus disebutkan dengan lebih telus, lebih *transparent* Tuan Yang di-Pertua, dan lebih jelas supaya semua orang tahu siapa akan duduk. Supaya badan ini tidak dipertikaikan. Apa yang saya takut ialah Badan itu di...

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita sudah lihat polis ya. Polis, Tuan Yang di-Pertua. Polis. Sebenarnya polis yang menyiasat tuduhan-tuduhan terhadap polis. Tapi demi kepentingan keadilan, Perdana Menteri kita telah membuat keputusan melantik satu suruhanjaya bebas. *Independent Commission* Tuan Yang di-Pertua, satu *Independent Commission*. Apabila polis siasat polis itu, maka orang tak ada keyakinan dan itu diakui oleh YAB Perdana Menteri kita. Dia kata, "saya telah tubuhkan Suruhanjaya Bebas ini kerana orang tak ada keyakinan" dan apabila ditubuhkan Suruhanjaya Bebas itu, tidak ada masalah lagi. Semua orang sudah tunggu keputusan dan perakuan daripada dan isu itu habis. Dan juga Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan Suruhanjaya Diraja untuk membaiki perjalanan prestasi polis itu, mereka buat 125 perakuan yang penting. Tapi yang penting sekali Tuan Yang di-Pertua ialah menubuhkan satu badan atau satu Suruhanjaya Bebas, tidak melibatkan pihak polis tetapi bebas untuk menyiasat sebarang tuduhan terhadap prestasi polis.

Kalau badan itu diterima maka tidak ada masalah lagi, tidak ada masalah lagi tubuhkan tiap-tiap kali kita ada masalah yang melibatkan polis, kita tubuhkan satu Suruhanjaya Bebas, itu tak payah kalau kerajaan melaksanakan perakuan daripada Suruhanjaya itu. *Independent Commission* yang tidak melibatkan pihak polis.

Tuan Yang di-Pertua, sama dengan perkara ini saya harap badan yang disebutkan di sini juga merupakan satu badan yang mana boleh menjalankan tugas

tanpa mengambil kira hubungan dengan hakim-hakim yang dirujuk kepada badan ini dan itu ialah untuk mendapat keyakinan hakim yang dirujuk kepada badan ini dan juga pihak orang ramai yang akan melihat keadilan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perkara 3C ini, saya ada sedikit masalah mengenainya. Iaitu 3C ini menyebutkan kod etika hendaklah dipatuhi oleh “tiap-tiap hakim Mahkamah Persekutuan” dan dalam terjemahan dalam bahasa Inggeris, “*every judge of the Federal Court*” dan tiap-tiap Pesuruhjaya Kehakiman atau “*every JC, Judicial Commissioner*”. Tuan Yang di-Pertua, pada interpretasi saya, bila kita sebut “*every judge of the Federal Court*”, atau tiap-tiap hakim Mahkamah Persekutuan, maka ini keluarlah hakim Mahkamah Tinggi, hakim Mahkamah Rayuan, mereka bukan hakim Mahkamah Persekutuan. Mereka bukan JC, tapi mereka sama ada hakim Mahkamah Tinggi, *High Court Judge* atau Mahkamah Rayuan, *Appeal Court Judge*.

Kalau demikian ini sudah ada ketinggalan kerana definisi-definisi hakim Mahkamah Persekutuan di *Federal Court Judge*, dulu kita ada Mahkamah Agung, Tuan Yang di-Pertua *Supreme Court*. Masa kita ada Mahkamah Agung, *Supreme Court* maka kita asingkan kerana itu pada peringkat yang paling tinggi. Kita ada tiga paras dalam mahkamah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Bila kita sebut sebagai seorang hakim Mahkamah Persekutuan, adakah kita sebut hakim dalam aras yang paling tinggi *Federal Court Judge* atau pun kita bermaksud tiap-tiap hakim yang ada dalam mahkamah. Apakah takrifan perkara ini?

Kalau kita bermaksud hanya boleh dipakai kepada hakim Mahkamah Persekutuan, dan *Judicial Commissioner* sahaja, maka kita sudah lepaskan hakim-hakim lain. Kalau kita bermaksud nak pakai kepada semua hakim, dan JC maka perkataan yang digunakan di sini mungkin akan mengelirukan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi oleh kerana kita meminda Perlembagaan, kita mesti halusi perkataan-perkataan yang diguna supaya tidak dapat dicabar, nanti satu hakim dari Mahkamah Tinggi dirujuk kepada tribunal atau kepada badan yang ditubuhkan. Katakanlah satu hakim dari Mahkamah Tinggi, *High Court*, dirujukkan, bolehkah hakim itu cabar, saya tak payah dirujukkan kerana 3C itu kata, dua golongan, satu hakim Mahkamah Persekutuan, satu JC, satu Pesuruhjaya Kehakiman, dua kategori. Saya di bawah kategori lain, saya hakim Mahkamah Tinggi jadi, saya terkeluar dalam peruntukan ini. Bolehkah itu dicabar? Kalau ia boleh dicabar atau kita ada kesangsian tentang ini, maka perkataan itu tidak sesuai dan harus diubah kerana Perlembagaan. Kita tak boleh ada satu situasi di mana Perlembagaan kita boleh dicabar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil satu lagi contoh yang paling mustahak yang melibatkan Dewan yang mulia ini, sebagai satu contoh untuk mengukuhkan lagi sebabnya saya bertanya perkara ini. Saya rujuk kepada Perlembagaan, Jadual ke- 7 Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh Jadual yang ke-7 di Bahagian 1 (2), Jadual ke- 7 Perlembagaan Persekutuan. Dan saya baca apa yang disebut, ini berkenaan dengan kita semua yang duduk dalam Dewan ini iaitu pelantikan kita ke dalam Dewan ini. Jadual ke-7 Bahagian 1(2) itu sebut, "setiap kali berlaku kekosongan antara Ahli-ahli Dewan Negara yang dipilih oleh negeri, Yang di-Pertuan Agong hendaklah memberi notis kepada Raja atau Yang di-Pertua Negeri bagi negeri itu bahawa seorang Ahli Dewan Negara hendaklah dipilih dan Raja atau Yang ddi-Pertua Negeri itu hendaklah meminta Dewan Undangan Negeri itu memilih seorang Ahli Dewan Negara dengan seberapa segera yang boleh".

Jadi Tuan Yang di-Pertua itu bermaksud, apabila habis tempoh saya maka Duli Yang Maha Mulia akan tulis surat kepada Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan menyatakan Dr. Chin sudah habis tempoh perkhidmatan dan secepat mungkin minta Dewan Undangan Negeri supaya melantik satu orang atau memilih satu orang baru untuk menggantikan tempat saya.

Tuan Yang di-Pertua, apa saya tanya di dalam ini ialah perkataan "setiap kali berlaku kekosongan", ini pun kena pinda kerana ada kekeliruan. Saya kata kenapa ada kekeliruan, setiap kali berlaku kekosongan, apa maksudnya berlaku kekosongan? Saya harus tunggu sampai tempoh saya tamat, katakan saya tamat pada 31 Disember 2005 atau lebih baik saya ambil contoh kawan saya, kawan saya yang duduk di sebelah kiri saya Yang Berhormat Ustaz Haji Hassan akan tamat tempoh pada 22hb Disember 2005, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dari takrifan bila ada kekosongan, kekosongan itu 23hb atau 24hb atau jam satu minit lepas 12 pada 23hb kerana *midnight* 22hb dia tamat dan kawan di belakang Yang Berhormat Puan Safinah pun serupa. Lepas itu pada 23hb pagi, Duli Yang Maha Mulia boleh tulis surat kepada Dewan Undangan Negeri Kelantan, kata sudah ada kekosongan, sila buat pelantikan. Itu satu interpretasi Tuan Yang di-Pertua tetapi Dewan Undangan Negeri, *sorry* ya bukan Kelantan, Terengganu, Dewan Undangan Negeri Terengganu telah membuat interpretasi yang lain. Mereka sudah lantik dua orang pengganti.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Memilih Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Sudah memilih dua orang pengganti, nama mereka telah juga diumumkan tapi kawan kita masih duduk dalam tempat ini. Dewan Undangan Negeri Sabah, sebelum kawan kita Datuk Karim itu tamat tempoh, maka mereka telah lantik Yang Berhormat Datuk Amani sebagai pengganti. Itu sebelum kekosongan dan Penasihat Undang-Undang di bawah Peguam Negara di bawah *AG Chamber*, bagi apa interpretasi kepada Speaker kepada Dewan Undangan Terengganu, kepada Dewan Undangan Negeri Sabah.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya Dato' Rashid.

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Terima kasih, menarik sekali hujah Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng berhubung dengan istilah atau pun pentakrifan berlakunya kekosongan. Saya bersetuju dari masalah yang timbul sekarang, seperti yang dibaca berdasarkan kepada peruntukan Perlembagaan, Kerajaan Negeri Terengganu mestilah menerima pemberitahuan daripada Kerajaan Persekutuan, dalam hal ini meletakkan, melibatkan Yang di-Pertuan Agong. Ertinya kalau kita merasakan bahawa apa yang berlaku itu tidak tepat, yang tidak tepatnya ialah nasihat-nasihat yang diberi kepada Yang di-Pertuan Agong dan membolehkan Yang di-Pertuan Agong berhubung dengan negeri Terengganu.

Jadi ertinya pihak kerajaan negeri tidak boleh berlaku proaktif dalam hal ini kerana belum. Adakah Yang Berhormat Dato' Dr. Chin bersetuju dengan pandangan saya?

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Saya memang setuju dan saya juga ambil kesempatan ini untuk mewujudkan satu lagi keadaan. Kalau interpretasi ini kurang tepat dalam Perlembagaan Persekutuan ini kerana saya angkat sumpah, saya kata saya mahu mempertahankan Perlembagaan. Semua ahli, semua rakan saya dalam Dewan ini angkat sumpah satu daripada perkataan saya tidak ingat ada dua lagi mungkin Yang Berhormat Chun boleh bantu saya. Perkataan yang akhir dalam ayat yang akhir, yang dilafazkan semalam di Dewan ini ada sebutkan beberapa perkataan, tetapi saya ingat dua "mempertahankan Perlembagaan". Tetapi mungkin ada lainlah, ada beberapa lagi, saya ingat ada tiga perkara berkenaan dengan Perlembagaan yang kita sebagai Ahli Dewan Negara mesti mempertahankan.

Jadi, kalau kita bandingkan dengan satu keadaan Dewan Undangan Negeri Kelantan, katakan Dewan Undangan Negeri Kelantan kerana Barisan Nasional sudah

menang di Pengkalan Pasir, Barisan Nasional sekarang sudah tanya bila Kerajaan Negeri Kelantan akan letak jawatan? Dan itu kita tidak tahu sama ada mereka ingin berbuat demikian atau mereka hendak tunggu untuk adakan satu lagi pilihan raya kecil dan tunggu keputusan itu, dan kalau mereka kalah mungkin terpaksa - sungguhpun tidak diingini - terpaksa. Tetapi kemungkinan itu ada Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan itu ada so, kalau Menteri Besar Nik Aziz Tok Guru, saya sekarang panggil satu sesi Dewan Undangan Negeri Kelantan dan membuat pelantikan dua orang dari Kelantan sama ada melanjutkan Yang Berhormat Puan Siti Zailah ataupun lantik dua orang baru sebagai menunggu. Dan kalau Dewan Undangan Negeri Kelantan sudah buat keputusan nanti katakan betul-betul mereka letak jawatan sebagai Kerajaan Negeri Kelantan, maka adakah pelantikan dua orang yang ditunggu itu sah atau tidak sah? Dan bolehkah Barisan Nasional lantik dua orang lagi dari Dewan Undangan Negeri Kelantan sebagai menggantikan dua orang itu yang sedang menunggu kekosongan kerana amalan kita ialah sebelum ada kekosongan sudah boleh lantik orang baru sebelum ada kekosongan. Jadi apakah interpretasi setiap kali berlaku kekosongan.

Kita harus tunggu sampai 23 pagi sebelum nasihatkan Duli Yang Maha Mulia supaya tulis surat kepada Dewan Undangan Negeri Terengganu ataupun sekarang kita boleh buat. Sudah buat, sudah buatlah dalam kes ini sudah buat pelantikan dan mungkin 23 pagi mereka boleh datang sini angkat sumpah menjadi Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita ada perkara-perkara macam ini dalam Perlembagaan, dan kenapa kita hendak memperkenalkan lagi satu pindaan 3(c) yang mengandungi elemen ini? Dan kenapa kita benarkan Penasihat Undang-undang yang mewakili kerajaan, mewakili *AG's Chamber*, kamar Peguam Negara itu memberi nasihat yang berlainan kepada Ketua Menteri atau Menteri Besar yang membolehkan interpretasi Jadual Ketujuh ini berlainan. Saya pun tidak tahu, saya pun tidak tahu. Dan kalau pelantikan yang tidak sah itu dibuat bukankah ia menjejaskan keputusan kita, bila kita luluskan satu rang undang-undang adakah itu sah dari segi Perlembagaan? Kalau dicabar katakan kita sidang pada 23 dan pada 23 pengganti kawan kita dari Terengganu itu datang mengambil bahagian dalam urusan ini dan kita luluskan satu rang undang-undang, adakah itu boleh dicabar di mahkamah?

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan peguam yang bertaualiahlah saya *lawyer* buruk sahaja, tetapi saya fikir orang yang pakar dan arif dalam perkara ini harus tidak wujudkan satu situasi di mana boleh mempertikaikan. Saya sekarang mempertikaikan apakah maksud Hakim Mahkamah Persekutuan, adakah itu sembilan atau sepuluh

hakim sahaja yang boleh dirujuk kepada badan ini sekarang, saya pun tidak ingatlah ada berapa *Federal Court Judge*, tetapi saya tahu bilangan itu sangat kecil sahajalah, masih ada kekosongan. Tetapi bilangan itu kecil sahaja, so kalau kita maksudkan *Federal Court Judge* ialah kumpulan itu sahaja yang boleh dirujuk, maka yang lain semua terlepas. Tetapi kalau kita bermaksud *every judge in the court of Malaysia* lapan, ada kekosongan *that means* kerana satu *full panel is* sembilan *judges - is it?* Bukan? Lapan. Tetapi untuk *constitute* satu *bench* Tuan Yang di-Pertua selalunya dia ada tiga, lima atau tujuh hakim yang membuat keputusan tentang kes-kes tertentu.

Oleh kerana perkara-perkara yang saya bangkitkan dalam pindaan Perlembagaan ini, saya berharap kerajaan akan memikir sama ada Bahagian 1(2) dalam Jadual Ketujuh itu harus juga dipinda supaya tidak ada kekeliruan dengan maksud apa yang dikatakan setiap kali berlaku kekosongan. Mungkin kita kena sebutkan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong harus tulis surat atau beritahu selepas tamatnya tempoh perkhidmatan Ahli Dewan Negara, tetapi dari segi itu Tuan Yang di-Pertua saya juga dapati tidak ada keadilan.

Saya pun dapati tidak ada keadilan kerana Perlembagaan Persekutuan kita ini bermaksud tiap-tiap negeri ada had untuk memilih dua orang Ahli Senat datang ke sini untuk mewakili kepentingan negeri - menyuarakan. Macam saya, saya mewakili Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, so saya selalu ambil kesempatan untuk menyuarakan masalah-masalah negeri Pulau Pinang, kerana sebenarnya saya mewakili rakyat di sana dan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang memilih saya mewakili mereka. Adakah adil kalau saya tamat tempoh, kerusi saya ini dikosongkan bagi tempoh enam bulan atau lebih kerana mengikut sidang Dewan Undangan Negeri. Kalau tidak ada sidang Dewan Undangan Negeri sungguhpun ada kekosongan, maka itu tidak boleh diisi kerana tidak ada sidang, tidak ada pemilihan so saya pun tidak tahu siapa pengganti saya. Dan kalau ada kekosongan, kepentingan negeri Pulau Pinang itu tidak terjamin, tidak terjaga kerana tidak ada wakil dalam Dewan yang mulia ini. Jadi itu pun satu ketidakadilan.

Adalah lebih baik kalau kita hendak pinda ini, kita kata enam bulan sebelum kekosongan berlaku Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong kena beritahu raja atau Yang di-Pertua Negeri dan sebagainya. Mungkin enam bulan sebelum ada kekosongan, kalau demikian maka Yang di-Pertuan Agong kita itu tahu bertindak dengan betul. Sekarang bagaimana? Tunggu, tidak tunggu, tetapi kita bagi nasihat yang berlainan, satu kali kita kata tidak boleh, kena tunggu sampai ada kekosongan,

satu kali kita kata boleh, boleh sekarang boleh terus bagi. Jadi kita tidak mahu tindakan Duli Yang Maha Mulia yang dikasihi itu dipertikaikan, itu pun tidak betul kerana kita mempertahankan Perlembagaan, so kalau kita mempertahankan Perlembagaan kedudukan Duli Yang Maha Mulia itu mesti dimuliakan, tidak boleh dipertikaikan kalau dia buat keputusan. Kalau Tuanku buat keputusan, maka kita mesti mengikuti dan kita mesti pastikan bahawa keputusan itu tidak ada landasan untuk pertanyaan, kalau ada, maka sudah menjadi satu masalah dan apa yang termaktub dalam Perlembagaan adalah kurang tepat.

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya ambil ini sebagai satu contoh yang penting untuk memperkukuhkan lagi *argument* saya bahawa perkataan “Hakim Mahkamah Persekutuan” itu mengelirukan.....

**Dato’ Haji Abd. Rahman Sulaiman:** Penjelasan.

**Dato’ Dr. Chin Fook Weng:** Sila.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Dato’ Abd. Rahman.

**Dato’ Haji Abd. Rahman Sulaiman:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih Dato’ Dr. Chin. Saya hanya ingin mendapat pandangan daripada Yang Berhormat iaitu mengikut Jadual Ketujuh dalam Perlembagaan di akhir ayat itu ada disebut, “Yang di-Pertua Negeri itu hendaklah meminta Dewan Negeri memilih seorang Ahli Dewan Negara dengan seberapa segera yang boleh”. Perkataan “segera” ini, tidakkah ini sudah cukup untuk kita *interpretkan* sebagai terpulang kepada budi bicara raja ataupun kerajaan negeri yang berkenaan.

**Dato’ Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, saya bagi contoh untuk menjawab ini. Tadi saya ambil contoh bahawa tamat tempoh perkhidmatan saya pada 31 Disember 2005 katakan. Apabila ada kekosongan maka 1 Januari 2006 sudah ada kekosongan, jadi pada takrifan sayalah Duli Yang Maha Mulia itu akan tulis surat pada 1 atau lepas 1 mungkin 1 *public holiday* so, 2 hari bulan Duli Yang Maha Mulia tulis surat kepada Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang mengumumkan bahawa ada kekosongan. Bila kita kata dengan seberapa segera yang boleh katakan Dewan Undangan Negeri saya di Pulau Pinang kerana tiap-tiap enam bulan kena bersidang, katakan dia bersidang pada bulan April dan lepas itu sidang yang kedua ialah bulan Oktober ada dua sidang bulan empat dan bulan sepuluh.

Dengan seberapa segera yang boleh, maksudnya pada takrifan saya ialah pada sidang April mesti bantangkan perkara ini untuk diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Tetapi kalau mereka tunggu sampai sidang pada Oktober baru

bentangkan, maka sudah salah dari segi dengan seberapa segera yang boleh. Itu yang dimaksudkan ataupun tunggu sampai sidang di....

**Tuan Hassan bin Shukri:** Tuan Yang di-Pertua.....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** .....tahun 2007 baru bentangkan, maka sudah tunggu terlalu lama. Itu ialah interpretasi saya....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Shukri.

**Tuan Hassan bin Shukri:** Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat, maksud dengan seberapa segera itu adakah boleh mana-mana Dewan Undangan Negeri yang ahli-ahli Dewan Negerinya kosong kemudian dia adakan mesyuarat khas, mesyuarat Dewan Negeri khas untuk melantik kalau dua, dua orang Ahli Dewan Negara sahaja. Bolehkah mengikut Perlembagaan Pulau Pinang, Undang-undang Pertubuhan Pulau Pinang mengadakan sidang khas kerana itu?

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Dalam Perlembagaan negeri itu, katakan Pulau Pinang, saya tahu diwajibkan bahawa mesti ada sidang dalam tempoh 6 bulan tetapi tidak sebutkan kekerapannya.

Kalau tiap-tiap minggu mahu ada sidang pun boleh tidak dihadkan. Jadi, apabila ada kekosongan hendak panggil satu mesyuarat khas untuk membuat pelantikan ini, pemilihan ini, boleh. Mereka berhak berbuat demikian tetapi apa yang saya menyoalkan ialah sebelum ada kekosongan bolehkah proses itu dilaksanakan, yang mengelirukan kerana interpretasi penasihat undang-undang. Kalau kita tanya Penasihat Undang-undang Negeri Terengganu dan negeri Sabah, kenapa diadakan sebelum ada kekosongan? Adakah ini berlawanan dengan Jadual Ketujuh Perlembagaan Persekutuan? Bolehkah perkara ini dipertikaikan? Sekarang saya mempertikaikan kerana interpretasi.

Kalau kita baca setiap kali berlaku kekosongan, so *the* perkataan yang penting ialah berlaku kekosongan. Kekosongan tidak wujud sehingga 23, 1 minit lepas *midnight* pada 23.....

**Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman:** Saya masih lagi menyatakan bahawa kerana saya berlain pandangan dengan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Saya rasa Perlembagaan kita ini sudah cukup sebab ia tidak sebut tarikh berlaku kekosongan sebab itu dikatakan perkataan 'segera' di situ. Kalau dia letakkan berlaku tarikh kekosongan kita terpaksa mengadakan sidang untuk melantik Ahli Dewan Negara, jadi pada pandangan saya kenyataan dalam Perlembagaan sekarang ini lebih tepat daripada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, saya telah akui bahawa saya bukan peguam yang bertauliah, saya hanya *lawyer* buruk yang membaca perkataan-perkataan dan saya buat interpretasi. *[Ketawa]*

Sebenarnya dalam parti saya Pengerusi Perlembagaan Parti sungguhpun saya bukanlah tetapi ini mungkin satu takrifan bahawa saya ada kepakaran dalam perkara ini. Saya tanya tadi ada kekosongan dalam Mahkamah Persekutuan dengan harapan saya boleh ditimbang sebagai calon. *[Ketawa]* Ini kerana saya sudah melibatkan diri dalam banyak perkara perundangan dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh ada *gray area* atau perkara-perkara yang akan dikaitkan, itu mesti tidak ada dalam setiap dokumen yang sekali itu dan itulah peranan kita sebagai Ahli Dewan Negara untuk menanya. Nanti ada bil-bil lagi, rang undang-undang lagi di mana saya nampak ada kesilapan dan kalau kita luluskan itu, maka saya tidak mempertahankan Perlembagaan. Bagi saya amat sukar menyokong perkara-perkara yang ada kekeliruan.

Oleh kerana itu, saya telah menyebut ini sebagai satu contoh kerana interpretasi di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang berlainan daripada interpretasi di Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Terengganu. Di LA negeri Pulau Pinang kata, nasihatkan Ketua Menteri tidak boleh buat pelantikan sehingga ada kekosongan. Lepas kekosongan baru kita boleh timbangkan, tidak boleh bentangkan nama-nama untuk dipilih sebelum ada kekosongan, itu satu penipuan. Tetapi di Dewan Undangan Negeri lain, mereka buat pelantikan lain, dahulu pun saya mempertikaikan pelantikan semula Menteri Pendidikan kita iaitu Tan Sri Musa Mohamed, dahulu *boss* saya tetapi saya mempertikaikan pelantikan beliau. Ini kerana sebelum tempoh beliau tamat, tempoh yang pertama beliau dilantik dalam bulan Disember 1999, patut tamat bulan Disember 2002.

Tetapi beberapa hari sebelum tamatnya tempoh perkhidmatannya kerana beliau tidak ada di negara semasa tamat tempoh itu, maka beliau dilantik semula sebelum tamat tempoh dan angkat sumpah sebelum tamat tempoh. Untuk menyenangkan keadaan dan tidak mahu keadaan di mana tidak ada Menteri Pelajaran di Malaysia kerana lepas tempoh itu beliau tidak layak. Kalau tidak dilantik semula bukan MP lagi dan tidak boleh pegang jawatan Menteri Pelajaran, jadi dilantik semula angkat sumpah sebelum tamat tempoh itu. Jika itu sah dari segi undang-undang, patutkah dipertikaikan atau diam diri sahaja kalau kita tahu keadaan ini. Jadi itulah kekeliruan-kekeliruan yang

timbul akibat daripada perkataan-perkataan yang kurang sesuai atau kurang tepat dalam perlembagaan. Kalau kita bermaksud Seksyen 3(c) itu.....

**Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Chin. Secara khususnya berhubung dengan pengisian pelantikan senator di Terengganu.

Saya rasa Perlembagaan, apa yang dibaca oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tidak salah lagi dan cukup jelas. Yang menimbulkan masalah saya rasa ialah interpretasi. Bila tersalah interpretasi maka tersalahlah langkah-langkah yang diambil berikutan dengan itu. Jadi, masalah kekeliruan dalam Perlembagaan saya rasa tidak timbul lagi, walau bagaimanapun kita merasa bangga kerana Ahli Dewan Negara kita ini cukup bersedia untuk mempertahankan Perlembagaan. Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih di atas pujian itu, kita semua bersama mempertahankan kerana ini satu perkara serius. Semalam kita mempertikaikan apa yang berlaku di MAS, kerana kita melihat itu sebagai satu perkara yang paling serius dan kita tidak puas hati dengan jawapan yang diberi dalam Dewan yang mulia ini.

Yang menyatakan *painting* itu, lukisan itu diperlukan untuk meningkatkan, menjaga imej korporat MAS, itu sahaja jawapan. Kita tidak puas hati semalam kita tanya, jadi kita ambil serius tentang tugas kita sebagai Ahli Dewan Negara kerana kita telah angkat sumpah untuk mempertahankan Perlembagaan. Kita tidak boleh benarkan Perlembagaan itu diinterpretasikan mengikut kesesuaian, keadaan atau kehendak pihak-pihak tertentu, tidak boleh.

Kalau LA atau penasihat undang-undang itu membuat satu keputusan, maka itu mesti sama dalam tiap-tiap negeri, tidak boleh Sabah, Terengganu berlainan dengan Pulau Pinang, berlainan dengan Perak, tidak boleh. Pada takrifan saya kalau ini sudah jelas dan tidak payah pindaan maka pihak-pihak ini kena dinasihatkan supaya diberi nasihat yang betul.

Tetapi kalau didapati ini kurang jelas dan ada ruang untuk dipertikaikan, maka saya minta Perlembagaan ini dipinda, dihalusi supaya tidak ada ruang untuk pertikaian. Itu yang penting, itu maksud saya, Tuan Yang di-Pertua. Terpulanglah kepada kamar peguam negara untuk menasihatkan kerajaan, tetapi saya mahu melihat pegawai-pegawai kita semua serius dalam tugas, khasnya bila ia melibatkan Perlembagaan.

Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh ada interpretasi-interpretasi yang lain dalam negara kita.

Kalau saya diberitahu, oh, Sabah dan Sarawak mereka ada AG. AG itu ada pendapat lain. AG di Semenanjung pendapat lain, tetapi Perlembagaan sama. Kalau demikian, lebih baik rujuk perkara ini kepada Mahkamah Persekutuan dan minta *full bench* itu bersidang untuk membuat keputusan supaya kita rakyat Malaysia, kita jelas apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Kalau tidak kita pun keliru, macam kawan saya tanya, kata saya tidak setuju, saya setuju kerana ada kekeliruan. Kalau kita tidak setuju mesti ada kekeliruan, betul? Kalau tidak ada kekeliruan kita mesti setuju.

**Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman:** Boleh bagi jalan?

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Silakan.

**Dato' Haji Abdul Raman bin Suliman:** Bukan maksud saya, Tuan Yang di-Pertua, tidak setuju tetapi itu adalah pandangan masing-masing. Tetapi tadi, Yang Berhormat juga sebut bahawa jika ada apa-apa kesalahan, kita rujuk kepada Perlembagaan Persekutuan dan tidakkah Jadual Tujuh ini juga dikaitkan dengan Perkara 4 dalam Perlembagaan Persekutuan.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Perlembagaan, perkataan-perkataan yang diguna itu mesti tepat, kalau timbul kekeliruan, maka kes-kes kena dirujuklah kepada badan-badan tertentu untuk membuat interpretasi dan itulah kita kena elak.

Kalau tiap-tiap kali kena rujuk kerana interpretasi yang lain, maka ia boleh dicabar dan ini adalah tugas kita sebagai pihak yang menjaga undang-undang itu supaya ia jangan mengelirukan, jangan memberi ruang kepada peguam-peguam tertentu membuat pertanyaan dan sebagainya. Ini ialah satu kebijaksanaan kita dan kita harus menjaga ketulenan undang-undang ini supaya tidak wujud keadaan yang mana pertikaian itu. Itu ialah maksud saya.

Dari segi interpretasi, kita tidak boleh kata kita interpretasi ini *correct*, itu *correct*. Jadi saya bangkitkan perkara ini untuk dirujuk kepada Peguam Negara kerana beliau adalah arif dalam perkara ini dan kerana beliau ditugaskan untuk menasihati Kabinet, menasihatkan negara dan kalau ada apa-apa kesalahan yang dilakukan, apabila dibawa ke mahkamah, beliaulah yang membela pemimpin kita atau sesiapa yang terlibat dalam tindakan. Jadi, kalau demikian, maka kita mesti ada satu interpretasi yang seragam, a *uniform interpretation* bagi semua negeri yang menggunakan Perlembagaan yang salah.

Ini adalah penting demi keadilan perwakilan dalam Dewan ini dan juga demi kebaikan semua pihak. Kalau kita bermaksud Hakim Mahkamah Persekutuan itu bermakna satu kumpulan orang yang tertinggi sekali dalam hierarki kehakiman kita, maka itu maksudnya, tetapi kalau kita kata semua hakim yang ada, itu lagi satu maksud dari segi interpretasi kita mahu ia lebih jelas. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** *[Bangun]*

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** *[Bangun]*

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Saya ada menerima catatan daripada Datuk Yaakob bin Haji Mohammad ingin berucap juga selepas ini dan saya beri peluang dahulu kepada Tuan Hassan bin Haji Shukri dan selepas itu Datuk Yaakob bin Haji Mohammad dan selepas itu wakil daripada Dewan Undangan Negeri Sarawak sebab pindaan ini ada kaitan sedikit dengan Sarawak. Saya beri peluang.

**12.47 tgh.**

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mengizinkan saya untuk turut membahaskan suatu akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Saya hanya ingin membahaskan satu, dua perkara sahaja yang saya kira memang ianya yang menyebabkan Perlembagaan Persekutuan itu dipinda. Dalam Perlembagaan Persekutuan, bilangan kerusi Dewan Rakyat itu tertulis dengan jelas. Pada masa yang lalu ialah 119, oleh sebab Negeri Sarawak...

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** 219.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** 219. Oleh kerana persempadanan Parlimen di negeri Sarawak telah pun dibuat pindaannya oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya, pindaan itu telah pun selesai dan saya difahamkan bahawa Pilihan Raya Negeri Sarawak mungkin akan diadakan dalam waktu yang singkat ini. Kalau Pilihan Raya Negeri Sarawak diadakan dalam waktu yang singkat ini dan kerusi yang telah diperuntukkan dalam kajian semula persempadanan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya, Sarawak itu ditambah tiga kerusi. Katakanlah Sarawak mengadakan juga ataupun Suruhanjaya Pilihan Raya mengadakan juga pilihan raya tanpa pindaan Perlembagaan ini, maka tentulah pilihan raya di negeri Sarawak itu tidak sah.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Penjelasan sebelum itu, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pindaan ini adalah melibatkan tiga kerusi Parlimen. Sarawak akan

menempuh pilihan raya negeri, bukan Parlimen. Parlimen kita serentak dengan negeri-negeri yang lain dalam Malaysia. Jadi sedikit penjelasan mungkin Yang Berhormat ingin hendak ulaskan itu. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya hendak membahaskan tentang pindaan ini, bermakna pindaan yang dibuat ini menyebutkan angka, bahawa sesungguhnya perkataan '219' hendaklah dipinda kepada '222'. Itu sahaja pindaan yang dibuat, mengubah perkataan daripada '219' kepada '222' ialah untuk membolehkan pada pilihan raya Parlimen yang akan datang, Sarawak akan mendapat tambahan 3 kerusi, itu sahaja pindaan yang dikehendaki.

Oleh kerana pindaan ini adalah hasil daripada kajian Suruhanjaya Pilihan Raya ataupun persempadanan baru yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya dan ianya tidak boleh dilaksanakan, kalau Perlembagaan Malaysia ini tidak dibina. Maka saya dari sudut ini tentulah menyokong pindaan ini jika sekiranya kita hendak tambah bilangan kerusi Dewan Rakyat di Sarawak. Ada pun Dewan Undangan Negeri memang juga diperuntukkan tambahan-tambahan. Saya tidak hendak membahaskan soal tambahan Dewan Undangan Negeri itu.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan yang dibuat ini, saya hanya ingin juga mencadangkan tambahan ini sepatutnya tidaklah hanya diberikan walaupun tempohnya sudah setiap lapan tahun, sekurang-kurangnya lapan tahun barulah pindaan kepada kawasan-kawasan pilihan raya itu boleh dibuat oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya dan Suruhanjaya Pilihan Raya boleh mencadangkan tambahan kerusi lagi dan ini juga nanti akan memerlukan kepada suatu pindaan Perlembagaan itu jika sekiranya kerusi 222 ini hendak ditambah, katalah 10 lagi, hendak tambah negeri Kedah, hendak tambah negeri Kelantan, hendak tambah kawasan Parlimen di negeri Terengganu, ianya tidak boleh ditambah begitu sahaja selagi tidak dimaktubkan di dalam Perlembagaan tentang bilangan kawasan Parlimen di negara kita ini.

Jadi dalam sudut ini saya menyokong pindaan ini kerana pindaan ini sangat perlu bagi menambahkan kawasan Parlimen di negeri Sarawak. Kemudian selain daripada itu, saya juga menyokong pindaan ini tentang memberi kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, dari segi pindaannya sedikit sahaja, hendak meminda perkataan 'Kuala Lumpur' kepada 'mana-mana tempat yang dipersetujui oleh Yang di-Pertuan Agong', itulah pindaan dia. Saya menyokong ini kerana dalam pindaan yang baru ini, memberikan kemudahan kepada rakyat yang ingin

berurusan dengan pihak pendaftar mahkamah, sama ada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Tinggi kerana pada masa yang akan datang, pejabat pendaftaran mahkamah ini akan dibenarkan diadakan di negeri-negeri di seluruh Malaysia ini.

Ini saya kira memberikan kemudahan kepada rakyat untuk berurusan dengan pihak mahkamah kalau mereka hendak mendaftarkan kes-kes yang melibatkan Mahkamah Rayuan dan juga Mahkamah Tinggi. Saya menyokong pindaan ini semata-mata saya melihat bahawa ianya boleh memberikan kemudahan kepada rakyat untuk berurusan dengan mahkamah dan tentunya Yang di-Pertuan Agong akan memberikan kebenaran supaya penubuhan pejabat-pejabat pendaftaran mahkamah Persekutuan dan Mahkamah-Mahkamah Tinggi ini diadakan di negeri-negeri di seluruh negara kita ini.

Jadi dengan pindaan ini, saya mengharapkan supaya pejabat-pejabat pendaftaran bagi mahkamah-mahkamah yang diberikan kuasa kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, tentunya ini di bawah saranan ataupun di bawah syor-syor oleh pihak Jabatan Peguam Negara bahawa mahkamah-mahkamah ataupun pendaftaran mahkamah ini boleh ditubuhkan di negeri-negeri yang tertentu ataupun di seluruh negeri di Malaysia ini.

Yang ketiga yang saya ingin sentuh di sini ialah apa yang disentuh oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng mengenai keahlian Ahli-ahli Dewan Negara yang dipilih ataupun yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri. Untuk berlaku adil, saya tidak hendak pertahankan, untuk berlaku adil kepada Dewan ini, saya rasa saya ingin menjelaskan bagaimana prosedur yang telah dibuat oleh Dewan Negara. Setiausaha Dewan Negara telah menghantar surat kepada saya dan demikian juga kepada pejabat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyatakan tempoh kekosongan bagi Ahli-ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri ialah pada 22 hari bulan.

Tentunya Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Terengganu telah dimaklumkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa kekosongan dua Ahli Dewan Negara, kebetulan saya dahulu dilantik oleh Kerajaan PAS, saya juga berterima kasih kepada Kerajaan PAS kerana melantik saya dan seorang sahabat saya lagi. Kekosongan itu disebutkan pada 22 hari bulan, yang disebut oleh Dato' Dr. Chin Fook Weng pada tengah malam 22 hari bulan barulah kosong. Jadi persoalan yang ditimbulkan ialah persoalan kekosongan.

Saya berpendapat mungkin saya berbeza sedikit dengan Dato' Dr. Chin Fook Weng. Sebenarnya saya difahamkan bahawa pengisiannya itu hanya diiktiraf apabila Ahli Dewan yang baru dipilih oleh Dewan Undangan Negeri itu mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertua Dewan Negara pada hari dia angkat sumpah itulah, barulah keahliannya diiktiraf sebagai Ahli Dewan Negara. Walaupun, pemilihan oleh Dewan Undangan Negeri itu terdahulu sedikit daripada kekosongan yang berlaku ke atas diri sayalah, sebab nama saya disebut tadi, terima kasih.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman kawan baik saya dan juga Dewan yang mulia ini, sebenarnya tempoh perkhidmatan seorang Ahli Dewan Negara yang dipilih itu mula dari tarikh ia dipilih oleh Dewan Undangan Negeri, bukan hari beliau angkat sumpah. Jadi kalau orang, saya tidak tahu, bila sidang Dewan Undangan Terengganu, tetapi saya tahu sebelum 22 Disember. Katakan 10 Disember sudah bersidang, 10 Disember sudah pilih orang baru dan orang baru itu berfungsi sebaik sahaja dia angkat sumpah. Tetapi pelantikan, pemilihan itu berkuat kuasa pada 10 hari bulan, bukan pada tarikh yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Hassan ini. Jadi itulah sudah ada masalah kerana tidak ada kekosongan pengisian sudah berlaku. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Itulah interpretasi yang telah dibuat oleh Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, saya rasa saya boleh bersetuju dengan pandangan beliau itu bahawa sesungguhnya Ahli-ahli Dewan Negara yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri itu berkuat kuasa daripada tarikh pelantikannya itu. Cuma inilah, saya pun dari satu segi mungkin juga perkataan setiap ada kekosongan itu perlu dipinda sedikit, diperkukuhkan. Kalau boleh macam cadangan Yang Berhormat tadi, ditentukan pada tarikh kekosongan itu, pelantikan atau pemilihan hendaklah dibuat setelah tarikh kekosongan itu ditentukan.

Jadi ini mungkin tidak akan menimbulkan kekeliruan dari segi tafsiran kepada Perlembagaan Malaysia itu sendiri kerana bagi kita Perlembagaan Malaysia itu adalah undang-undang yang tertinggi sekali di Malaysia. Saya bersetuju maknanya sebarang apa jua perkataan yang hendak digunakan dalam Perlembagaan itu hendaklah tidak menimbulkan sebarang kesamaran yang boleh menyebabkan tafsiran-tafsiran yang pelbagai.

Pada hari ini Dewan telah menyaksikan bagaimana dua tafsiran, maknanya masuk tafsiran saya jadi tigalah. Saya menganggap bahawa tugas, pelantikan dia itu sah, tetapi tugasnya sebagai Ahli Dewan Negara ialah pada tarikh dia mengangkat

sumpah di Dewan ini. Tetapi pemilihannya itu dilakukan oleh Dewan Undangan Negeri setelah dimaklumkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kepada sultan dan sultan memerintahkan kepada Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri supaya memilih Ahli Dewan Negeranya yang akan kosong pada tarikh-tarikh sekian. Macam saya pada 22 hari bulan, maka Dewan Undangan Negeri untuk tidak melengah-lengahkan supaya ada kekosongan. Macam Pulau Pinang, enam bulan kosong.

Yang Berhormat ini dia enam bulan kosong, baru ada sidang Dewan Undangan Negeri, maka Ahli Dewan Negara bagi negeri Pulau Pinang itu kosong enam bulan. Ini barangkali dengan berapa segera, pengertian dengan berapa segera itu diterima pakai oleh penasihat undang-undang negeri Terengganu, boleh kita pilih sebelum kosong, sebelum habis tempoh, maka mereka pilih. Jadi apabila kami habis 22 hari bulan sahaja, maka bererti Ahli Dewan Negara daripada negeri Terengganu atau yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Terengganu itu dengan sendirinya sah untuk menjadi Ahli Dewan Negara mewakili Dewan Undangan Negeri Terengganu. Itu fahaman sayalah.

Tetapi walau bagaimanapun, saya boleh bersetuju supaya sebarang apa jua perkataan yang boleh ditafsirkan dengan pelbagai tafsiran di dalam Perlembagaan atau dalam mana-mana juga undang-undang hendaklah diperbaiki supaya ianya lebih kemas. Kalau kita meletakkan ia tetap begitu, ada salah juga, tidak menjadi kesalahan apa-apa bahawa maknanya hendaklah mana-mana Dewan Undangan Negeri itu memilih sebelum ataupun selepas kekosongan. Maka dengan sebab itulah saya tadi menimbulkan apakah tidak boleh Dewan Undangan Negeri itu memanggil mesyuarat khas bagi memilih Ahli Dewan Negara yang kosong di negeri masing-masing. Kalau ini boleh.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ingat saya beri terlampau banyak masa untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan Ahli Dewan Negara ini, sedangkan tumpuan kita ataupun perkara pokok yang perlu kita bincang dan sentuh ataupun bahas ialah empat pindaan ke atas Perlembagaan tadi yang meliputi termasuk yang terakhir Yang Berhormat katakan tadi berkenaan dengan Fasal 1 (B) dan 2, Perkara 121 yang melibatkan menggantikan perkataan "uala Lumpur". Jadi apa yang saya .biarkan tadi, saya kira sudah cukup. Berkenaan dengan Ahli Dewan Negara sudah cukup. Kita tumpu kepada perkara pokok yang lain.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya hendak tutup, Tuan Yang di-Pertua. Jam pun sudah pukul satu. Saya tidak hendak sambung pada petang ini. Jadi, saya

menyokong kepada beberapa pindaan, terutama sekali tentang menambah kerusi Dewan Negara kerana ini memerlukan pindaan. Kalau tidak dibuat pindaan, kerusi itu tidak akan boleh ditambah di negeri Sarawak. Yang keduanya, pindaan juga dibuat tentang perkataan 'Kuala Lumpur' kepada 'tempat-tempat yang lain'.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang itu Yang Berhormat sudah beritahu tadi, sudah jelas.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Saya hendak sebut satu sahaja lagi kerana sekarang ini mahkamah itu sudah pindah ke Putrajaya. Sepatutnya kalau dahulu perkataan Kuala Lumpur....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini masa sudah cukup Yang Berhormat.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** ....Wilayah Persekutuan tidak apa. Itu pun maknanya saya tidak tahu adakah ini suatu pelanggaran terhadap Perlembagaan. Bermakna pindah dahulu sebelum diluluskan Perlembagaan. Jadi saya minta perhatian juga dalam perkara ini. Maka dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa telah pun cukup, saya tangguhkan Dewan ke jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.03 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Tuan Yang di-Pertua:** Tuan Hassan bin Haji Shukri sudah habis perbincangan?

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** *[Menganggukkan kepala]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Datuk Yaakob bin Haji Mohammad.

**2.32 ptg.**

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana diberi peluang untuk turut membahaskan satu Rang Undang-undang suatu akta untuk meminda Perlembagaan.

Di sini Tuan Yang di-Pertua saya ingin menyentuh tentang perkara pindaan di bawah 46 berkaitan dengan pertambahan kawasan pilihan raya di Sarawak daripada 219 kepada 222. Di sini saya suka mendapat pandangan daripada kerajaan iaitu berkaitan dengan ketetapan di dalam Perlembagaan yang membolehkan penyemakan ataupun penyusunan semula sempadan pilihan raya yang dibuat antara lapan hingga

sepuluh tahun sekali itu memegang kepada prinsip-prinsip ketetapan yang telah pun dibuat di dalam Perlembagaan. Antara lainnya berdasarkan kepada jumlah pengundi di satu-satu kawasan, berdasarkan kedudukan geografinya, mungkin menjadikan kawasan luar bandar dan bandar sebagai asas juga dan lain-lain asas kemudahan bagi menentukan persempadanan semula dibuat.

Di sini Tuan Yang di-Pertua, saya lihat terbentuknya Kerajaan Barisan Nasional selama 48 tahun telah pun menunjukkan satu kestabilan politik yang mengharumkan dan dapat mewujudkan satu masyarakat yang aman bahagia. Lantaran itu, suka saya mendapat pandangan daripada pihak kerajaan ataupun Suruhanjaya Pilihan Raya menyentuh berkaitan kriteria ataupun ciri-ciri untuk diwujudkan kawasan ataupun bahagian pilihan raya. Kalau dilihat rata-rata pada hari ini jumlah pengundi bagi setiap kawasan pilihan raya atau bahagian Parlimen antara 20,000 pengundi sehingga mungkin 100,000 pengundi di dalam bandar.

Namun kita lihat bagi negeri-negeri ataupun bahagian-bahagian pilihan raya di luar bandar terutamanya dari Sabah, satu bahagian pilihan raya umpamanya Kinabatangan mungkin sama luas dengan sebuah negeri di negeri Pahang. Untuk itu tanggungjawab Yang Berhormat wakil-wakil rakyat andai kata yang dipilih ataupun yang dipertanggungjawabkan sebagai wakil rakyat. Bagi wakil rakyat di bandar masalah yang dihadapi untuk melawat kawasan mungkin sekitar satu hari atau dua hari dengan kemudahan-kemudahan asas prasarana yang baik dan memudahkan wakil rakyat untuk melaksanakan tanggungjawab yang dipertanggungjawabkan kepada wakil rakyat.

Manakala wakil rakyat yang terpaksa bertanggungjawab di kawasan luar bandar dengan kesukaran ataupun halangan-halangan yang terpaksa mereka hadapi untuk menemui pengundi-pengundi amatlah perlu diberi perhatian. Umpamanya, kalau di luar bandar apalagi di Sarawak, untuk sampai ke kawasan pengundi-pengundi yang mana yang telah pun memberi mandat kepada wakil rakyat dan kepada kerajaan terpaksa melalui rintangan-rintangan sungai, bukit, lurah dan naik perahu, naik rakit dan untuk wakil rakyat tersebut melawati dan menjaga masalah-masalah kebajikan pengundi yang telah pun memberi mandat amat sukar sekali. Kadang-kadang sampai lima tahun wakil rakyat tersebut tidak ada masa, tidak berkemampuan untuk sampai kerana masalah, rintangan dan kesukaran prasarana di kawasan luar bandar.

Untuk itu saya suka menyarankan kepada pihak kerajaan bagi menentukan antara lain ciri-ciri kriteria di dalam menentukan sempadan pilihan raya yang baru, kalau boleh di luar bandar yang sebagaimana yang telah saya nyatakan tadi, jumlah pemilih

atau pengundinya biarlah kurang. Janganlah didikan asas kerana jumlah pengundi, kalau sekitar 25,000 untuk yang akan datang mungkin satu Parlimen dijadikan sebagai 15,000 - satu bahagian Parlimen untuk memudahkan keberkesanan wakil-wakil rakyat meninjau kawasan-kawasan di luar bandar. Di dalam bandar saya kira masalah pembangunan tidak begitu ketara dan wakil-wakil rakyat di kawasan bandar tidak banyak yang perlu menghampiri kebajikan masalah pengundi-pengundi dalam bandar kerana kemudahan-kemudahan telah pun disediakan. Kadang-kadang tidak diperlukan apa-apa kemudahan daripada kerajaan yang membuatkan pihak dalam bandar mencari isu-isu dan menonjolkan isu-isu yang tidak sepatutnya dibangkitkan. Jadi sebagai rasa terima kasih.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, elok juga Yang Berhormat sentuh perkara ini kerana soal Yang Berhormat bangkitkan itu berkaitan dengan legitimasi khusus dalam *electoral process* dan mempunyai dua unsur utama iaitu soal perkhidmatan yang Yang Berhormat kupaskan tadi dan soal perwakilan (*representation*) dan dalam soal *representation* ini konsep *weightage* yang mana berbeza-beza jumlah pengundi adalah diterima sebagai *legitimate*. Bagaimana Yang Berhormat hendak *reconcile* atas selaraskan di antara tuntutan perkhidmatan dengan tuntutan perwakilan atau *representation* dengan mengambil kira *weightage* tersebut.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan pokok *weightage* yang telah dibangkitkan oleh Tuan Yang di-Pertua memang satu perkara asas yang telah pun dijadikan kriteria dalam penentuan antara perkhidmatan dan perwakilan. Jadi bahawa dilihat asas tersebut saya kira lebih adil supaya di luar bandar *weightage* yang harus diberi dilonggarkan jumlah pengundi berdasarkan pengundi bandar dengan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya pengundi-pengundi di luar bandar yang telah memberi mandat kekuatan kepada kerajaan hari ini harus sememangnya kerajaan mengambil berat tentang mereka. Namun masih ada ruang-ruang andai kata jumlah pengundi di kawasan luar bandar dikurangkan jumlahnya sebagai asas bagi menentukan keluasan sesuatu kawasan dan kehadiran ataupun jumlah perwakilan yang akan menduduki di Dewan-Dewan negeri ataupun di Dewan-Dewan Parlimen saya kira ianya akan menunjukkan satu keadilan kepada pengundi luar bandar dan pengundi dalam bandar. Apatah lagi majoriti pengundi-pengundi luar bandar yang boleh dikatakan 80% daripada analisis yang begitu setia dan begitu yakin di bawah kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jadi Yang Berhormat maksudkan kalau tambah *weightage* itu sekalipun tidak timbul persoalan terhadap kesaksamaan dalam prinsip perwakilan atau *representation*.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Ya Yang Berhormat, tepat sekali Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita lihat memang desakan daripada dalam bandar yang mempersoalkan jumlah pengundi yang begitu ramai, kenapa perwakilannya terhad. Jadi itu sebagai keseimbangan jawapan saya supaya di luar bandar harus juga diberi keutamaan kerana tanggungjawab wakil rakyat dan juga harapan pengundi yang begitu setia harus kita utamakan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan sekali lagi, saya ingin menyentuh Suruhanjaya Pilihan Raya. Sehingga kini memang peranan Suruhanjaya Pilihan Raya kita terkenal di dunia. Malah menjadi contoh kepada suruhanjaya-suruhanjaya yang lain, yang datang untuk mempelajari, mengkaji atas sistem perjalanan pilihan raya termasuk penentuan sempadan pilihan raya. Pada mereka, Malaysia merupakan negara contoh termasuk kita menyelenggarakan perjalanan pilihan raya yang begitu telus, yang begitu adil, yang begitu *transparent*, tidak mengira bulu ataupun tidak mengira warna. Ini terbukti keputusan-keputusan pilihan raya yang mana pihak pembangkang juga memperolehi peluang untuk memerintah ataupun mendapat tempat di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal tambah bahagian pilihan raya di Sarawak, suka saya ingin mendapat pandangan daripada pihak kerajaan ataupun SPR, tentang perjalanan ataupun tentang pilihan raya umum, sama ada Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri yang dijangka akan diadakan tidak berapa lama lagi, tentang persiapan, berapakah jumlah anggaran yang akan terlibat bagi menyelenggarakan perjalanan Pilihan Raya Dewan Undangan Negeri Sarawak yang akan datang. Dan memastikan untuk keselamatan jentera pilihan raya hendaklah diambil kira kerana cuaca daripada beberapa rekod kemalangan helikopter telah pun berlaku dan ambillah kira fakta-fakta tersebut agar kemalangan seperti ini tidak berulang.

Saya agak kagum Tuan Yang di-Pertua tentang sistem pilihan raya di negara kita khususnya SPR pernah suatu ketika dahulu terpaksa menyewa sebuah helikopter semata-mata untuk memberi hak mengundi kepada seorang pengundi di pedalaman dan inilah di antara contoh-contoh baik yang menyebabkan kita tidak mengambil kira soal kos tetapi soal keadilan, soal hak pengundi kita sentiasa memberi keadilan kepada mereka.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Perkara 125, saya minta maaf Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, bukannya dalam bidang saya tetapi saya cuba untuk turut serta perbahasan di bawah Perkara 125 di mana negara kita hari ini mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dan Raja Perlembagaan. Sistem pentadbiran kita, *separation of power* menyentuh soal perundangan, tentang kehakiman dan bidang eksekutif. Di sini, Perkara 125 menyentuh soal kehakiman yang mana soal interpretasi yang sedang dibahaskan telah diambil perhatian oleh banyak Yang Berhormat Senator pagi tadi dan saya kira, saya hanya ingin menyentuh berkaitan dengan sistem kehakiman negara kita yang mana sehingga hari ini, sistem kehakiman negara kita belum lagi tercemar oleh tuduhan-tuduhan yang mengatakan sistem kehakiman kita wujud ketidakadilan.

Di sini, saya suka *quotekan* dengan izin Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, beberapa insiden di mana hakim ataupun mahkamah telah membuat keputusan yang kadang-kadang di luar pemikiran kita. Umpamanya tahun 1988. Parti pemerintah sendiri telah pun *direregister* ataupun diharamkan oleh mahkamah. Namun sistem kehakiman kita masih diterima, walaupun parti kerajaan sendiri telah pun dijatuhkan hukuman yang agak sungguh mengejutkan. Begitu juga dengan pemimpin-pemimpin tertinggi dalam negara yang mana terlibat dengan beberapa kes. Namun, hukuman-hukuman daripada hakim-hakim tidak pernah dicampur tangan oleh pihak eksekutif. Inilah lambang keadilan sistem kehakiman negara kita.

Namun begitu Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kita pernah mendengar di luar negara sistem kehakimannya tercemar kerana hakim-hakimnya juga sebagai manusia biasa, bukannya Malaikat, tidak dapat lari daripada kelemahan, tidak dapat lari daripada perasaan sama ada keputusan mereka buat itu adalah keputusan yang terbaik ataupun di sebaliknya. Kita pun tahu tidak ada dua hakim ataupun tiga hakim yang mempunyai satu pendapat di dalam membuat sesuatu keputusan.

Namun begitu, di sini saya sekadar ingin mendapat maklumat sama ada sistem kehakiman kita ataupun hakim-hakim kita pernah atau tidak disabitkan ataupun terlibat dengan semakan pihak BPR, sekadar makluman Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Di sini juga Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh berkaitan dengan maklumat yang saya ada, iaitu berkaitan dengan jumlah apabila hakim di Mahkamah Tinggi membuat keputusan.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Pada Yang Berhormat, sebagai sumbangan saya bagi menyumbang ke arah perbahasan, saya suka mengingatkan Dewan yang mulia ini,

Peraturan Mesyuarat 35, ada pihak yang membangkitkan isu, ada pihak yang menjawabnya dan saya baca:

*“35(7) Kelakuan atau sifat Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau siapa-siapa jua Raja atau Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri atau hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau Ahli-ahli Majlis Pasukan Bersenjata atau mana-mana suruhanjaya jawatan kerajaan yang ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan atau Ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya atau siapa-siapa jua Ketua Negara, negeri-negeri yang bersahabat dengan Malaysia, tidak boleh disebutkan kecuali dengan dikeluarkan usul tersendiri bagi maksud-maksud itu”.*

Saya harap Yang Berhormat faham. Ini bukan satu larangan sebut langsung tetapi menggariskan sempadan-sempadan boleh, tidak boleh. Jadi asalkan dalam lingkungan yang boleh, silalah bahas sebebaskan mungkin. Jangan melampaui batas, katakan tidak boleh di bawah Peraturan Mesyuarat. Yang tidak boleh itu kelakuan atau sifat dalam menjalankan kerja. Itu yang khusus, yang spesifik kena keluarkan usul. Kalau sebutkan mengenai institusi secara am ataupun hendak menjawab mengenai institusi secara am, itu dibolehkan. Sebagai contoh, apa yang disebutkan setakat ini tidak langsung melanggar Peraturan Mesyuarat tersebut. Itu saya sumbangkan sebagai panduan saya. Sila teruskan Yang Berhormat.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua di atas panduan yang begitu berguna di dalam Dewan yang mulia ini. Namun begitu, saya sebagaimana *indication*, dengan izin, yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, masih belum lagi terbabas daripada Peraturan Mesyuarat. Namun, saya amat hargai di atas panduan dan nasihat, tunjuk ajar Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Secara perbandingan Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itulah yang saya jaga supaya jangan perbahasan menjurus kepada pertengkaran. Dia akan terkeluar daripada batasan-batasan tanpa disedari oleh kita.

**Datuk Yaakob bin Haji Mohammad:** Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua. Secara perbandingan, maklumat yang ada pada saya, dari tahun 1999 sehingga Jun 2005, ini berkaitan dengan saya sentuh tadi, dua hakim tidak semestinya

mempunyai pendapat yang sama iaitu keputusan-keputusan yang dibuat di dalam Mahkamah Majistret dan Seksyen tetapi apabila dirayu di Mahkamah Tinggi, berubah keputusannya iaitu berjumlah 845 kes. Ini membuktikan memang tidak ada hakim yang mempunyai pandangan yang sama. Begitu juga dengan di peringkat Mahkamah Tinggi, bila hakim-hakim membuat keputusan dan ada rayuan-rayuan dibawa ke Mahkamah Rayuan, dalam tempoh yang saya sebutkan tadi itu terdapat 241 kes yang berubah keputusan daripada Mahkamah Tinggi.

Di sini Tuan Yang di-Pertua pegangan kepada prinsip tidak ada dua hakim yang mempunyai pendapat yang sama. Apakah mungkin fakta-fakta seolah-olah keputusan mahkamah yang dihakimi oleh hakim-hakim tertentu tidak membuat keputusan yang baik ataupun kerana kekurangan fakta, apabila dibuat rayuan fakta baru timbul yang menyebabkan kadang-kadang yang salah menjadi tidak salah, kadang-kadang yang kena hukuman tinggi dijatuhkan hukuman rendah. Persoalan-persoalan yang saya bangkitkan tadi itu saya ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat Menteri apakah ciri-ciri yang membolehkan perubahan-perubahan keputusan di dalam sistem kehakiman di negara kita untuk dijadikan panduan kepada rakyat.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh saranan kerajaan yang dilaung-laungkan, diulang-ulangkan berkali-kali oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Ketua Eksekutif dan begitu juga Yang Berbahagian Tan Sri Ketua Setiausaha Negara tentang keberkesanan dari segi sistem penyampaian dan saya yakin pihak kehakiman juga tidak dapat lari daripada terlibat dengan sistem *delivery*. Di sini, saya ingin mendapat pandangan ataupun jawapan daripada Yang Berhormat Menteri di mana kes-kes yang tertangguh yang menyebabkan sama ada yang dituduh, sama ada yang terpaksa menunggu ataupun melibatkan saksi menunggu-nunggu bila akan selesai kes tersebut.

Di sini juga melibatkan sistem penyampaian di mana kelemahannya harus dilihat. Persoalan saya kadang-kadang kira lihat, kita hendak tahu jugalah jumlah kes yang tertunggak sehingga hari ini tak usah lama mungkin daripada 2000 sehingga 2005 yang melibatkan semua peringkat mahkamah kes-kes yang tertunggak kerana ini boleh menjustifikasikan sama ada *back log* ataupun beban tugas kes-kes yang terpaksa dibawa ke mahkamah memerlukan penambahan hakim-hakim ataupun hakim-hakim yang sedia ada sudah pun cukup tetapi proses kehakiman, perbicaraan memakan masa. Saya lihat di antara punca-punca yang terpaksa kes di tangguh termasuklah urusan kesihatan, urusan sakit.

Kadang-kadang yang dituduh ataupun saksi ataupun yang terlibat dalam kes perbicaraan tidak dapat hadir kerana sakit dan mudah mengeluarkan sijil sakit dan ada juga kes-kes yang melibatkan peguam-peguam. Peguam yang tidak dapat hadir kerana sakit. Alasan-alasan ini memang agak susah untuk kita mencari satu kebenaran kerana sijil sakit susah nak dipertikaikan tetapi lumrahnya kalau terlalu banyak kes-kes yang ditunda apabila datang ke mahkamah saksinya, *lawyer*nya dan hakim pun datang maka terpaksa menunda kes tersebut ke satu masa yang lain yang agak lama. Di situ impaknya melibatkan kos dan daripada senario tersebut terbukti juga yang mana peguam-peguam yang terlibat terpaksa berhadapan dengan banyak kes yang terpaksa pergi ke Penang, terpaksa pergi ke banyak tempat kerana peguam tersebut mungkin *famous* atau terkenal menyebabkan kes tersebut ditunda kerana kes-kes itu diberi alasan kes sakit.

Saya nak minta jugalah kepada pihak kerajaan kalau boleh saya nak tahu kes-kes yang ditunda kerana alasan ada MC kerana sakit. Akhir sekali, saya hendak sentuh jumlah yang sebaik-baiknya dari segi nisbah seseorang hakim kita wujudkan nisbah jumlah rakyat yang seimbang berapa jumlah rakyat berapa hakim yang dipatuhi dari segi piawaian peringkat antarabangsa dan adakah nisbah hakim yang ada pada hari ini cukup dengan jumlah kes yang kita hadapi dan jumlah rakyat yang ada pada hari ini.

Dengan kata-kata itu saya turut untuk menyokong pindaan perlembagaan dan saya kagum dan saya bukan hendak angkat tetapi inilah satu keistimewaan di dalam Dewan yang mulia ini saya dapat lihat dan pujian dapat diberi kepada Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua. Saya tidak minta tambahan masa, yang baik, yang benar, yang ikhlas, peranan Tuan Yang di-Pertua harus diberi pujian. Untuk itu saya sokong. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua :** *Air-cond* agak sejuk. Dato' Haji Idris bin Haji Buang.

**2.57 ptg.**

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua :** Saya seloroh sahaja Yang Berhormat saya menghargai penghargaan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang.** Saya pun menyokong kata Yang Berhormat Datuk Yaakob, yang bagus yang indah patut dipuji. Allah suka yang indah sebab Allah itu indah jadi dia suka yang indah-indah belaka. Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-

Undang Pindaan Perlembagaan yang telah dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini. Pindaan yang pertama menyentuh penambahan kerusi di Dewan Rakyat negeri Sarawak daripada 28 kerusi kepada 31 kerusi seterusnya menambah kerusi-kerusi di Dewan Rakyat seluruh Malaysia daripada 219 kepada 222.

Pindaan ini telah dibuat kerana pihak Suruhanjaya Pilihan Raya telah membuat semakan yang holistik, yang menyeluruh mengenai keperluan negeri Sarawak seperti mana yang saya telah katakan sebelum ini, masa saya berucap dengan izin *in my maiden speech* Sarawak begitu luas mempunyai 124,000 kilometer persegi mempunyai penduduk 22.2 juta orang, kaum etnik yang tidak kurang daripada 25, mempunyai topografikal yang begitu mencabar, demografikal dengan izin yang juga mencabar, geografikal yang begitu mencabar dan semua ini telah diambil kira oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya dan demi kepentingan rakyat yang berkenaan maka perlulah penambahan kerusi-kerusi ini dibuat mengikut undang-undang kita.

Dengan adanya penambahan kerusi-kerusi berkenaan, maka perwakilan ke Dewan Rakyat seperti mana juga perwakilan di Dewan Undangan Negeri Sarawak telah pun bertambah mengikut pindaan kepada Perlembagaan negeri Sarawak yang juga menambah daripada 62 kerusi DUN kepada 71 kerusi DUN, maka penambahan kerusi-kerusi ini akan memberi rakyat lebih peluang dan lebih ruang untuk dibela. Rakyat Sarawak seperti mana negeri-negeri lain juga sebab ini melibatkan Sarawak, jadi saya sebut pasal Sarawak, sebab saya pun wakil dari negeri Sarawak. Perlu penambahan ini kerana kalau seorang Ahli Dewan Rakyat itu hendak bergerak dari satu tempat ke satu tempat dalam kawasanya, kalau pada sekarang ini amat sukar ada tempat yang tidak dapat didatangi melainkan dengan bot ataupun jalan-jalan yang susah, tidak bertar dan sebagainya. Jadi oleh sebab itu, rumusan yang dibuat oleh Suruhanjaya Pilihan Raya mereka boleh mengambil kira semuanya, maka ringanlah sedikit beban Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sarawak. Terbahagi beban itu kepada yang jadi wakil-wakil nanti, yang menduduki kerusi-kerusi yang baru nanti. Jadi saya rasa dengan adanya cabaran....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kesan, kesan daripada rang undang-undang ini bila untuk menambahkan perwakilan negeri Sarawak?

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Kesannya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Kesannya akan menambahkan perwakilan negeri Sarawak dalam negara yang bersekutu ini.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidakkah ianya, satu menegakkan keadilan dan kesaksamaan dan, dua *interest of federalism*. Silakan, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Maaf, maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya belum biasa hendak duduk. Maaf, kesannya adalah untuk menjurus kepada lebih *social justicenya* dengan izin, lebih daripada *political benefit* untuk rakyat Sarawak. Lebih-lebih lagi pada penduduk-penduduk dan pengundi-pengundi rakyat di luar bandar. Sarawak seperti yang kita tahu, Barisan Nasional yang memerintah di sana lebih 61 kerusi daripada 62, di dalam Dewan Rakyat pula kerusinya 28 dan Barisan Nasional menduduki kesemua 28 kerusi itu, tetapi daripada semua kerusi ini boleh dikatakan rata-rata majoritinya daripada luar bandar *to support* atau sokongan rakyat di negeri Sarawak adalah *rural-based*, dengan izin. Jadi pembangunannya pun adalah berunsur *rural-based*, dengan izin. Jadi dengan adanya penambahan ini maka dapatlah rakyat jelata di Sarawak ini, kebaikan daripada kerajaan, daripada agensi-agensi kerajaan yang membawa pembangunan kepada mereka.

Seperti mana yang kita tahu, kita perlu lebih banyak jalan di luar bandar, perlu banyak sekolah lagi, banyak klinik dan jurang ITnya pun hendaklah dikurangi, banyak lagi *rural, water, electricity supply* dengan izin. Jadi semua inilah akan diatasi dengan baik walaupun saya rasa, mungkin ada yang di kalangan Yang Berhormat DUN di Sarawak ada rasa tidak puas hati sedikit kerana patut ada lebih kerusi daripada hanya yang dibentangkan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya, walau bagaimanapun kita berterima kasih kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya kerana telah membuat pertimbangan yang wajar dengan mengambil kira semua fakta yang telah dibawa kepada mereka. Saya menyokong penuh Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No.2) 2005.

Lagi satu Tuan Yang di-Pertua ingin saya sentuh tentang pindaan kepada Perlembagaan Perkara 121, di mana telah dicadangkan dan "Kuala Lumpur" diganti dengan perkataan "mana-mana tempat di Negeri-negeri Tanah Melayu". Ini merujuk kepada perkara mengenai penubuhan pejabat pendaftaran bagi Mahkamah Rayuan dan pejabat pendaftaran yang utama bagi Mahkamah Persekutuan.

Saya tidak lihat keadaan Sarawak dan Sabah di sana, jadi saya rasa mungkin itu satu perkara yang disengajakan ataupun tidak disengajakan saya pun tidak tahu, tetapi saya ingin hendak bentangkan di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, masalahnya bila sesuatu kes hendak difailkan pada Mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Persekutuan tidak ada pejabat pendaftaran mahkamah-mahkamah tersebut

di Kuching ataupun saya rasa rakan saya Yang Berhormat Dato' Kalakau memberitahu saya di Kota Kinabalu pun tidak ada. Jadi apa yang telah dibuat adalah *administrative arrangement* dengan izin, di mana peguam-peguam di sana apabila memfailkan sesuatu kes, mereka terpaksa memfailkannya di Kuala Lumpur. Tetapi dengan adanya *administrative arrangement* Yang Berhormat boleh mereka memfailkan terlebih awal di Mahkamah Tinggi di Kuching, ini hanya *administrative arrangement* dan bukannya *by the law, not by statute* dengan izin. Jadi mungkin ada masalah-masalah teknikal di situ kerana ada istilah, undang-undang yang memerlukan penghuraian yang memerlukan atau takrifan di mana masa memfailkan itu hendaklah diiktirafkan apabila, masa memfailkan di Mahkamah Tinggi Kuching itu untuk Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan secara *administrative arrangement* ataupun hendaklah difailkan di pejabat pendaftaran Mahkamah Rayuan ataupun Mahkamah Persekutuan di Kuala Lumpur.

Jadi masalah yang ditempohi oleh para peguam di Sarawak ialah apabila mereka memfailkan sesuatu kes untuk Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan di Kuching, mereka terpaksa membawa sekurang-kurangnya tujuh set dokumen. Kadang-kadang tujuh set dokumen itu boleh menjangkau sehingga setengah lori, jadi sama ada kita membawa *problem* kepada hakim ataupun hakim datang ke arah *problem* kita, jadi satu masalah juga.

Jadi pokoknya saya ingin membentangkan masalah ini supaya dapatlah pihak berwajib memikirkan sama ada perkataan "Sarawak dan Sabah" ditambah kepada perkataan-perkataan dan "Negeri-negeri Tanah Melayu" supaya dapatlah dengan *by law*, dengan undang-undang dengan izinkan diwujudkan pejabat-pejabat pendaftaran bagi mahkamah-mahkamah yang berkenaan. Ini boleh menjimatkan kos, menjimatkan masa, demi keadilan untuk semua adalah lebih baik. Kadang-kadang itu yang perlukan keadilan di Sarawak itu bukan orang Sarawak sahaja, mereka adalah orang Malaysia semuanya rata-rata. Jadi, kita di bawah satu undang-undang pada undang-undang yang lainnya, satu sahaja Mahkamah Rayuan dan satu sahaja Mahkamah Persekutuan. Jadi kalau dapatlah dirumuskan oleh pihak yang berwajib, lain kali mungkin ada pindaan menjurus ke arah ini. Saya mempunyai penuh keyakinan bahawa perkara positif akan datang ke arah ini dan saya menyokong pindaan ini tidak ada ragu-ragu.

Perkara seterusnya ialah mengenai Pindaan Perkara 125. Saya tak menyentuh 124, kerana itu dengan izin, *straight forward, straight forward*. 125, saya menyokong

Pindaan ini kerana ianya menjurus kepada asas Perlembagaan kita itu sendiri. Iaitu asas *the rules of law*, dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bagaimana kita nak terjemahkan *straight forward* ke dalam istilah bahasa?

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** *Straight forward..*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ketara dengan sendirinya.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Dengan sendirinya boleh memberi penerangan yang cukup jelas. Cukup jelas. Sebab dia terlalu panjang, *straight forward* tu terlalu pendek, jadi senang saya nak mengungkapkan supaya menjadi dia jimatkan masa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kena minta izin dengan Tuan Yang di-Pertua tu. Nak guna perkataan bahasa.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Minta izin, memang minta izin Tuan Yang di-Pertua. Orang baru ni, Tuan Yang di-Pertua, memang ada takut sikitlah cakap. Jadi, walau bagaimanapun, Pindaan kepada Perkara 125. Seperti mana saya katakan tadi, *the rules of law*, dengan izin, yang saya tahu ada dua perkaranya. Dalam bahasa latinnya dengan izin, ada menyebut, [*menyebut dalam bahasa Latin*]. Yang mempunyai makna, seseorang itu mempunyai hak untuk didengar, dengan izin, *the right to be heard*. Ini berasal daripada undang-undang Inggeris yang kita warisi. Juganya undang-undang Inggeris ini berasal dari undang-undang Roman dahulu. Dan undang-undang Roman pun berasal dari undang-undang *law of nature* dahulu. Bermakna, kalau kita kaji lebih mendalam, ia juga berasal daripada undang-undang Islam. Ada ketamadunan Islam di sana, di Eropah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jaga baik-baik tu Yang Berhormat, tu tak betul tu. Rom wujud jauh lama sebelum, sebelum.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Dia ada pertembungan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak, tidak Yang Berhormat.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Ada pertembungan Tuan Yang di-Pertua. Di mana undang-undang Islam dan undang-undang di Eropah itu ada .... Di sana, *the rules of law*, *the right to be heard*, dengan izin, seseorang itu ada hak untuk didengar. Diwarisi oleh kita juga. Selain daripada itu, ada *the second link of the rules of law* yang kita belajar daripada undang-undang Inggeris yang kita warisi iaitu dengan latinnya [*menyebut dalam bahasa Latin*]. Yang mempunyai makna, seseorang itu tidak boleh

menjadi hakim kepada yang tiada berkaitan atau permasalahannya sendiri. Dengan izin, *He must not be a judge in his own cause*. Jadi, saya rasa pindaan ini adalah satu

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang lebih berasas kepada prinsip *conflict of interest*.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Ya, betul Tuan Yang di-Pertua, memang betul. Undang-undang ini adalah, pindaan kepada undang-undang ini adalah satu pindaan yang wajar di mana seorang hakim mestilah dihakimi oleh satu badan yang *independent*. Di mana seorang hakim itu tidak mempunyai kepentingan. Tidak dapat memberi tekanan sebarang apa jua tekanan. Tekanan daripada kedudukan yang ada pada dirinya atau pun kes-kes yang dikendalinya, atau pun bagaimanalah.

Jadi, kalau ada tribunal yang ditubuh, boleh mengendalikan penghakiman kepada hakim-hakim yang berkenaan., yang telah melanggar kod etika dan sebagainya, maka kita adalah mempunyai satu sistem yang lebih *transparent* dan juga yang telah benar-benar mendukung kepada *the rules of law* tadi dan juga Rukun Negara kita. Jadi saya rasa, saya menyokong penuh kepada Pindaan 125, Perkara-perkara Perlembagaan kita ini.

Saya harap, adalah menjadi baik jika ahli-ahli tribunal nanti terdiri daripada bekas-bekas hakim yang juga tidak ada mempunyai kaitan kepada siapa hakim yang hendak dihakimi dan juga tribunal tersebut terdiri daripada ahli-ahli yang benar-benar tahu menjalankan undang-undang atau pun menginterpretasikan undang-undang berkaitan dengan hakim atau pun akhlak atau pun kod etika hakim tersebut. Dengan itu, dengan kata-kata yang menyokong, saya menyokong Pindaan-pindaan yang telah diketengahkan, dibentangkan oleh pihak kerajaan. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya harap akan membenarkan satu lagi ulasan kerana pada pukul 3.30 petang, saya akan meminta Yang Berhormat menjawab dan menggulung. Di harap Yang Berhormat jangan mengambil masa lebih dari 14 minit, boleh? Silakan.

**Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana turut memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Akta Perlembagaan Pindaan No.2, 2005. Pindaan Perkara 46, Fasa satu dan dua menyebabkan penambahan kerusi. Tiga kerusi Parlimen di Sarawak dan sembilan kerusi Dewan Undangan Negeri Sarawak. Saya ingin penjelasan, apakah faktor-faktor utama yang diberi keutamaan dalam penambahan kerusi? Sama ada kerusi Parlimen atau DUN.

Apakah ada penyelarasan pertambahan kerusi dibuat di antara negeri-negeri di seluruh negara dan kenapa ada setengah-setengah negeri tidak ada pertambahan kerusi Parlimen? Saya ingin penjelasan juga, berapakah kos yang ditanggung oleh kerajaan setiap kali pengubahan persempadanan sebagaimana yang kita dapat maklum bahawa setiap lapan tahun sekali dikaji balik persempadanan semula kawasan pilihan raya. Jadi setiap kali persempadanan dibuat, berapakah kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh tentang SPR. Bagaimana kita dalam pilihan raya dalam negara kita ini memang SPR memainkan peranan yang cukup penting. Dan kita lihat bagaimana setiap kali dalam pilihan raya, di antara permasalahan yang timbul ialah dari segi pembersihan daftar pemilih. Terutama nama-nama pengundi yang telah mati dan nama-nama perpindahan alamat dan sebagainya. Jadi, saya ingin penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah tiada tindakan penyelarasan secara *on-line* di antara Jabatan Pendaftaran Negara, SPR dan pihak Polis, supaya kes-kes, masalah kematian dan sebagainya kita boleh selaraskan dengan cepat.

Begitu juga adakah SPR bercadang di masa akan datang untuk menjamin ketelusan dalam sistem pilihan raya kita, menggunakan sistem cap atau pun tanda jari kepada pengundi-pengundi yang telah mengundi. Ini adalah menjamin dari segi ketelusan supaya tidak ada penyamaran pengundi di dalam melaksanakan pemilihan di dalam pilihan raya. Saya ingin penjelasan juga tentang masalah pengeluaran -kad pengenalan yang kita dapat tahu, banyak kes yang berlaku dalam pilihan raya sebelum ini, nama orang. Seseorang itu nak datang mengundi, tapi nama dia telah diundi. Ini banyak kes berlaku, dalam pilihan raya di Pengkalan Pasir.

Dan kita dapat beberapa saksi yang memang apabila pergi mengundi, namanya telah diundi. Bermakna, di sini ada penggunaan kad pengenalan. Sama ada kad pengenalan palsu dan sebagainya saya tidak faham. Jadi, saya ingin penjelasan supaya perkara ini dapat dipantau oleh pihak kerajaan supaya kita hendak menjamin ketelusan dalam pelaksanaan sistem pilihan raya dalam negara kita. Dan kalau kita lihat, begitu juga masalah yang timbul dalam sistem pilihan raya kita ialah masalah penggunaan rasuah atau pun politik wang yang semakin berleluasa.

Begitu juga tentang ugutan terutama kepada kakitangan awam. Sebagaimana kita dengar dalam pilihan raya baru-baru ini, ugutan kepada kakitangan di bawah Kementerian Pelajaran supaya guru-guru yang tidak memberi undi kepada kerajaan meletakkan jawatan. Saya kira ini merupakan satu perkara yang boleh menyekat hak

kebebasan rakyat. Walaupun dia kakitangan awam, untuk memilih hak mereka dari segi suara adalah hak asasi mereka, dalam sebuah negara yang melaksanakan sistem demokrasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh pindaan 124 dan 125, pindaan Perlembagaan dalam usaha untuk melicinkan badan kehakiman. Saya turut menyokong di atas segala usaha kerajaan untuk kebaikan negara dan rakyat seluruhnya. Cuma saya ingin penjelasan di mana Ketua Hakim Negara boleh iaitu dalam Fasal 4 menyebutkan, "Ketua Hakim Negara boleh merujuk hakim itu kepada satu badan yang ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan untuk mengendalikan pelanggaran tersebut".

Dan saya ingin tahu siapakah yang menganggotai badan yang disebutkan dalam Fasal 4 itu? Siapakah anggota yang terlibat? Dan saya ingin penjelasan apakah peraturan ataupun kod-kod etika yang telah diguna pakai, yang boleh membawa kepada pemecatan seseorang hakim ataupun Ketua Hakim termasuk Ketua Hakim Negara. Saya mengambil satu contoh iaitu pemecatan kepada bekas Ketua Hakim Negara, Yang Arif Tun Salleh Abas. Jadi saya ingin penjelasan apakah sebenarnya kriteria ataupun punca yang membawa kepada pemecatan seorang Ketua Hakim?

Dan kita lihat dalam perkembangan dunia hari ini banyak kes jenayah dan pelanggaran undang-undang berlaku dalam negara, menyebabkan kes-kes yang dibawa ke mahkamah semakin bertambah. Dan akhirnya membawa punca di antara sebab utama banyaknya kes tertangguh semakin bertambah dalam negara. Jadi apakah usaha kerajaan untuk mengatasi masalah ini, dan setakat ini berapakah jumlah hakim dalam negara kita termasuklah juga hakim-hakim di Mahkamah Tinggi. Dan apakah kerajaan bercadang untuk menambahkan lagi bilangan hakim wanita dalam negara kita? Dan begitu juga hakim syarie di Mahkamah Syariah dan bagaimanakah bilangannya berbanding dengan penduduk negara kita setakat ini?

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Kini saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri untuk menjawab dan menggulung perbincangan.

**3.22 ptg.**

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya minta izin dan saya ingin mengingatkan bahawa selepas penggulungan ini, akan diadakan belah bahagian maka wajar semua Ahli Dewan Negara hadir di tempat masing-masing.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian. Saya terus ingin memberi jawapan kepada Yang Berhormat Tuan Lee Sing Chooi, di mana Yang Berhormat membangkitkan perkara di mana Yang Berhormat ingin tahu apakah prinsip-prinsip yang digunakan untuk menambahkan kerusi Parlimen di mana kita dapati tiga kerusi Parlimen untuk Sarawak.

Prinsip-prinsip yang digunakan adalah seperti mana yang ditetapkan oleh Seksyen 2 Bahagian 1, Jadual Ketiga belas Perlembagaan Persekutuan, saya dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tak perlulah baca dengan penuh kerana ada dalam Perlembagaan, prinsip-prinsip di situ saya ingat Yang Berhormat perlu bacalah. Lagi satu soalan, apakah bilangan pemilih selepas kita buat pindaan ini? Bilangan pemilih yang digunakan adalah berdasarkan daftar pemilih yang diperakukan pada 4 November 2004 sejak persempadanan terakhir pada tahun 1996, iaitu penambahan seramai 88,262 daripada 817,460 pemilih pada tahun 1996 kepada 905,722 pemilih pada tahun 2004.

Dan seterusnya soalan daripada Yang Berhormat Senator Lee Sing Chooi juga, mengapa perkataan "*the States of Malaya*", dengan izin dan masih digunakan juga walaupun negara kita ialah Malaysia dan juga Yang Berhormat menggunakan perkataan "diskriminasi", ada diskriminasi. Untuk makluman Yang Berhormat, tidak ada apa-apa diskriminasi berkaitan dengan penggunaan perkataan "Malaya" dan juga "Malaysia", ini adalah terkandung daripada Perlembagaan juga pada masa Perlembagaan dibuat, tidak ada perkataan "Malaysia", "Malaya" sahaja. Dan juga di Malaysia terdapat dua Mahkamah Tinggi yang mempunyai bidang kuasa dan status yang sama dari segi undang-undang.

Dan di atas negeri-negeri Tanah Melayu dan *The States of Malaya*, ini ada dua. *States of Malaya* dan satu lagi daripada negeri-negeri Sabah dan Sarawak. Oleh sebab itu bagi Mahkamah Tinggi di negeri-negeri Tanah Melayu, peruntukan Perkara 121(1A) Perlembagaan, peruntukan menyebut di sana mahkamah itu disebut sebagai

Mahkamah Tinggi di Malaya dan bagi Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak pula peruntukan Perkara 121(1B) Perlembagaan di mana ia menyebut Mahkamah itu sebagai Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak. Kita ada dua, apabila kita sebut Mahkamah Tinggi, dengan izin, *it is always stated the High Court of Malaya and the High Court of Sabah and Sarawak*. So ada dua, oleh sebab itulah kita juga ada dua hakim besar, satu untuk Mahkamah Tinggi Malaya dan satu untuk Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak. Oleh yang demikian tidak disebutlah perkataan "Malaysia" kerana Perlembagaan Persekutuan sendiri membezakan dua Mahkamah Tinggi di negara ini. Ini luar bidang kuasa sayalah dan kepada semua.

Yang Berhormat Senator Lee juga minta berhubung dengan pindaan kepada Perkara 125 Perlembagaan, pertukaran beberapa bilangan peruntukan, berapa bilangan hakim-hakim yang telah melanggar kod etika dan peruntukan mana yang banyak dilanggari oleh para hakim? Itulah soalan. Untuk makluman Yang Berhormat setakat ini tidak ada mana-mana hakim-hakim yang melanggar peruntukan Kod Etika Hakim 1994.

Dan saya terus menjawab kepada Dato' Dr. Chin Fook Weng, seorang Yang Berhormat seperti saya tahu dalam semua perkara pun dia bahaslah. Dia ada *general knowledge* berkaitan dengan semua isu, syabas kepada Yang Berhormat. Perkataan permintaan adalah, mengapa perkataan di mana-mana tempat yang diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong di dalam pindaan yang dicadangkan? Ini Yang Berhormat sekiranya berlaku perubahan alamat pejabat pendaftaran utama pada masa akan datang, dengan izin ada *changes in the future*. Tiada keperluan untuk kita melalui lagi satu pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan hanya melalui penetapan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Ini kerana apabila pada masa itu alamat adalah di Kuala Lumpur, sekarang kita ada alamat di Putrajaya dan kita buat pindaan di mana-mana tempat selain daripada menggunakan perkataan "Putrajaya" kerana katakanlah mungkin tidak ada perubahan, tapi mungkin dalam 2020 kita ada Putrajaya 2 ke, Putrajaya 3 nanti, alamat perlu ditukar lagi, oleh sebab itu kita letakkan satu *general* perkataan di mana tidak perlu datang untuk buat pindaan lagi.

Yang Berhormat juga membangkitkan bahawa tiada maklumat terperinci berkenaan dengan penubuhan badan ini, dan juga keanggotaan badan yang berkaitan dengan kod etika dan juga keanggotaan badan, beliau seterusnya memohon agar Dewan ini diberi maklumat terperinci berkenaan badan ini. Untuk makluman Yang Berhormat, Fasal (3A) yang baru dicadangkan dalam Perkara 125 Perlembagaan

Persekutuan memperuntukkan bahawa badan yang kepalanya akan dirujukkan seseorang hakim yang melanggar kod etika, tetapi pelanggaran oleh hakim itu tidak mewajarkan dia dirujukkan kepada tribunal. Ini ialah badan yang akan ditubuhkan di bawah undang-undang Persekutuan.

Ini bermakna, selepas rang undang-undang ini diluluskan, akan dibentangkan pula di Parlimen suatu rang undang-undang mengenai penubuhan badan ini. Dalam rang undang-undang itulah akan diberikan butir-butir dan perincian keanggotaan, fungsi dan juga perkara-perkara yang berkaitan dengan badan itu.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga membangkitkan isu berhubung dengan fasal (3C) Perkara 125, mengapa peruntukan yang dipinda terpakai hanya bagi hakim Mahkamah Persekutuan dan Pesuruhanjaya Kehakiman sahaja dan tidak kepada hakim Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi. Fasal (3C) Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan Terpakai bukan sahaja bagi hakim Mahkamah Persekutuan dan Pesuruhanjaya Kehakiman tetapi juga bagi hakim Mahkamah Tinggi dan hakim Mahkamah Rayuan. Ini diperuntukkan dalam Fasal 9, Yang Berhormat perlu baca sedikit, *a little bit more*, dengan izin, Yang Berhormat baca perenggan satu, dua sahajalah baca sampai Fasal 9 Perkara 125 Perlembagaan Persekutuan. Dalam Fasal 9 itu disebut seperti yang berikut:-

- (a) *Perkara ini hendaklah terpakai bagi seseorang hakim Mahkamah Rayuan dan bagi seseorang hakim Mahkamah Tinggi sebagaimana perkara ini terpakai bagi seseorang hakim Mahkamah Persekutuan.*

Ini dia kaut semua Yang Berhormat. Bagi maksud Perkara 125 apabila disebut hakim Mahkamah Persekutuan akan tersirat dalam ungkapan itu rujukan kepada hakim Mahkamah Rayuan dan juga hakim Mahkamah Tinggi. Tidak berlaku apa-apa terlepas pandangan, dengan izin, *over sight* dalam hal ini kerana sememangnya telah diambil kira oleh kerajaan bagi memastikan semua peringkat hakim dan Pesuruhanjaya Kehakiman tertakluk kepada kod etika hakim yang disebut tadi.

Yang Berhormat Dato' Dr. Chin juga minta penjelasan berkenaan dengan senario jika Dewan Undangan Negeri Kelantan dibubarkan, apakah status dua orang senator yang mewakili Kelantan yang baru atau dilantik sebelum Dewan Undangan dibubarkan. Keanggotaan Ahli Dewan Negara tidak terjejas dengan pembubaran Dewan Undangan Negeri kerana mereka bukan anggota atau Ahli Dewan Undangan Negeri. Keanggotaan Ahli Dewan Negara juga tidak terjejas dengan pembubaran

Parlimen sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 45(3) Perlembagaan Persekutuan.

Dan juga keanggotaan mereka adalah mengikut tempoh jawatan yang ditetapkan di bawah Perkara 45 (3) dan (3A) Perlembagaan Persekutuan dan keanggotaan Ahli Dewan Negara tamat apabila habis tempoh pelantikannya. Mengikut Perlembagaan juga saya ingin, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua baca di sini, *election of senators*, “as so as there is a vacancy among the members selected to the senate by state, Yang di-Pertuan Agong *should gave notice to ruler or Yang di-Pertua Negeri of the state add an election of the senator is required and the ruler Yang di-Pertua Negeri shall required the legislative assembly to elect a senator as soon as possible.*”

Maksudnya saya hanya ingin beritahu maklumat kepada Dewan Undangan Negeri semua tidak boleh, *jump the wagon*, sebelum kita dapat arahan daripada Dewan Negara tidak perlulah mereka ataupun mereka tidak ada hak. Kalau mereka buat sedemikian, kalau dapat arahan daripada Dewan Negara mereka patut berada lagi satu pilihan. Apa juga perkara di sini juga, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, keputusan adalah muktamad daripada senat. Walaupun Dewan Negeri boleh buat keputusan berkaitan dengan senator-senator baru tetapi keputusan adalah dari Dewan Negara juga.

Dan, tidak betullah kalau kita sebut dia punya masa itu bermula daripada pemilihan dibuat di peringkat negeri, tidak. Masa permulaan itu adalah apabila mereka ambil sumpah di Dewan ini. Saya suka ulang di sini lagi sekali pemilihan senator telah.....

**Tuan Lee Sing Chooi:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Kalau saya tidak silap iaitu lantikan senator yang di peringkat negeri berkuat kuasa selepas Dewan Undangan Negeri itu meluluskan calon itu. Bukankah itu adalah hari penguat kuasa, mendiang itu menjadi senator bukan bila dia ambil sumpah dekat sini. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Mengikut negeri, Dewan Undangan Negeri boleh buat pilihan tidak ada masalah tetapi masa penguat kuasa untuk tiga tahun bermula dari tarikh dia angkat sumpah di sini.

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** Minta laluan sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat selain daripada perkara pokok di dalam Perlembagaan ada jadual yang perlu dirujuk, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Ya, terima kasih Yang Berhormat, kalau ada sedikit kekeliruan berkaitan dengan itu saya akan jawab selepas ini, saya akan teruskan jawapan.

Untuk pemilihan senator telah dinyatakan dengan jelas, tadi yang saya kata. Dalam jadual tidak timbul kekeliruan tentang peruntukkan jadual berkaitan dengan *appointment*, dengan izin, *of senators* tetapi berkaitan dengan negeri dengan federal, nanti saya akan beri penjelasanlah. Daripada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin tadi, kerajaan akan mengkaji masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat supaya tidak berlaku pentafsiran yang berlainan ataupun kekeliruan daripada dengan negeri dengan Persekutuan.

Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad juga meminta, pernahkah hakim di Malaysia disabitkan dengan kesalahan oleh Badan Pencegah Rasuah (BPR). Sebagaimana yang telah ditunjukkan dengan tepat oleh Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua tadi, Peraturan Mesyuarat 35 (7) tidak membenarkan disebut kelakuan atau sifat para hakim melainkan di..... Untuk mengatasi perkara ini, kita perlu mengeluarkan satu usul bagi maksud tersebut dengan tidak membawa isu ini untuk mengatasi itu. Dan, memandangkan perkara ini kita tidak boleh disebut, saya tidak perlulah buat apa-apa penjelasan tetapi Yang Berhormat bolehlah buat satu usul berkaitan dengan kelakuan atau perkara-perkara yang berkaitan dengan kelakuan hakim.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tertarik tadi, bermakna selepas mendengar hujah jawapan Yang Berhormat tadi, bermakna satu daripada cabaran atau *one of the challengers*, dengan izin, *that federalism presents to us is challenge of different and interpretation of the law including basic law that is the Constitution*. Itu satu daripada cabaran, satu negeri tafsir undang-undang dengan sedikit sebanyak kelainan yang memerlukan kepada keseragaman.

**Datuk M. Kayveas:** Benar, Tuan Yang di-Pertua. Kita masih dalam cabaran dalam banyak perkara-perkara, termasuklah perkara-perkara apabila kita ada undang-undang untuk negeri, *state constitution*.

Walaupun Perlembagaan itu adalah lebih kuasa daripada undang-undang daripada *State Constitution* tetapi adalah oleh sebab peruntukan kuasa yang dibagi oleh Perlembagaan Persekutuan ini, *State Constitution* kadang-kadang mereka ini ikut *State Constitution*. Ada *over side* berkaitan dengan *Federal Constitution* dan ini juga termasuk kerajaan tempatan. Kita dapati ada banyak undang-undang untuk kerajaan tempatan di

mana kerajaan tempatan juga sebagai *over side* dengan *State Constitution* dengan *Federal Constitution*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan.

Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Datuk Yaakob juga minta jumlah kes-kes tertunggak. Jadi Tuan Yang di-Pertua, setakat September 2005, kes-kes yang tertunggak adalah seperti berikut:

<b>Mahkamah</b>	<b>Kes Jenayah</b>	<b>Kes Sivil</b>
Persekutuan	121	252
Rayuan	534	7,157
Tinggi	3,990	72,702
Sesyen	6,699	97,604
Majistret	398,774	132,211

Inilah jumlah kes-kes yang tertunggak dan nisbah hakim yang Yang Berhormat minta ini berbanding kes-kes yang difailkan dan bilangan rakyat adakah mengikut standard antarabangsa dan sebagainya, jawapan untuk soalan itu, mahkamah tidak mempunyai maklumat mengenai nisbah hakim dan jumlah kes yang difailkan bersama ini dan ini tidak berkaitan dengan *international standard*. Saya faham jawapan itu bukan begitu jelas tetapi itu sahajalah yang saya boleh bagi pada masa ini.

Yang Berhormat Datuk Yaakob juga minta apakah ciri-ciri atau kriteria asas digunakan untuk mencapai satu bentuk keseragaman dalam menentukan bahagian pilihan raya dengan merujuk kepada bandar dan luar bandar. Ciri-ciri atau kriteria asas yang digunakan untuk mencapai keseragaman dalam urusan persempadanan bahagian pilihan raya selain daripada faktor *vantage* SPR yang diambil, dengan izin, juga mengambil kira hal-hal berikut bagi kawasan bandar raya, bilangan pemilih yang ditetapkan adalah antara 60 ribu hingga 69 ribu orang untuk Parlimen dan 25 ribu hingga 35 ribu bagi Dewan Undangan Negeri. Bagi bandar atau pusat bandar, penduduknya kurang sedikit dari bandar raya.

Dua bahagian pilihan raya adalah antara 27 hingga 49 kilometer persegi kawasan dan bilangan pemilih yang ditetapkan antara 50 ribu hingga 59 ribu orang untuk Parlimen dan 20 ribu hingga 25 ribu orang untuk bahagian pilihan raya negeri. Bagi kawasan separuh bandar, merujuk kepada bandar kecil seperti pusat pentadbiran daerah yang keluasan bagi pilihan raya antara 50 hingga 90 kilometer persegi, bilangan pemilih yang ditetapkan antara 40 ribu hingga 49 ribu bagi Parlimen dan 15 ribu hingga

20 ribu bagi bahagian pilihan raya negeri. Bagi kawasan separuh luar bandar yang luas bahagian pilihan raya antara 100 hingga 250 kilometer, bilangan pemilih yang ditetapkan ialah 30 ribu hingga 35 ribu bagi Parlimen dan 10 ribu hingga 15 ribu bagi bahagian pilihan raya negeri.

Ini merujuk kepada kawasan dimajukan dengan pertanian dan mempunyai pentadbiran peringkat tempatan atau peringkat kampung. Bagi kawasan luar bandar atau pendalaman merujuk kepada kawasan yang dianggap belum maju, dipenuhi hutan yang belum diterokai dan tidak mempunyai kemudahan asas yang baik, luas bahagian pilihan raya melebihi 250 kilometer persegi. Jumlah pemilih adalah antara 20 ribu hingga 29 ribu bagi Parlimen dan antara 7 ribu hingga 10 ribu bagi bahagian pilihan raya negeri.

Selain daripada kriteria asas tersebut, bahagian persempadanan semula bagi pilihan raya negeri Sarawak, SPR juga mengambil kira keadaan geografi, keadaan demografi yang berbeza dan taburan penduduk yang tidak sama rata, perbezaan kawasan bandar dan luar bandar yang sangat nyata. Wujudnya masalah perhubungan dan antaranya masalah pengangkutan juga dan keadaan masyarakat setempat yang tidak seharusnya dipisahkan atau diasing-asingkan semata-mata untuk menimbangkan jumlah pemilik antara dua atau lebih bahagian pilihan raya.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat jangka Yang Berhormat akan tamat pukul berapa?

**Datuk M. Kayveas:** Mungkin setengah jam, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Pengerusi:** Setengah jam atau sebelum itu? Paling singkat berapa lama agaknya? Paling singkat lagi?

**Datuk M. Kayveas:** Paling singkat, 15 minit.

**Tuan Pengerusi:** 15 minit? Jadi saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum jika sesiapa hendak ke bilik air bolehlah pergi sekarang.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk M. Kayveas:** *[Ketawa]*

**Tuan Pengerusi:** Bila saya adakan belah bahagian jangan sesiapa tiada di tempat masing-masing.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dengan itu SPR menetapkan bahawa purata pemilik bagi bahagian pilihan raya Parlimen adalah sekitar 29 ribu dan purata pemilih bagi bahagian pilihan raya negeri adalah sekitar 12 ribu

pemilih. Ini adalah berdasarkan kepada jumlah pemilih yang disahkan pada 4 November 2004, tahun dahulu, iaitu seramai 905,722 orang pemilih.

**Tuan Hassan bin Haji Shukri:** Tuan Yang di-Pertua, mohon sedikit sahaja. Berdasarkan kepada penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin tahu, saya difahamkan bahawa kawasan Baling, undinya sampai lebih daripada 70 ribu. Apakah kriteria yang dilakukan dalam persempadanan kawasan Baling sedangkan Baling itu dikira luar bandar? Terima kasih.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Yang Berhormat, Baling itu di kawasan di Semenanjung di sini, kawasan kita apabila kita ambil keluasan kawasan, ia lebih kurang daripada Sarawak. Sarawak ini dia punya kawasan ini luas sangat dan dia punya penempatan penduduk-penduduk itu masih dalam hutan dan juga bukit bakau. *Don't get sensitive*, dengan izin ya, *none man to be like that*. Ini hanya kerana lagi satu perkara, dia ada dia punya komuniti yang istimewa, komuniti yang lain dari kementerian yang istimewa di mana kita apabila pisahkan komuniti itu tidak sama dengan apabila kita buat di Semenanjung. Semenanjung tidak ada masalah macam itu.

Oleh sebab itu dia *cluster* dengan izin, lebih banyak orang duduk di satu tempat di kawasan Semenanjung tidak ada masalah keluasan kawasan untuk sebab itu. Kebanyakan...

**Dato' Haji Idris bin Haji Buang:** *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak perbetulkan sedikit, bolehkah Tuan Yang di-Pertua? Tidak ada orang mendiami hutan bakau. Tidak ada. Saya tidak tahulah. Yang di hutan bakau di Sarawak itu banyak monyet. *[Ketawa]* Tetapi, tidak apa. Untuk pandangan sahaja. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak. Yang Berhormat sebut "*bukit bakau*", tersasul, dia hendak nyatakan "*bukit bakau*", silakan.

**Datuk M. Kayveas:** *[Ketawa]* Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan Sarawak dipenuhi dengan hutan bakau, tetapi bukit bakau.

**Datuk M. Kayveas:** Okey. Yang Berhormat Dato' Haji Idris bin Haji Buang, bolehkah pertimbangkan supaya dimasukkan perkataan Sabah dan Sarawak dalam Fasal (1B) dan (2) perkara 121 Perlembagaan Persekutuan. Pindaan yang dicadangkan kepada fasal (1B) dan (2) Perkara 121 memperkatakan tentang pejabat pendaftaran yang utama *principle registry* dengan izin bagi Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan hanya boleh ada satu sahaja untuk *principle registry*. Kita tidak boleh ada dua, satu dekat Sabah Sarawak dan satu di sini. Oleh sebab itu saya percaya yang

dimaksudkan oleh Yang Berhormat ialah Pejabat Pendaftaran Cawangan bagi Negeri Sabah dan Negeri Sarawak, bagi kedua-dua Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan.

Kerajaan sedang mengkaji cara dan prosedur yang boleh meringankan masalah peguam-peguam dari Sabah dan Sarawak untuk memfailkan kes-kes mereka di Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Mungkin boleh ambil cadangan, ada satu cawangan untuk *principle office*. *Principle office* itu dengan izin tidak boleh ada dua, satu sahaja, cawangan boleh.

Soalan daripada Yang Berhormat Puan Siti Zailah, apakah keadaan yang membolehkan seseorang Hakim itu dipecat di bawah kod etika Hakim dan juga...*[Memandang ke arah tempat duduk Yang Berhormat Puan Siti Zailah]*. Yang Berhormat tidak ada, tidak perlu jawab.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat janji tadi akan mengambil masa tidak kurang 15 minit.

**Datuk M. Kayveas:** So, boleh pergi.... Ini satu standard di Dewan Negara, ini lainlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tinggi atau rendah?

**Datuk M. Kayveas:** Tinggi, tinggi. Sangat tinggi. Kita ada dapat peluang untuk pergi ke bilik air, tinggi sangat. Istimewa. *[Tepuk]*

**Datuk M. Kayveas:** Saya juga sokong apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk Yaakob bin Haji Mohammad, rakan saya yang bijaksana dan juga Yang Berhormat, Dewan Negara sekarang ini standard sudah tinggi, mestilah kepujian ini diberi kepada Tuan Yang di-Pertua. Kita nampak juga bukan senang. Dahulu nampak Yang Berhormat Menteri apabila datang Dewan Rakyat dia orang kata Dewan Rakyat lebih susah, lebih sukar dengan pandangan Yang Berhormat-Yang Berhormat dari pembangkang. Tetapi nampaknya di Dewan Negara ini lebih sukar lagi, *more difficult* dengan izin. Standard sudah naik sedikit, so kita pun sekarang perlu berjaga-jaga.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga bersama dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam memberi pujian kepada Yang Berhormat, kita harap ini akan diteruskan. Kita harap satu hari nanti, selepas bersara daripada Dewan Negara boleh berpindah ke Dewan Rakyat, standard Dewan Rakyat pun nanti boleh naik sedikit. *[Tepuk]* Nanti pula besok saya kena *suspend* dari Dewan Rakyat. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, saya....

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya ingat permaidani Dewan ini merah, dia ada sinaran di atas muka sayalah. *[Ketawa]*

**Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua, mengikut kod etika Hakim, di antara kelakuan yang boleh membawa kepada pemecatan adalah termaktub di dalam Seksyen 3, Kod Etika Hakim. Di antara itu yang dimaksudkan adalah seperti menyalah guna kuasa pelantikan untuk kepentingan peribadi, berkelakuan tidak jujur, kurang cekap, mengabaikan tugas-tugas, melambatkan penulisan alasan penghakiman tanpa alasan yang munasabah, enggan mematuhi arahan pentadbiran ataupun *statutory* tidak hadir di mahkamah di dalam masa pejabat dan melibatkan di dalam pertubuhan politik.

Yang Berhormat Puan Siti Zailah juga bertanya apakah faktor utama yang dipertimbangkan. Jawapan ini berhubung dengan asas dan kriteria yang dipertimbangkan semasa urusan pentadbiran. Fakta ini terserah kepada keadaan, tidak boleh diberi dengan spesifik.

Beliau juga membangkitkan isu berkaitan dengan perkara yang berlaku apabila seorang dengan izin, *Lord President* telah dibuang kerja, dipecat pada tahun 1988, saya ingat itu sudah lepas. Sudah banyak kita bincang mengenai perkara itu, tidak perlu saya ucap semula. Dengan itu, saya mengucapkan terima kasih.

### **Bacaan Kali Kedua**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang dan oleh sebab mengikut Peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 2005 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang kedua dengan undi sebanyak tidak kurang daripada dua pertiga dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini yang diperkirakan pada hari ini keahliannya ialah 61. Maka mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(1), saya memerintahkan supaya satu belah bahagian diadakan sekarang.

Setiausaha sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

*[Dewan berbelah bahagi]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai penghitung sila ambil tempat masing-masing di hadapan blok Yang Berhormat.

Undian dijalankan sekarang.

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Walaupun Dewan diperuntukkan supaya dianggotai oleh 70 orang ahli kini keahlian Dewan hanya berjumlah 61 orang.

Ahli-ahli Yang Berhormat inilah keputusannya.

Ahli-ahli yang bersetuju 46. *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju tiada (kosong). *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak mengundi tiada (kosong).

**YANG BERSETUJU:**

**46**

**YANG TIDAK BERSETUJU:**

**Tiada**

**YANG TIDAK MENGUNDI**

**Tiada**

Lebih 2/3 undi majoriti yang bersetuju. *[Tepuk]*

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Majlis sebagai Jawatankuasa.

***[Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa]***

***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dikemukakan kepada Majlis sekarang.

*[Majlis Mesyuarat bersidang semula]*

**Bacaan Kali Yang Ketiga**

**Datuk M. Kayveas:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon memaklumkan bahawa Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Perlembagaan Persekutuan telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan telah dipersetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga sekarang dan oleh sebab mengikut Peruntukan Perkara 159 Perlembagaan Persekutuan, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan)2005 ini memerlukan sokongan pada bacaan kali yang ketiga dengan undi sebanyak tidak kurang dari 2/3 dari jumlah bilangan Ahli Majlis Dewan ini. Maka saya mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 46(1), saya memerintahkan supaya satu Belah Bahagian diadakan sekarang. Setiausaha, sila bunyikan loceng selama dua minit.

*[Loceng dibunyikan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai penghitung undi sila ambil tempat Keluhuran Undang-undang. Inilah proses yang melambangkan Keluhuran Undang-undang. Undian dijalankan sekarang.

*[Dewan berbelah bahagi]*

*[Pengundian dijalankan]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, inilah keputusannya.

Ahli-ahli yang bersetuju berjumlah 46. *[Tepuk]*

Ahli-ahli yang tidak bersetuju tiada .

Ahli-ahli yang tidak mengundi tiada.

Lebih 2/3 undi majoriti yang bersetuju. *[Tepuk]*

**YANG BERSETUJU**

**46**

**YANG TIDAK BERSETUJU**

**-tiada-**

**YANG TIDAK MENGUNDI**

**-tiada-**

Rang Undang-undang ini dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG TARA 2005

### Bacaan Kali Kedua dan Ketiga

#### 4.11 ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu akta untuk memperbaharui undang-undang yang berhubungan dengan timbang tara domestik, mengadakan peruntukan bagi timbang tara antarabangsa, pengiktirafan dan penguatkuasaan *award* dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, timbang tara ialah satu bentuk penyelesaian pertikaian secara alternatif. Undang-undang berhubungan dengan timbang tara pada masa ini terdapat dalam Akta Timbang Tara 1952 iaitu Akta 1993. Akta ini diperbuat pada tahun 1952 iaitu lebih kurang 53 tahun dahulu. Akta Timbang Tara 1952 diperbuat terutamanya untuk memenuhi keperluan timbang tara domestik di Malaysia pada masa itu. Dalam beberapa tahun ini, disebabkan peningkatan jumlah kes yang tertangguh di mahkamah, lebih banyak penekanan telah diberikan kepada timbang tara dan telah mengakibatkan perkembangan yang besar dalam undang-undang timbang tara.

Akta Timbang Tara 1952 dipinda sekali sahaja iaitu pada tahun 1980 untuk membolehkan dan menggalakkan timbang tara digunakan sebagai suatu bentuk penyelesaian pertikaian bagi pertikaian antarabangsa. Seksyen 34 Akta Timbang Tara 1952 dipinda untuk meminimumkan campur tangan mahkamah dalam timbang tara antarabangsa. Dalam era globalisasi, banyak kerajaan telah sedar akan kepentingan mempunyai suatu undang-undang yang seragam dan harmoni dalam mempromosikan perniagaan antarabangsa. Promosi undang-undang yang seragam di kalangan rakan kongsi, pandangan dalam komuniti perniagaan antarabangsa secara tidak langsung memajukan ekonomi sesebuah negara.

Menyedari kepentingan mempunyai undang-undang yang seragam dan harmoni, setakat ini 44 buah negara telah menerima pakai model *law on international commercial arbitration* dengan izin, disebut sebagai model *law* dalam sistem perundangan mereka. Model *law* diperbuat oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai undang-undang perdagangan antarabangsa di *central* dengan izin, pada tahun 1985. Dalam menimbang sama ada menerima pakai model *law* atau tidak di negara ini, komuniti perniagaan dan profesional telah dirunding. Majlis Peguam Malaysia, Institut Timbang Tara Malaysia, Pusat Timbang Tara Serantau Kuala Lumpur, Institut Jurutera,

Persatuan-persatuan Maritim serta kumpulan perniagaan lain turut dirunding. Penerimaan dan sokongan yang meluas telah diberi untuk menerima pakai model *law* dalam sistem perundangan Malaysia.

Komuniti perniagaan dan profesional mendapati bahawa model *law* adalah seimbang, sempurna, praktikal, terkini dan bersesuaian dengan kedua-dua pertikaian perdagangan domestik dan juga antarabangsa. Semasa menggubal Rang Undang-undang Timbang Tara 2005, undang-undang timbang tara di negara lain seperti Singapura, New Zealand, India, Kanada dan United Kingdom telah dikaji Rang Undang-undang Timbang Tara tahun 2005 yang dicadangkan ini telah mengadaptasikan model *law* untuk disesuaikan dengan keadaan di Malaysia seperti yang telah dilakukan oleh negara-negara itu. Akta Konvensyen mengenai pengiktirafan dan penguasaan *Award* Timbang Tara Asing 1985, Akta 320.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, boleh teruskan.

**Datuk M. Kayveas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Akta *Award* Timbang Tara Asing 1985, Akta 320 membolehkan *award* timbang tara yang dibuat di luar Malaysia dikuatkuasakan di Malaysia. Peruntukan Akta 320 telah disatukan dalam Rang Undang-undang Timbang Tara tahun 2005.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 bertujuan untuk memperbaharui undang-undang timbang tara yang sedia ada dengan peruntukan yang baru dan lebih baik berkaitan dengan tatacara timbang tara di negara ini. Undang-undang yang ingin dimansuhkan oleh rang undang-undang ini ialah Akta Timbang Tara 1952 dan Akta Konvensyen mengenai pengiktirafan dan penguatkuasaan *Award* Timbang Tara Asing 1985 dengan izin, *repeal of these two act*.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 yang dicadangkan terdiri daripada empat bahagian dan 51 fasal.

Bahagian I mengandungi peruntukan permulaan.

Fasal 1 memberi kuasa kepada Menteri untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 mengandungi tafsiran perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam rang undang-undang ini.

Fasal 3 memperuntukkan pemakaian akta ini di seluruh Malaysia dan peruntukan yang terpakai kepada timbang tara domestik dan antarabangsa.

Fasal 4 memperuntukkan pemakaian timbang tara kepada jenis pertikaian-pertikaian.

Fasal 5 memperuntukkan bahawa akta ini terpakai kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Bahagian II mengandungi fasal 6 hingga 39 iaitu peruntukan yang berhubung dengan tatacara timbang tara berdasarkan kepada model *law* yang diterima pakai oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai undang-undang perdagangan antarabangsa '*uni-centra*' pada 21 Jun 1985.

Fasal 8 bertujuan untuk mengurangkan campur tangan mahkamah dalam apa-apa perkara timbang tara kecuali di mana dibenarkan di bawah akta ini.

Fasal 9 mentakrifkan dan menjelaskan bentuk perjanjian timbang tara.

Fasal 10 memperuntukkan bahawa mahkamah hendaklah menggantung prosiding yang dibawa di hadapannya dalam kes yang tertakluk kepada perjanjian timbang tara.

Fasal 11 menyatakan bahawa pihak-pihak boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi suatu perintah perlindungan interim.

Fasal 12 hingga 17 memperuntukkan bilangan pelantikan alasan serta tatacara mencabar penamatan mandat dan pelantikan penimbang tara ganti.

Fasal 18 dan 19 memperuntukkan bidang kuasa serta kuasa untuk membuat perlindungan interim bagi tribunal timbang tara masing-masing.

Fasal 20 hingga 29 memperuntukkan tatacara timbang tara seperti penentuan kaedah-kaedah tatacara, tempat timbang tara, permulaan dan bahasa yang akan digunakan dalam prosiding timbang tara, pemfailan, pernyataan *pleading*, perbicaraan lisan, pelantikan pakar dan mendapatkan bantuan mahkamah untuk mengambil keterangan.

Fasal 30 hingga 36 mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pembuatan *award* dan penamatan prosiding.

Fasal 37 menyatakan alasan-alasan serta tatacara untuk mengetepikan suatu *award*.

Fasal 38 hingga 39 mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan pengiktirafan dan penguatkuasaan *award*. Fasal-fasal ini adalah berdasarkan kepada Akta Konvensyen mengenai pengiktirafan dan penguatkuasaan *award* timbang tara asing tahun 1985.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian III mengandungi 7 fasal di bawah tajuk “Peruntukan Tambahan Yang Berhubungan Dengan Timbang Tara”. Bahagian ini terpakai kepada timbang tara domestik kecuali pihak-pihak bersetuju supaya ianya tidak terpakai. Bahagian III tidak terpakai kepada timbang tara antarabangsa kecuali pihak-pihak bersetuju memakainya.

Fasal 40 bertujuan mengadakan peruntukan untuk penyatuan dua atau lebih *proceeding* timbang tara dan Fasal 41 memperuntukkan situasi apabila Mahkamah Tinggi mempunyai bidang kuasa untuk menentukan perkara undang-undang permulaan.

Fasal 42 memperuntukkan mengenai rujukan kepada Mahkamah Tinggi dan Fasal 43 membenarkan rayuan.

Fasal 44 memperuntukkan mengenai kos dan perbelanjaan timbang tara.

Fasal 45 dan 46 memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk melanjutkan masa bagi memulakan *proceeding* timbang tara dan memberi pelanjutan masa kepada tribunal timbang tara untuk membuat satu *award*.

Bahagian IV yang bertajuk “Pelbagai” mengandungi 5 fasal.

Fasal 47 dan 48 memperuntukkan tentang liabiliti penimbang tara dan kekebalan institusi timbang tara.

Fasal 49 adalah peruntukan tentang kebangkrapan.

Fasal 50 memperuntukkan *procedure* untuk apa-apa permohonan ke Mahkamah Tinggi di bawah akta yang dicadangkan.

Fasal 51 memperuntukkan mengenai pemansuhan Akta Timbang Tara 1952 dan Akta Konvensyen mengenai pengiktirafan dan penguatkuasaan *award* timbang tara asing 1985 serta peruntukan kecualian. Akta ini tidak terpakai kepada *proceeding* timbang tara yang telah dimulakan sebelum permulaan kuat kuasa akta ini. Walau bagaimanapun, akta ini akan terpakai kepada perjanjian timbang tara yang dibuat sebelum permulaan kuat kuasa akta ini di mana tiada *proceeding* timbang tara yang dimulakan lagi.

Tuan Yang di-Pertua saya pohon mencadangkan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memperbaharui undang-undang yang berhubungan dengan timbang tara domestik, mengadakan peruntukan bagi timbang tara antarabangsa, pengiktirafan dan

penguatkuasaan *award* dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Datuk M. Ratnam.

#### 4.23 ptg.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi saya satu peluang untuk membahas Rang Undang-undang Timbang Tara 2005.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, selepas pada Yang Berhormat, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi dan selepas itu Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**Datuk M. Ratnam:** Rang Undang-undang Timbang Tara, izinkan saya membuat beberapa teguran terhadapnya dan diminta pihak yang berkuasa memberi perhatian tentang beberapa aspek pentadbiran dan pelaksanaan undang-undang ini nanti supaya menepati tujuannya. Memang tiba masanya bagi kita memperbaharui undang-undang tentang timbang tara ini. Undang-undang yang dipakai sekarang telah wujud sejak tahun 1952. Kita harus selari dengan perkembangan di peringkat antarabangsa supaya tidak ketinggalan dalam persaingan.

Arbitrasi atau timbang tara ialah penyelesaian pertelingkahan oleh pihak ketiga dipanggil timbang tara *arbitrator* dan bukan oleh mahkamah. Selalunya dalam hal ehwal perdagangan dan pelaburan terutama di peringkat antarabangsa, proses mahkamah biasa selalunya memakan masa rumit memerlukan mengikuti prosedur-prosedur tertentu. Pihak-pihak yang bertelingkah mesti menggunakan peguam yang jarang sekali menguasai bidang yang dipertikaikan.

Proses timbang tara boleh dijalankan dengan segera, mendapat keputusan dalam waktu cepat kerana pihak-pihak yang bertikai sendiri memilih menimbang tara, proses bicara lebih mudah. Penimbang tara selalunya seorang yang pakar dalam bidang yang dipertikaikan. Bagi pihak-pihak yang bertelingkah dari negara-negara yang berlainan mungkin terdapat kecurigaan terhadap undang-undang mana-mana negara terutama negara asing. Proses arbitrasi menghapuskan keraguan ini kerana peraturan-peraturan timbang tara yang diterima pakai bersifat antarabangsa, digubal oleh Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu seperti UNCITRAL (*United Nations Commission On International Trade Law Arbitration Rules*). Keperluan mewujudkan badan timbang tara antarabangsa disedari sejak awal lagi. Malaysia menjadi anggota *Asian- African Legal Consultative Organization* atau AALCO dalam tahun 1974. AALCO membuat keputusan untuk memajukan hubungan dagangan antarabangsa antara anggota-

anggotanya untuk mewujudkan satu badan atau Pusat Timbang Tara serantau yang menggunakan peraturan Timbang Tara Kumpulan UNCITRAL.

Malaysia dan Singapura bersaing untuk menjadi tuan rumah bagi pusat timbang tara itu dan Malaysia berjaya. Maka itulah diwujudkan *The Kuala Lumpur Regional Center For Arbitration* atau KLRCA pada tahun 1975. Untuk menjamin badan ini bebas dari campur tangan Kerajaan Malaysia, dan memberi keyakinan kepada semua pihak yang menggunakan khidmatnya. Kerajaan kita telah mewartakan KLRCA sebagai badan antarabangsa yang diberi keistimewaan dan kekebalan diplomatik seperti badan-badan antarabangsa yang lain. Badan ini juga bersikap neutral dan dijalankan sebagai *None Profit Organization*, tidak mengambil keuntungan.

Dalam 30 tahun sejak ditubuhkan KLRCA telah banyak memberi sumbangan mengharumkan nama Malaysia di peringkat antarabangsa. Di samping itu kegiatan KLRCA juga merupakan sumber pendapatan bagi negara. Malah khidmat timbang tara kini telah menjadi satu kegiatan yang *lucrative*, dengan izin sehingga ramai orang ingin menceburkan diri dalam bidang ini. Dalam tahun-tahun terakhir ini juga kita lihat kemajuan yang telah dicapai oleh SIAC (*Singapore International Arbitration Center*) yang merupakan saingan utama bagi KLRCA. Saya dimaklumkan bahawa dalam persaingan ini KLRCA sudah jauh ketinggalan.

SIAC diberikan sokongan penuh oleh Kerajaan Singapura sedangkan KLRCA diberi hanya bantuan kewangan sekitar RM400 ribu setahun oleh Kerajaan Malaysia untuk perbelanjaan mengurus. Ia harus menggunakan pendapatan dari fee perkhidmatan yang dikenakan kepada pihak-pihak yang menggunakan khidmatnya. Ini bermakna juga ia menghadapi masalah untuk mempromosikan kegiatannya di peringkat antarabangsa. Kesempitan kewangan juga tidak membolehkan ia menambah tenaga pegawai atau penyelidik untuk menjadi perkhidmatan KLRCA lebih cekap dan berdaya saing.

KLRCA juga tidak mempunyai kemampuan untuk menjalankan kursus-kursus latihan untuk menghasilkan lebih ramai lagi perantaraan terutama yang boleh dilantik di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, kita mengharapkan Rang Undang-Undang ini akan dapat membantu menaikkan lagi imej negara sebagai pusat timbang tara antarabangsa. Tetapi ada beberapa peruntukan dalam Rang Undang-Undang yang seolah-olah boleh menidakkan peranan KLRCA dan lama-kelamaan membuat KLRCA menjadi *irrelevant* dengan izin. Kita sedia maklum bahawa kini bidang arbitrase sudah menjadi sumber

pendapatan yang amat lumayan. Banyak badan-badan profesional telah mewujudkan peraturan-peraturan mereka sendiri. Badan-badan ini seperti *institution of engineers* (IEM), Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM), *The Malaysian institute of Arbitrators* (MIARB) dan *Chartered Institute of Arbitrators* (CIARB) ini menjalankan kegiatan arbitrase yang bersaing dengan KLRCA. Baru-baru ini satu lagi badan *The International Chamber of Commerce* (ICC) melibatkan diri dalam kegiatan timbang tara di Malaysia tetapi mereka merujuk pertelingkahan kepada ICC *Court of Arbitration* di Paris. Ini bersama pertubuhan-pertubuhan yang ber....

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ir. Wong Foon Meng]:** Yang Berhormat Wan Nordin.

**Datuk M. Ratnam:** Sila.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Datuk Ratnam, saya tertarik dengan *statement* yang Datuk Ratnam sebut, "*ini memungkinan Kuala Lumpur Centre of Arbitration menjadi irrelevant.*" Pada pendapat Yang Berhormat, adakah dengan pindaan ini bukan hendak mempertingkatkan martabat Kuala Lumpur *Centre of Administracy*. Saya percaya tujuan undang-undang ini dibuat pindaan ialah untuk hendak mempertingkatkan martabat supaya KLRCA akan dipertingkatkan dan mengambil kes-kes antarabangsa dan saya percaya itulah tujuannya. Apa pendapat Datuk Ratnam?

**Datuk M. Ratnam:** Saya amat bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat tetapi mereka merujuk pertelingkahan kepada ICC, *Court of Arbitration* di Paris ini juga pertubuhan-pertubuhan yang berpangkalan di luar negeri akan hanya menyebabkan pendapatan yang sepatutnya didapati mengalir ke luar negeri yang akan merugikan negara. Rang Undang-Undang ini membolehkan sesiapa sahaja di lantik sebagai penimbang tara. Dia telah meletakkan apa-apa syarat atau kelayakan siapa yang boleh dilantik. Keadaan ini mungkin di salah gunakan atau pun membolehkan orang-orang yang tidak berkelayakan di lantik. Sepatutnya sesuatu badan diiktiraf dan diberi hak eksklusif untuk mentauliahkan orang-orang yang berkelayakan sahaja melakukan amalan timbang tara. Pada ketika ini hanya KLRCA sahaja yang mewujudkan sistem menilai kelayakan seseorang yang hendak didaftarkan sebagai anggota panel penimbang tara. Rang Undang-Undang yang dicadangkan ini tidak memberikan peranan eksklusif ini kepada KLRCA ini. Malah sesiapa sahaja termasuk saya boleh dilantik menjalankan tugas penimbang tara dan menerima *fee* bayaran.

Lebih bahaya lagi, seseorang penimbang tara yang dilantik begitu akan diberi kekebalan menurut seksyen 47 dan orang atau badan yang melantiknya diberi kekebalan menurut seksyen 48. Saya khawatir keadaan ini akan membuat standard timbang tara di negara ini merosot. Nampaknya menurut Rang Undang-Undang ini pengarah KLRCA hanya diperlukan sebagai *last resort* dengan izin, untuk melantik penimbang tara setelah pihak-pihak yang bertikai gagal berbuat begitu. Lama kelamaan ini membuat KLRCA menjadi tidak diperlukan dan peranannya dikesampingkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ir. Wong Foon Meng]:** Ini menjawab apa yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Wan Nordin tadi bahawa ...

**Datuk M. Ratnam:** Betul, betul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Ir. Wong Foon Meng]:** ...KLRCA akan menjadi tidak relevan.

**Datuk M. Ratnam:** Ya, betul, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, antara sebab utama orang memilih untuk menyelesaikan pertelingkahan melalui proses timbang tara ialah menjimatkan waktu dan juga wang kerana biasanya proses bicara di mahkamah akan mengambil waktu yang panjang. Kita sering mendengar tentang perbicaraan yang mengambil masa bertahun-tahun sebelum mendapat keputusan muktamad. Jangka masa 15 tahun dari waktu memfailkan tuntutan di mahkamah tinggi hingga mendapat keputusan muktamad oleh mahkamah persekutuan bukanlah sesuatu yang aneh, memakan masa yang panjang sekali.

Melalui timbang tara waktu ini boleh dipendekkan menjadi beberapa minggu atau bulan sahaja. Kerana itu kita mahu undang-undang timbang tara yang memastikan proses timbang tara ini boleh berjalan secara cekap dan pantas di samping memastikan keadilan dan kesaksamaan. Itu sebabnya kita seharusnya sangat menekankan kepada kelayakan seorang penimbang tara itu kerana seseorang yang tidak berkelayakan akan memerlukan masa yang lebih untuk menguasai bidang yang dipertikaikan, memahami segala masalah supaya menghasilkan keputusan yang memuaskan. Saya dapati dalam Rang Undang-Undang ini seperti sudah mengambil kira....

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Tuan Yang di-Pertua, minta laluan.

**Datuk M. Ratnam:** Okey.

**Tuan Wan Nordin bin Che Murat:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Ratnam dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penubuhan KLRCA merupakan salah satu daripada cara kita hendak meringankan beban mahkamah sebab kebanyakan kes-kes adalah dipercayai boleh dibantu oleh KLRCA dengan menyelesaikan masalah-

masalah mahkamah ini melalui arbitrase. Soalan saya kepada Datuk Ratnam sebab tadi Datuk Ratnam bersetuju bahawa saya pun tidak faham apa yang dia bersetuju sama ada dia setuju mungkin setuju *irrelevant*, tetapi yang saya hendak soal ini ialah tentang kewujudan arbitrase ini. Pada pandangan kita bahawa pindaan ini akan melibatkan balik mahkamah dalam proses arbitrase. Jadi bermakna tujuan asal kita dalam apabila kita mewujudkan KLRCA ini adalah untuk meringankan beban mahkamah tetapi kalau pindaan ini yang menjerus kepada hendak melibatkan semula mahkamah dalam proses arbitrase maka ini tidak menepati tujuan asal penubuhan KLRCA ini. Jadi minta pandangan daripada Datuk berkenaan perkara ini.

**Datuk M. Ratnam:** Terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada hemah saya, Undang-undang Timbang Tara 2005 akan meringankan kerja-kerja di mahkamah kerana kita semua tahu kalau kita bawa satu kes ke mahkamah memakan masa yang panjang. Kalau kita ada arbitrase, cepat-cepat. Itulah tujuan kita. Kita tidak payah membawa banyak-banyak kes ke mahkamah untuk mendapatkan satu keputusan muktamad. Saya harap ini akan memberi jawapan kepada soalan. Saya teruskan, saya dapati dalam Rang Undang-undang ini seperti sudah mengambil kira misalnya yang kebanyakan penimbang tara terdiri daripada mereka yang tidak mempunyai latihan dalam bidang undang-undang.

Itu sebabnya dimuatkan peruntukan supaya pihak-pihak yang pertikai masih mempunyai peluang untuk merujuk kepada mahkamah. Dengan soal undang-undang dan mahkamah juga diberi kuasa untuk meminda atau mengetepikan *award* yang telah dibuat oleh timbang tara. Saya rasa ini *defeat the purpose*, dengan izin. Proses timbang tara kalau boleh dengan mudah pergi ke mahkamah. Ini bukan sahaja melanjutkan proses ini dan juga membebankan mahkamah.

Di manakah faedah proses timbang tara ini? Itulah maka saya mencadangkan bahawa kita wujudkan satu panel timbang tara yang betul-betul berwibawa. Dari segi profesionalisme dapat menyelesaikan pertikaian dalam segala bidang dengan cepat dan tepat. Keputusan tribunal timbang tara hendaklah muktamad dan ruang untuk merujuk kepada mahkamah hendaklah dipersempitkan lagi supaya tidak disalahgunakan oleh pihak-pihak yang kalah untuk mendapat *second chance* atau sengaja lewat-lewat pelaksanaan keputusan atau *award* tribunal. Seksyen 10(1)(b), misalnya, memberi terlalu banyak kuasa kepada Mahkamah Sesyen ini. Sudah tentu disukai oleh para peguam.

Saya difahamkan bahawa di New Zealand di mana terdapat seksyen yang menggunakan perkataan-perkataan yang sama dalam Undang-undang Timbang Tara di sana. Ini menyebabkan pelbagai kes dibawa ke mahkamah dengan tujuan melengahkan prosiding. Sebaliknya di Singapura, di mana Seksyen 10(1)(b) itu tidak wujud. Mempercepat proses keputusan dan hasilnya Singapura telah dapat menarik banyak kes-kes timbang tara antarabangsa untuk diputuskan di Singapura.

Begitu juga Mahkamah Tinggi dibabitkan apabila terdapat cabaran apabila anggota Tribunal Timbang Tara melalui peruntukan Seksyen 15(3)(3). Sekiranya tugas melantik penimbang tara dan memutuskan apa-apa cabaran diberikan kepada KLRCA sahaja dan menetapkan syarat-syarat tertentu tentang kelayakan tiap-tiap orang penimbang tara. Ini akan dapat mengelakkan terlalu banyak penglibatan mahkamah ini dan juga peruntukan seksyen 42, yang membolehkan rujukan kepada mahkamah mengenai persoalan kepada undang-undang dan nampaknya melibatkan mahkamah dalam banyak hal.

Saya bukan hendak menafikan kewibawaan kita, tetapi ini adalah suatu anggapan dari warga asing yang boleh jadi salah. Kejayaan kita untuk menarik lebih ramai warga asing menggunakan khidmat timbang tara di negara kita bergantung kepada persepsi bahawa pihak-pihak yang bertikai tidak perlu terikat terlalu banyak dengan undang-undang tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang dalam menggubal sesuatu akta yang baru kita akan memansuhkan beberapa undang-undang yang lain yang mana peruntukan-peruntukan di dalamnya telah diambil kira di dalam akta yang baru. Dalam hal ini, undang-undang yang dicadangkan ini akan memansuhkan Akta Timbang Tara 1952, iaitu Akta 93, dan Akta Konvensyen mengenai pengiktirafan dan penguatkuasaan *award* timbang tara asing 1985 iaitu Akta 320.

Dalam Bab 8, Rang Undang-undang ini iaitu Seksyen 38, memperuntukkan supaya satu *award* timbang tara dari negara asing diiktiraf dan dikuatkuasakan di Malaysia. Takrif negara asing ialah sebuah negara yang merupakan pihak kepada konvensyen mengenai pengiktirafan dan penguatkuasaan *award* timbang tara asing yang diterima pakai oleh Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai timbang tara perdagangan antarabangsa pada tahun 1958. Konvensyen ini dikenali sebagai *The New York Convention* dan menurut Seksyen 2(2) Akta 320 yang bakal dimansuhkan itu ada peruntukan.

Yang Di-Pertuan Agong, *may by order in the gazette declare that any state, specified in the order is a party to the New York Convention and that order shall violence force be conclusive evidence that state is a party to the same convention*, dengan izin. Dengan pemansuhan Akta 320, ini bererti Seksyen 2(2) yang saya baca itu akan terhapus. Tidak pula ada peruntukan baru yang menggantikannya dalam Rang Undang-undang ini. Kalau begitu, bagaimana kita boleh mengetahui secara pasti sesuatu yang merupakan *conclusive evidence* bahawa sesebuah negara asing itu ada memihak kepada New York Convention 1958 itu.

Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat menjelaskan perkara ini. Persoalan ini juga amat penting bagi menjelaskan kedudukan KLRCA selepas Rang Undang-undang ini diluluskan. Salah satu fungsi KLRCA ialah untuk membantu pihak-pihak terbabit menguatkuasakan award-award arbitrase antara bangsa. Seksyen 34(2), Akta Timbang Tara 1952 menentukan bahawa award-award KLRCA adalah berkuat kuasa berasaskan *The New York Convention* 1958 ini. Dengan pemansuhan kedua-dua Akta ini, adakah kita masih mengiktiraf UNCITRAL sebagai memberi bukti muktamad tentang keanggotaan sebuah negara dalam *New York Convention* 1958 itu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dicadangkan ini tidak memperuntukkan tentang pendaftaran sesuatu perkara timbang tara di Malaysia. Saya sedar tentang keinginan pihak-pihak yang bertikai untuk menyimpan kesangsian butir-butir tentang isu atau masalah yang dipertikaikan. Mungkin untuk tujuan menjaga rahsia perniagaan, dan lain.

Tetapi saya rasa adalah baik jika didaftarkan semua kes-kes ini. Sekurang-kurangnya mencatatkan maklumat seperti:

- (i) nama-nama pihak yang terbabit;
- (ii) tuntutan atau tuntutan balas timbang tara dan jumlah wang yang terlibat;
- (iii) kategori subject matter yang ditimbang tara;
- (iv) nama dan alamat badan yang dikendalikan timbang tara berkenaan;
- (v) jumlah bayaran *fee* yang dibayar kepada tribunal timbang tara; dan
- (vi) apa perkara lain yang hendak dicatatkan dalam pendaftaran itu oleh pihak-pihak yang terlibat.

Saya berpendapat bahawa pendaftaran ini amat berguna, bukan sahaja sebagai bahan rujukan, tetapi untuk membolehkan kita memantau perkembangan sistem timbang tara ini dari semasa ke semasa supaya kita dapat terus menonjolkan Malaysia sebagai pusat timbang tara yang terkemuka di dunia.

Dengan kata-kata ini saya menyokong Rang Undang-undang Timbang Tara 2005. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: terima kasih Yang Berhormat. Saya silakan Yang Berhormat Dr. Puad.

#### **4.50 petang.**

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan kebenaran kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya memerlukan lebih kurang 5, 6 minit sahaja kerana hanya ingin membangkitkan satu, dua persoalan yang menimbulkan kekeliruan berdasarkan kepada Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 ini.

Walau bagaimanapun sebelum daripada itu saya amat tertarik dengan apa yang dibahaskan, dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Ratnam tadi mengenai dengan KLRCA iaitu *Kuala Lumpur Regional Centre for Arbitration*. Saya bersetuju dengan beliau bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 ini menimbulkan persoalan, apakah yang akan terjadi sebenarnya kepada KLRCA sama ada ia menjadi *redundant* dengan KLRCA ataupun saya lihat ada kemungkinan KLRCA ini akan tutup kedai sebenarnya kalau mendengar hujah daripada Datuk Ratnam tadi.

Dan saya amat tertarik juga iaitu bahawa sebenarnya seperti mana yang disebut oleh Datuk Ratnam bahawa apabila kita dulu berebut dengan Singapura untuk menjadi pusat yang dilantik, disebut oleh beliau tadi sebagai '*alco*', kita dengan Singapura bersaing. Tetapi apabila Malaysia dipilih untuk menjadi sebagai pusat *regional* untuk *arbitration* ini yang kita sebut sebagai KLRCA, kita dapati akhirnya KLRCA ini tidak mendapat sokongan yang kuat daripada kerajaan. Sebab itu bila kita lihat seperti Singapore apabila ia mewujudkan SIAC iaitu *Singapore International Arbitration Centre*, kita dapati bahawa memang SIAC ini mendapat dukungan yang kuat daripada kerajaan Singapura. Bukan itu sahaja, mereka juga mendapat sokongan daripada pertubuhan-pertubuhan NGO *business* yang lain ataupun *Singapore Business Council* yang memberikan sumbangan yang begitu besar dan banyak kepada SIAC.

Dan sebab itulah akhirnya kita tertinggal jauh walaupun kita dipilih sebenarnya KLRCA ini, tetapi akhirnya kita tertinggal jauh daripada SIAC. Dan dengan adanya pula Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 ini, maka timbullah persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Ratnam tadi dan saya bersetuju bahawa kita harus melihat kembali sebenarnya peranan KLRCA ini supaya ia terus memainkan peranan sebagai satu badan yang bebas, yang neutral, yang sebenarnya boleh membantu kita melaksanakan matlamat kita mewujudkan Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 ini iaitu bahawa kita mahukan kebanyakan kes-kes yang menjadi *distribute* dengan izin ini diselesaikan melalui timbang tara tidak lagi di mahkamah yang mengambil masa bertahun-tahun dan melibatkan kos yang banyak.

Jadi sebab itulah saya hanya menyentuh tentang KLRCA ini sebab saya tertarik dengan hujah tersebut dan ia harus diberikan perhatian sebenarnya. Perkara yang saya ingin sentuh di sini yang pertama ialah mengenai dengan pelantikan penimbang tara ini berdasarkan kepada Bab 3 Clause 13(1). Kita merasakan bahawa melalui Rang Undang-undang Timbang Tara, berdasarkan Bab 3 Clause 13(1) ini memang ternyata bahawa soal pelantikan penimbang tara ataupun *arbitrators* ini akan berlaku secara terbuka, sesiapa pun boleh menjadi penimbang tara, *arbitrators*.

Jadi sebab itulah kita mengharapkan bahawa sepatutnya KLRCA inilah yang diberi tanggungjawab untuk menyenaraikan sesiapaakah *arbitrators* yang berkeelayakan maksudnya bukan dibuka secara terbuka. Kalau tidak timbullah seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Ratnam tadi, maksudnya beliau memberi contoh kalau tak salah saya, *Institute Engineers of Malaysia* (IEM) tak salah saya beliau menyebut. Maksudnya IEM akan menentukan bahawa hanya orang yang mempunyai kelulusan dalam bidang *engineer*, kejuruteraan sahaja yang boleh menjadi *arbitrators*. Sebab kita tahu perniagaan untuk menjadi *arbitrators* ini sebenarnya sebagai satu perniagaan yang memang menguntungkan. Katalah mereka *distribute* RM30 juta, 1% pun bayaran *fees* daripada *distribute* RM30 juta ini besar sebenarnya keuntungannya sebab itu semua orang akan menjadi *arbitrators*.

Sebab itulah dalam Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 ini, Bab 3 Clause 13(1) ini sebenarnya memberi ruang kepada sesiapa pun nak menjadi *arbitrators* dan kalau ini tidak dikawal, maka akhirnya kita bimbang ini akan menjejaskan keberkesanan kepada penimbang tara di negara kita ini. Dan sebab itulah saya mengharapkan bahawa biarlah, maksudnya satu badan khusus dan kita sudah pun ada KLRCA ini supaya mereka ini yang diberi peranan untuk menyenaraikan. Pertama KLRCA

mestilah neutral, satu badan yang *non profit*, tribunal *non profit* yang bertujuan hanya keuntungan kepada *an users* dengan izin, bukannya kepada tribunal ini sebenarnya atau pun kepada KLRCA. Dia mesti menjadi satu badan yang neutral, *non profit* dan keuntungannya hanyalah kepada *an users*.

Saya setuju maksudnya pandangan Yang Berhormat tadi iaitu bahawa kalau tak salah saya beliau menyebut, bahawa KLRCA ini kerajaan mestiewartakan atau pun *gazette* mereka sebagai satu organisasi antarabangsa yang diiktiraf. Sebab kita mahu KLRCA ini mempunyai peranan yang diiktiraf sebenarnya, yang kukuh, yang kuat. Dan diberikan keistimewaan iaitu antaranya ialah *immunity*, kekebalan KLRCA ini. Dia perlu diberikan *immunity* kekebalan supaya dia dapat menjalankan tugasnya dengan neutral.

Dan kemudiannya ialah bahawa semua *arbitrators* ini mestilah disenaraikan oleh KLRCA, bukan maksudnya dengan bebas dan sebagainya tetapi sesiapa yang nak menjadi *arbitrators* dia mestilah duduk dalam senarai KLRCA. Dan ada prosedur-prosedurnya, maksudnya mereka ini siapa yang nak menjadi *arbitrators* ini ada prosedur yang ditentukan oleh KLRCA. Ini untuk menjamin kewibawaan tribunal timbang tara dalam negara kita. Antaranya barangkali ialah mereka mesti faham peraturan-peraturan *UNCITRAL* atau pun yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sebagai 'un-central' atau pun 'uni-central', maksudnya *arbitrators* kena faham ini semua tentang peraturan *UNCITRAL* ini.

Yang kedua, dia mesti faham antaranya yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Ratnam tadi tentang *New York Convention* sebab *New York Convention* ini amat penting sebenarnya sebab hampir 137 negara adalah menjadi ahli kepada *New York Convention*, jadi kena faham. Dan kita kena pastikan bahawa *arbitrators* ini juga tidak ada *conflict of interests*, dia bukan semata-mata untuk mencari keuntungan dan sebagainya. Jadi dengan cara ini, *arbitrators* yang ada di bawah senarai KLRCA ini dia akan datang daripada pelbagai golongan, bukan kalau *Institute Engineers of Malaysia*, dia akan ambil *engineer* sahaja, atau pun peserta arkitek, arkitek sahaja yang boleh menjadi *arbitrators*. Tapi kalau melalui KLRCA, semua boleh diplomat pun boleh, *engineer* boleh, *surveyor* boleh dan sebagainya untuk menjadi *arbitrators*.

Jadi senarai itu lengkap yang ada pada KLRCA, dengan kata lain KLRCA juga boleh memberikan latihan, *training* kepada mereka ini supaya untuk memantapkan kewibawaan *arbitrators* ini. Sebab itulah maksudnya, apa yang lebih penting di sini apabila kita mengadakan Rang Undang-undang Timbang Tara ini ialah kita

mengukuhkan, menguatkan sebenarnya, memantapkan lagi peranan KLRCA bukan maksudnya menjadi *redundant, irrelevant* dan akhirnya tutup kedai.

Tuan Yang di-Pertua, itu pertama yang ingin saya sentuh iaitu tentang pelantikan penimbang tara tadi. Yang kedua ialah perkara yang juga disentuh mengenai dengan campur tangan daripada mahkamah. Jadi saya bimbang, sebagai contohnya yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk M. Ratnam tadi saya setuju dengan beliau, iaitu kalau kita lihat perkara 10(1)(a) dan (b).

Kalau kita lihat di New Zealand sebagai contohnya ada kes di New Zealand, New Zealand masih menggunakan perkara 10(1)(a) dan (b), dua-dua ini dia ada (a) dan (b). Kalau di Singapura (b) memang dia tidak ada, tetapi kalau di New Zealand (a) dan (b) ada dan kita sekarang ini ada dua perkara ini (a) dan (b) dan ini menyebabkan di New Zealand banyak kes akhirnya mahkamah campur tangan sedangkan tujuan asal kita ialah kita mahukan sebarang *dispute* dibawa kepada Tribunal Timbang Tara yang mana akhirnya ialah untuk menjimatkan kos, menjimatkan masa dan sebagainya. Tetapi kalau akhirnya, kalau mahkamah mempunyai kuasa juga dan kalau kita lihat di dalam Rang Undang-undang Timbang Tara ini kalau kita lihat Bab 3 Clause 15(2), Bab 3 Clause 15(3), Bab 2 Clause 10(1) (a) dan (b) semuanya ini adalah unsur-unsur yang akhirnya nanti kita bimbang mahkamah akan mempunyai kuasa yang lebih besar untuk mempengaruhi keputusan-keputusan yang dibuat oleh timbang tara ini.

Tuan Yang di-Pertua perkara yang ketiga ialah saya hendak bangkitkan semula tentang *New York Convention* ini. *New York Convention* seperti mana yang saya sebut tadi bahawa 137 negara sekarang ini adalah menggunakan *New York Convention*. Dan kalau kita lihat di dalam Rang Undang-undang Timbang Tara 2005 ini memang tidak ada disebut perkara ini. Jadi yang menimbulkan kesulitan nanti ialah bagaimana maksudnya tribunal *awards* ini akan diiktiraf dan dapat dilaksanakan apabila melibatkan hubungan *reciprocal*, dengan izin iaitu di peringkat antarabangsa ini dengan berbagai-bagai negara ini. Bagaimana negara lain boleh mengiktiraf tribunal *awards* yang sudah pun diputuskan jika sekiranya kita tidak memasukkan *New York Convention* di dalam timbang tara ini.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada hujah yang asal bahawa sepatutnya apa yang kita lakukan sekarang ini ialah kita memperkukuhkan peranan KLRCA iaitu *Kuala Lumpur Regional Center For Arbitration* ini. Antara lain ialah kita menjadikan satu mandatori sebenarnya, mandatori iaitu terhadap sebarang timbang tara yang dibuat di Malaysia oleh mana-mana institusi atau badan sama ada

berdaftar di Malaysia atau di luar Malaysia mestilah berdaftar dengan KLRCA ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua dengan ini saya menyokong rang undang-undang ini. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum pada itu saya cuba hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Yang Berhormat cadang sambung hari ini ataupun sambung sahaja esok.

**Datuk M. Kayveas:** Saya minta lebih baik kita sambung esok.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dalam senarai saya, saya ada dua orang lagi Ahli Yang Berhormat yang bercadang minta berbahas. Saya minta kalau boleh Ahli Yang Berhormat berkenaan terus kepada perkara-perkara pokok yang hendak dibangkitkan tadi supaya kita mempunyai masa yang cukup untuk Yang Berhormat Timbalan Menteri menggulung pada petang ini. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam Rang Undang-undang Timbang Tara ini Tuan Yang di-Pertua ada banyak fasal dan juga banyak peruntukan dan juga banyak perkara yang baru. Jadi dalam tempoh 25 minit, 26 minit itu saya tidak jangka boleh habis Tuan Yang di-Pertua sungguhpun berusaha lebih baik kita bahaskan ini dengan baik kerana saya difahamkan di Dewan Rakyat kurang perbahasan, dan bila datang ke sini ada perkara-perkara yang penting yang mungkin tidak dibangkitkan dan ini akan menjejaskan proses kelulusan perundangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dua rakan saya yang telah sebut sebelum ini telah membangkitkan banyak isu dan saya sangat bangga bahawa kedua-dua kawan ini telah membuat banyak penyelidikan dan telah menumpukan perhatian kepada aspek-aspek yang penting dalam isu ini. Saya juga setuju dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa adalah lebih baik kita selesaikan perkara ini esok supaya perkara-perkara yang dibangkit itu boleh diberi pertimbangan yang berpatutan dan kemudian kita buat satu keputusan.

Macam tadi Tuan Yang di-Pertua, semasa kita membahaskan pindaan kepada Perlembagaan ada isu-isu yang dibangkitkan, tetapi oleh kerana kita hendak mempercepatkan maka kita tidak dapat kepuasan. Sebagai contoh tempoh pelantikan Ahli Dewan Negara itu sepatutnya tidak menjadi satu perkara yang masih tidak ada kebenaran. Sebenarnya ini satu peruntukan undang-undang dan sekarang kita ada dua pendapat, saya berharap Menteri akan memberi satu jawapan yang tepat dan *authoritative* supaya semua pihak boleh ikut. Ini sebagai contohlah Tuan Yang di-Pertua. Kita tidak mahu melihat keadaan di mana perkara-perkara macam ini tidak

dibereskan dan tergantung-gantung sahaja dan menimbulkan kekeliruan di antara semua pihak.

Dalam rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua kita ada dua aspek yang penting:-

- i. *Arbitration.*
- ii. *Mediation.*

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan di Malaysia sekarang kita guna untuk *mediation* kita guna mediasi or *mediation, mediation* mediasi, M.E.D.I.A.S.I. Untuk *arbitration* kenapa kita tidak guna arbitrase, mediasi itu boleh difaham dan itu sangat jelas. Tadi apabila saya keluar sekejap, kawan saya tanya ini rang undang-undang apa? Dia kata timbang tara dia orang pun tidak tahu apa timbang tara. So kalau kita guna arbitrase dan kawannya ialah mediasi, itu sudah jelas kerana dua-dua perkara ini berlaku *mediation* dan *arbitration* sebagai mengelakkan dari pergi ke mahkamah kerana mahkamah ambil masa ada banyak kes penangguhan, ada banyak tunggakan kerana peguam semua sangat mahal, *fee* mereka sangat mahal dan sebagainya dan kita mahu elak. Sekarang *arbitrator* dipanggil penimbang tara atau *arbitrator* ini dia ada satu skala bayaran skala *fee*. Dan nampak nya itu bergantung kepada amaun yang dipertikaikan. Berapa banyak dia punya amaun dalam ketidakfahaman itu, maka beberapa peratus daripada amaun di *charge* sebagai *fee* untuk penimbang tara itu, jadi ada satu skim yang tepat dan ini tidak begitu mahal bagi kedua-kedua parti dan ini elak daripada pergi ke mahkamah. Kita harus menggalakkan perkara ini, jadi *arbitration* atau arbitrase itu jadi satu aspek yang penting bagi negara kita. Kawan kita Yang Berhormat Ratnam, Yang Berhormat Datuk Dr. Fuad telah memberi banyak latar belakang tentang ini. Sebenarnya saya difahamkan KLRCA disokong oleh kerajaan dan pejabat mereka di Jalan Conlay itu pun mendapat bantuan daripada kerajaan. KLRCA juga mendapat bantuan kewangan daripada kerajaan dan mungkin anak ini dilahirkan oleh kerajaan. Ini yang penting.

Kalau kita ingin KLRCA menjadi satu badan yang penting dan diguna pakai oleh semua pertikaian, yang boleh diselesaikan melalui arbitrase itu, maka kita harus memberigalakan dan perlindungan kepada badan ini kerana ia disokong oleh kerajaan dan mendapat peruntukan daripada kerajaan, saya tidak tahulah mungkin RM40 ribu setahun atau atau RM400 ribu, saya pun tidak ingat tetapi ada peruntukan daripada pihak kerajaan. Memandangkan kita telah dibenarkan di bawah satu organisasi yang dipanggil *Asian African Legal Consultative Organization*, satu organisasi antara kerajaan

dan telah melantik Kuala Lumpur sebagai satu pusat serantau atau *regional center for arbitration* dan dengan itu telah wujud KLRCA.

*Singapore* juga cuba mendapatkan pelantikan itu tetapi tidak berjaya dan akibat daripada itu telah menubuhkan SIAC sebagai satu badan untuk melawan KLRCA. Kalau kita bandingkan bantuan yang didapati di *Singapore* dengan bantuan yang didapati oleh badan di sini, nampaknya jauh beza dan ini adalah satu aspek yang saya pun tidak faham kenapa berlaku. KLRCA ini bukan satu badan yang baru, ia sudah ada lebih kurang 20 lebih tahun sudah terkenal dan di atas, telah lama Tuan Yang di-Pertua, kerana perkara perundangan untuk arbitrase ini telah mula pada tahun 1976 iaitu di bawah satu badan yang dipanggil *Unitra Arbitration Rules 1976*, yang berasaskan kepada satu resolusi badan-badan bersatu yang telah diguna pakai sejak 15 Disember tahun 1976 satu UN *resolution*.

Berasaskan itu, kita sudah dapat pengiktirafan dan badan ini bukan sahaja menjalankan arbitrase di Malaysia tetapi di rantau ini, ini adalah satu *regional center* atau pusat serantau. Panel daripada badan ini datang daripada rantau Asia Afrika dan mereka pakar-pakar ini, diperakukan oleh kerajaan mereka supaya dilantik sebagai panel. Jadi, kerajaan kita harus mengkaji dari aspek ini sama ada kita mahu menggalakkan badan ini supaya tumbuh dan menjadi lebih penting atau pun kita mahu membuka ruang pada badan-badan lain, masuk dan kemudian seperti yang disebutkan oleh kawan saya Datuk Dr. Fuad tadi, mungkin ini bukan skop dan dapat memainkan peranan.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perkara ini telah diakui oleh Akta Arbitrase Malaysia tahun 1952 iaitu satu daripada Akta yang akan dimansuhkan itu iaitu Akta Timbang Tara 1952 iaitu Akta 93 dan di atas pengiktirafan ini, maka Seksyen 34 telah diguna pakai, di mana KLRCA telah dikecualikan daripada penyeliaan mahkamah-mahkamah Malaysia. Mahkamah-mahkamah Malaysia tidak akan campur tangan dalam sebarang arbitrase yang dijalankan oleh KLRCA. dan mereka yang bertugas bagi ini telah diberi kekebalan atau *immunity*., Pengarah *Center* ini diberi kekebalan. Ada beberapa aspek dalam perundingan ini telah lari daripada falsafah asal.

Kalau kita lihat balik kenapa kerajaan buat keputusan untuk mengecualikan daripada Akta Timbang Tara 1952 ini badan seperti ini, iaitu guna pakai Seksyen 34 di mana ia dikeluarkan daripada penyeliaan mahkamah Malaysia.. Itu adalah perkara-perkara pokok yang harus diberi pertimbangan. So, apabila saya lihat perundangan ini saya kurang jelas apakah maksud kerajaan? Sama ada kerajaan masih mahu

mempertahankan badan ini dan membantu badan ini atau pun kerajaan mahu wujudkan satu suasana, satu suasana di mana ramai pemain boleh masuk, boleh ambil bahagian dan kemudian dari segi kawalan, Tuan Yang di-Pertua, sekarang tidak ada satu badan. Ada badan-badan yang memberi latihan kepada penimbang tara, Malaysia *Institute of Arbitrators* itu ada atau *Chartered Institute of Arbitrators* itu ada. Tetapi itu semata-mata memberi latihan kepada orang yang ingin menjadi penimbang tara. Tetapi dari segi kawalan, dari segi pendaftaran tidak ada seorang pendaftar penimbang tara. Jika sekiranya penimbang tara itu tidak melakukan kerja dengan baik, kalau mereka melindungi aspek-aspek kepentingan dan sebagainya dalam menjalankan urusan mereka, maka sukar bagi kerajaan untuk mengenal pasti siapa terlibat, apakah berlaku dan sebagainya kerana tidak ada peruntukan dalam Rang Undang-undang ini untuk pendaftaran orang yang mahu menjadi penimbang tara atau *arbitrator*.

Saya difahamkan oleh Tuan Yang di-Pertua, ada orang yang baru berijazah umur 21 tahun telah minta didaftar sebagai penimbang tara dengan KLRCA. Kalau demikian apa pengalaman yang ada dengan orang itu, apa kepakaran yang boleh dibawa untuk menyelesaikan tugas yang mungkin satu *dispute*, pertikaian yang melibatkan berjuta-juta ringgit bagaimana orang ini boleh selesaikan? Bagaimana orang boleh ada keyakinan, kalau kita lihat yang datang untuk menjadi penimbang tara itu seorang budak sahaja mungkin kita tidak ada keyakinan supaya dia boleh menyelesaikan perkara ini.

Oleh sebab itu kita tidak ada satu badan yang membuat pendaftaran, kita tidak ada satu badan yang membuat pengawasan dan kalau kita buka ruang ini kepada pihak-pihak yang tidak mempunyai pentauliahahan yang mencukupi, maka inilah akan menjadi pusat kita Kuala Lumpur atau Malaysia ini sebagai satu tempat yang mana orang akan mengelak daripada merujuk perkara-perkara.....

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik :** Minta laluan.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** .....dan cari penyelesaian luar daripada Malaysia kalau demikian kita terjejas Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Tuan Yang di-Pertua minta laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila Datuk Roslan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Yang Berhormat. Salah satu yang dikatakan tadi di dalam fasal-fasal ini saya nampak tidak ada peruntukan masa. Oleh sebab mungkin di dalam undang-undang pun tidak ada peruntukan masa untuk menyelesaikan sesuatu *arbitration*, dengan izin. Adakah pada pandangan Yang

Berhormat perlu dimasukkan masa oleh sebab di dalam kita jimatkan kos, masa juga memainkan satu peranan yang penting khususnya di dalam tuntutan *arbitration* yang perlu diselesaikan dengan secepat mungkin.

Oleh sebab itu pada jangka masa yang berapa lamakah yang sepatutnya sesuatu arbitrase itu, timbang tara itu perlu diselesaikan? Oleh sebab kalau tidak dia jadi seperti mahkamah, di mana akan mengambil masa dengan begitu panjang. Tugas badan timbang tara ini ialah untuk mempercepatkan dan mengelak dimasukkan campur tangan oleh mahkamah dikurangkan. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat tentang masa ini?

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Tuan Yang di-Pertua dari segi masa itu mungkin sukar bagi ia diputuskan, kerana ia akan bergantung pada kompleksiti kes-kes yang telah dibawa untuk seseorang, sesuatu parti penimbang tara itu, mungkin tengoklah kes itu satu kes yang rumit atau kes itu senang diselesaikan, tetapi menurut amalan yang juga pengalaman yang sedia ada itu nampaknya melalui proses ini mempercepatkan penyelesaian. Tetapi boleh dilambatkan kalau kita luluskan rang undang-undang ini, kerana rang undang-undang ini juga membuka ruang sekarang kepada campur tangan daripada mahkamah. Dengan adanya campur tangan daripada mahkamah, tadi ada sentuh Seksyen 10, telah membuka ruang kepada mahkamah bukan 10 sahaja, saya ada 10, 15, 41, 42 dan lain-lainlah. Saya ambil empat contoh sahaja yang membuka ruang kepada mahkamah supaya masuk sahaja kes itu tak boleh selesai lagi dan dilambat-lambatkan. Oleh sebab itu apabila KLRCA ditubuhkan, Akta Arbitrase atau Akta Timbang Rasa Malaysia 52 itu telah dikeluarkan badan ini.....

**Timbalan Yang di-Pertua:** "Timbang tara" Yang Berhormat bukan "timbang rasa".

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** "Timbang tara" bukan saya "timbang rasa" *sorry* timbang tara. *[Ketawa]* Saya pun sudah keliru lebih baik saya pakai perkataan "arbitrase". Akta Arbitrase itu telah kata KLRCA dikeluarkan daripada penyeliaan mahkamah, oleh sebab itu maka boleh diselesaikan dengan cepat - ini yang penting. Jadi falsafah itu saya nampak rang undang-undang ini sudah lari daripada falsafah. Itu ialah pengasas kerana, kenapa kita ada arbitrase Tuan Yang di-Pertua? Kalau kita sekarang masuk unsur mahkamah dan sebagainya habislah cerita, kerana mana parti pun boleh mengambil kesempatan untuk masuk ke mahkamah dengan mungkin tujuan mendapat keadilan kerana dalam proses timbang tara itu mungkin tidak puas hati.

Tetapi ada peruntukan di sini, pelantikan penimbang tara dan sebagainya semua sudah ada peruntukan. Jadi kita kena tanya kerajaan sebenarnya, adakah rang undang-undang ini telah mengetepikan falsafah yang paling asas iaitu supaya elak daripada campur tangan mahkamah, dan sekarang banyak perjanjian, banyak *agreements*, sudah ada satu fasal yang menyebutkan bahawa bila ada pertikaian ia harus dirujuk kepada *arbitration* bukan ke mahkamah sebagai jalan keluar yang utama, dan kita harus memberi pandangan kepada fakta ini, kalau tidak sukar bagi kita mentadbir.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai apa yang disebutkan tadi pakat campur tangan mahkamah sekarang sudah ada peruntukan Fasal 10, 15, 41, 42 yang mana ada ruang bagi mahkamah masuk campur tangan, dan apa yang disebutkan di bawah Fasal 10 sebagai satu jalan keluar. Kalau satu-satu pihak ingin ke mahkamah, mahkamah yang pertama mesti putuskan sama ada perjanjian itu adalah batal dan tidak sah atau *null and void*, itu yang pertama. Kalau itu diputuskan bahawa ia tidak berkuat kuasa *inoperative*, tidak berupaya untuk dilaksanakan *incapable of being performed*, maka mahkamah boleh kata, "Ok", ini adalah satu aspek yang mahkamah boleh campur tangan kerana *agreement* atau perjanjian pertama itu sudah ada masalah-masalah, tetapi di sini sudah tambah satu lagi peruntukan B di bawah B yang menyatakan, "tiada pertikaian antara pihak-pihak", itu mahkamah, interpretasi mahkamah ialah sebenarnya tidak ada pertikaian supaya mahkamah boleh putuskan hal ini.

Kalau demikian maka kuasa untuk *arbitration* ini telah diambil alih oleh mahkamah, dan ini telah lari daripada falsafah mengapa kita ada arbitrase. Tuan Yang di-Pertua, biar saya memberi beberapa lagi contoh tentang aspek-aspek yang saya rasa penting.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Kerana kawan saya tadi, dua rakan saya yang berucap tadi telah membangkitkan banyak perkara dan saya setuju dengan pendapat-

pendapat mereka. Biar saya memperkukuhkan apa yang telah dibangkitkan supaya saya tidak mengambil begitu banyak masa.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, memandangkan banyak lagi perkara-perkara yang hendak dibahaskan oleh Yang Berhormat kebetulan masa pun dah cukup....

**Dato' Dr. Chin Fook Weng:** Saya sambung esok pagi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** .... dan akan sambung pada pagi besok. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa bersidang telah cukup. Saya tangguhkan Dewan sehingga jam 10.00 pagi besok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.31 petang.***